



LEMBAGA TABUNG ANGGKATAN TENTERA



*40 Tahun*  
1972-2012  
Laporan Tahunan 2012 Annual Report



**40 Tahun**  
1972-2012  
Laporan Tahunan 2012



LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

# Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 2012

## Kandungan

### MAKLUMAT KORPORAT

Dasar Kualiti	2
Petunjuk Prestasi Utama	2
Penyata Pengerusi	3
Latar Belakang	4
Pernyataan Urus Tadbir Korporat	6
Pernyataan Kawalan Dalaman	16
Lembaga Pengarah	18
Panel Pelaburan	20
Jawatankuasa Kerja Pengurusan	21
Jawatankuasa Audit	22
Pengurusan	22
Carta Organisasi	23
Perutusan Pengerusi	24
Laporan Penilaian Hasil dan Impak	37
Analisis Prestasi Kewangan	46
Prestasi Kewangan Lima Tahun LTAT	47
Prestasi Kewangan Lima Tahun Kumpulan	48
Laporan Bantuan Kerajaan	49
Sijil ISO 9001	145
Sijil ISO/IEC 20000	146

### PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan LTAT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012	50
Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk)	51
Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Kumpulan)	51
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan LTAT	52
Penyata Kewangan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012	53
Penyata Kedudukan Kewangan	54
Penyata Pendapatan Komprehensif	56
Penyata Perubahan Ekuiti	58
Penyata Aliran Tunai	61
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	64
Penyata Kewangan LTAT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012	119
Penyata Kedudukan Kewangan	120
Penyata Pendapatan Komprehensif	121
Penyata Perubahan Ekuiti	122
Penyata Aliran Tunai	123
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	124



#### Kulit hadapan

Kulit hadapan Laporan Tahunan 2012 memaparkan kepelbagaian aktiviti pelaburan LTAT semenjak penubuhannya 40 tahun yang lalu selari dengan 6 daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, Minyak, Gas & Tenaga, Minyak Sawit & Getah, Perkhidmatan Kewangan, Pelancongan dan Penjagaan Kesihatan yang telah disarankan oleh Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.



## DASAR KUALITI


LTAT adalah komited untuk menjadi sebuah organisasi berwibawa dan mencapai tahap pengurusan dana wang caruman anggota angkatan tentera yang tinggi bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dari segi pemberian perkhidmatan dan pulangan wang caruman serta meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan.

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran
1. Dividen, Bonus dan Bonus Khas kepada Pencarum	15%
2. Pulangan Pelaburan	11.2%
3. Indeks Kepuasan Pelanggan	90%
4. Memproses Pengeluaran Caruman dan Bayaran Skim Faedah Kematian & Hilang Upaya dalam tempoh 24 Jam	100%
5. Memproses Pengeluaran Perumahan dalam tempoh 24 Jam	100%
6. Nisbah Kos kepada Pendapatan	Tidak melebihi 6.0%
7. Laporan Kewangan dan Pengurusan	Sijil Audit Bersih

Yang Berhormat  
Menteri Pertahanan Malaysia.

Kami, Ahli-Ahli Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dengan segala hormatnya, mengikut Seksyen 17(4) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), mengangkat kira-kira Lembaga bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012.

Bagi pihak Lembaga,



**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR (BERSARA)**  
Pengerusi

## LATAR BELAKANG LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

### LATAR BELAKANG

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen.

#### *Objektif Utama*

LTAT mempunyai dua objektif utama. Objektif utama yang pertama adalah mengadakan faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) lain-lain pangkat (pencarum wajib) dan satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai angkatan tentera dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela.

Objektif utama yang kedua adalah melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota angkatan tentera yang akan atau telah bersara.

#### *Caruman*

Di bawah skim persaraan, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan kepada LTAT dan kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM750 sebulan.

### VISI

Menjadi sebuah organisasi pengurusan dana yang berjaya dan dicontohi oleh badan-badan Kerajaan dan korporat.

### MISI

LTAT mempunyai tiga misi penting seperti berikut :

- Mengadakan faedah persaraan dan sosioekonomi yang bermutu tinggi untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia.
- Membantu dalam pembangunan negara melalui pelaburan yang berhemat dan menguntungkan.
- Menerapkan nilai kualiti dan budaya kerja cemerlang di kalangan pekerja dan bekerja secara berpasukan dengan penuh dedikasi, tanggungjawab, disiplin, amanah, proaktif, dan inovatif ke arah pencapaian yang cemerlang dan berterusan.

### FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA YANG SEDANG BERKHIDMAT

#### *Pengeluaran Sekaligus Termasuk Dividen dan Bonus*

Pencarum wajib yang bertaraf tidak berpencen akan dibayar semua wang simpanannya dan caruman kerajaan termasuk dividen dan bonus terkumpul secara sekaligus apabila pencarum meninggal dunia (kepada waris), berhenti atau bersara daripada perkhidmatan, atau telah mencapai umur 50 tahun.

Pencarum wajib yang berpencen akan hanya dibayar wang simpanannya termasuk dividen dan bonus yang terkumpul sahaja secara sekaligus tanpa sumbangan kerajaan apabila pencarum meninggal dunia (kepada waris), berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau telah mencapai umur 50 tahun. Wang sumbangan kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP untuk bayaran pencen bulanan.

Pencarum sukarela boleh mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa dan ianya diberikan kelonggaran untuk menjadi ahli bagi kali kedua walaupun telah membuat pengeluaran caruman kali pertama.

Dari semasa ke semasa, LTAT juga mengagihkan bonus khas dalam bentuk unit-unit amanah saham secara percuma kepada pencarum-pencarumnya. Bagaimanapun pengagihan ini adalah bergantung kepada prestasi kewangan semasa LTAT.

#### *Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya*

Semua pencarum secara automatik mendapat perlindungan di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya LTAT. Skim ini membolehkan sejumlah wang dibayar kepada pencarum yang diberhentikan atas sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan, atau kepada waris pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

**FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA YANG SEDANG BERKHIDMAT (sambungan)*****Pengeluaran Sebahagian Caruman Untuk Membeli Rumah***

Pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya sahaja atau 10% daripada harga harta tak alih yang mana lebih rendah, untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman.

**FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA TENTERA YANG AKAN DAN TELAH BERSARA*****Program Latihan Peralihan Bagi Anggota Tentera Yang Akan Dan Telah Bersara***

LTAT menawarkan pelbagai program latihan peralihan bagi anggota tentera yang akan dan telah bersara untuk menyediakan mereka untuk kerjaya kedua melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang telah ditubuhkan dalam tahun 1994.

**PERBADANAN MILIKAN PENUH LEMBAGA TABUNG ANGGKATAN TENTERA*****Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)***

Perbadanan Perwira Niaga Malaysia atau PERNAMA, sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1983, mengendalikan rangkaian kedai-kedai runcit di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara untuk menjual barangan pengguna, sebahagiannya bebas cukai, kepada anggota angkatan tentera dan keluarga mereka.

***Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)***

Perbadanan Perwira Harta Malaysia atau PPHM, sebuah lagi perbadanan milik penuh LTAT, telah ditubuhkan dalam tahun 1984 untuk menjalankan aktiviti perniagaan berhubung dengan pengambilan, pembelian, pemilikan, penyewaan, pemajakan, pembangunan dan penjualan harta, menawarkan perkhidmatan pengurusan projek hartanah serta menjalankan aktiviti penyelenggaraan harta bagi pihak LTAT.

***Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)***

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera atau PERHEBAT ialah perbadanan milik penuh ketiga LTAT. Ditubuhkan dalam tahun 1994, PERHEBAT menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan untuk anggota angkatan tentera yang akan dan telah bersara.

***Alamat***

Tingkat 12  
Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang  
Peti Surat 11542  
50748 Kuala Lumpur

***Juruaudit***

Ketua Audit Negara  
Malaysia

***Bank Utama***

Affin Bank Berhad

***Peguam-Peguam Utama***

Tetuan Azam, Lim & Pang  
Tetuan Adam & Co  
Tetuan Azzat & Izzat

***Laman Web***

[www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)

## PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

### KOD

Lembaga Pengarah memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan piawaian urus tadbir korporat yang paling tinggi dan aplikasi yang efektif, selaras dengan Prinsip Amalan Terbaik Urus Tadbir Korporat seperti yang digariskan dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, diamalkan di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan sebagai satu bahagian penting di dalam pelaksanaan tanggungjawabnya dalam mengendalikan aset dan mentadbir wang pencarum LTAT. Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa LTAT dan Kumpulan telah menerima pakai prinsip-prinsip dan mematuhi amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod tersebut.

### LEMBAGA PENGARAH

#### *Komposisi Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan dan Pengurusan*

LTAT mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan dan Pengurusan dalam pembentukan, penentuan hala tuju dan operasinya. Lembaga Pengarah LTAT dianggotai oleh ahli-ahli yang berpengalaman dan mahir dengan pelbagai latar belakang seperti kewangan, ekonomi, perkhidmatan awam dan perakaunan yang amat penting untuk mencapai kejayaan strategik LTAT secara menyeluruh. Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keseluruhan urus tadbir korporat LTAT dan Kumpulan termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut.

#### *Integriti Lembaga Pengarah*

Keputusan Lembaga Pengarah tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Pengarah yang berkenaan dikehendaki untuk mengecualikan diri dalam apa-apa pertimbangan (kecuali atas undangan Lembaga) dan pengundian dalam perkara yang melibatkan kepentingan mereka, peribadi atau yang berkaitan dengan pemegang saham yang diwakili mereka.

Lembaga Pengarah ialah badan yang dibentuk untuk mentadbir LTAT mengikut apa-apa jua cara yang dapat memajukan kepentingan pencarum dan juga personel yang akan bersara, pesara ATM dan anggota Kerahan Angkatan Sukarela. Fungsi Lembaga juga adalah untuk menggubal dasar pentadbiran dan pengurusan serta memastikan LTAT mencapai objektifnya dengan sempurna dan cemerlang.

Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada :

- (i) Pengerusi, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan atau wakil yang dilantik oleh Menteri.
- (ii) Timbalan Pengerusi iaitu wakil daripada Kementerian Pertahanan.
- (iii) Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- (iv) Ketua Eksekutif yang merupakan seorang ahli ex-officio.
- (v) Empat (4) orang ahli yang dilantik oleh Menteri untuk mewakili pencarum, seorang daripadanya hendaklah Panglima Angkatan Tentera.
- (vi) Beberapa orang ahli lain, tidak melebihi empat (4) orang yang dilantik oleh Menteri.

Ketua Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga dan tertakluk kepada kelulusan Menteri, hendaklah bertanggungjawab atas pengurusan dan operasi LTAT dan melaksanakan semua dasar serta strategi yang ditetapkan oleh Lembaga.

#### *Mesyuarat Lembaga Pengarah*

Lembaga Pengarah bermesyuarat empat (4) kali setahun walaupun Seksyen 4 (4) di bawah Jadual Pertama 4 (1) Akta TAT 1973 (Akta 101) hanya memperuntukkan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap enam (6) bulan. Pengerusi atau seseorang ahli yang bertugas sebagai Pengerusi semasa Pengerusi tidak ada dan tiga (3) orang ahli lain boleh dijadikan korum pada mana-mana mesyuarat Lembaga. Pada setiap mesyuarat, Lembaga Pengarah menimbang dan membuat keputusan ke atas cadangan yang berkaitan dengan operasi dan pentadbiran, dasar serta isu semasa dan strategik LTAT serta meluluskan penyata kewangan LTAT.

Kesemua Lembaga Pengarah diberikan maklumat yang tepat dan lengkap sebelum tiap-tiap mesyuarat untuk membolehkan mereka mendalami isu-isu yang akan dibincangkan untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat serta dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam mesyuarat berkenaan. Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, Lembaga boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam peruntukan di dalam Akta TAT 1973 (Akta 101) di bawah seksyen 5 (3) dan dibiayai perbelanjaannya oleh LTAT. Bagi tahun 2012, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

### ***Persaraan dan Pelantikan Semula***

Ahli Lembaga Pengarah, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) di bawah Seksyen 4(3) (d) (selain Panglima Angkatan Tentera) dan (e) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, sebagaimana yang ditentukan dalam surat pelantikan mereka dan mereka layak dilantik semula. Pelantikan Panglima Angkatan Tentera adalah atas jawatannya.

### ***Imbuan Lembaga Pengarah***

Lembaga Pengarah yang telah dilantik boleh dibayar apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

### **PANEL PELABURAN**

Panel Pelaburan adalah badan yang dibentuk mengikut Seksyen 6 (1), (2) dan (3) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan dengan bidang pelaburan LTAT.

Panel Pelaburan adalah terdiri daripada :

- (i) Pengerusi yang dilantik oleh Menteri atas nasihat Lembaga Pengarah.
- (ii) Panglima Angkatan Tentera.
- (iii) Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
- (iv) Dua (2) orang Ahli yang berpengalaman dalam perniagaan atau kewangan yang dilantik oleh Menteri.

### ***Mesyuarat Panel Pelaburan***

Mesyuarat Panel Pelaburan biasanya diadakan sebelum Lembaga bermesyuarat dan apabila dikehendaki oleh Lembaga. Pengerusi dan dua (2) orang ahli lain adalah mencukupi untuk dijadikan korum dalam sesuatu mesyuarat Panel. Bagi tahun 2012, Panel Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

### ***Persaraan dan Pelantikan Semula***

Seseorang ahli Panel Pelaburan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh LTAT dan layak dilantik semula.

### ***Imbuan Panel Pelaburan***

Panel Pelaburan yang dilantik layak dibayar apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

### **JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

Lembaga Pengarah dalam menjalankan tugasnya, boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa terdiri daripada mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Lembaga untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan urus tadbir korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Jawatankuasa penting yang diwujudkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pentadbirannya adalah seperti yang berikut :

- ***Jawatankuasa Kerja Pengurusan***
- ***Jawatankuasa Audit***
- ***Lembaga Perolehan***
- ***Jawatankuasa Temu Duga***
- ***Jawatankuasa Tatatertib***
- ***Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun***
- ***Jawatankuasa Skim Gaji dan Perkhidmatan***
- ***Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan***
- ***Jawatankuasa Pengurusan Risiko***
- ***Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti***
- ***Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat***

## PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

- **Jawatankuasa Kerja Pengurusan**

Jawatankuasa Kerja Pengurusan adalah badan yang dibentuk untuk membantu Lembaga merangka dasar, pelan dan strategi mengenai perkara yang berkaitan dengan operasi dan pentadbiran. Semua perkara yang dibincang dan diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga untuk pengesahan dan kelulusan. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa Kerja Pengurusan telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

### **Komposisi Jawatankuasa Kerja Pengurusan**

#### **Pengerusi**

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)

#### **Ahli**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi

**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Datuk Nozirah Binti Bahari

**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia**

- **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam mengkaji, menilai, dan melaporkan perkara berkaitan dengan pengauditan yang merangkumi pelan audit, dasar dan prosedur dalaman, membincang tentang laporan audit dalaman dan laporan Ketua Audit Negara mengenai laporan kewangan dan memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusinya. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

### **Komposisi Jawatankuasa Audit**

#### **Pengerusi**

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)

#### **Ahli**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi

**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Datuk Nozirah Binti Bahari

**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia**

- **Lembaga Perolehan**

Lembaga Perolehan adalah terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah untuk mengelolakan perolehan LTAT bernilai melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM100 juta bagi satu-satu jenis item, atau satu-satu kelas jenis item, atau satu-satu projek, atau satu-satu kontrak. Keahlian dan bidang kuasa Jawatankuasa Perolehan LTAT adalah seperti berikut :

### **Komposisi Lembaga Perolehan**

(1) Had jumlah kewangan **melebihi RM500,000** tetapi **tidak melebihi RM20 juta**.

#### **Pengerusi**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

#### **Ahli**

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM

**Timbalan Panglima Tentera Udara**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi

**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin

**Ketua Eksekutif**

- (2) Had jumlah kewangan **melebihi RM20 juta** tetapi **tidak melebihi RM100 juta**.

**Pengerusi**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

**Ahli**

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM  
**Timbalan Panglima Tentera Udara**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi  
**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
**Ketua Eksekutif**

Dan wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)

- (i) Puan Rifaela binti Shuib  
**Ketua Penolong Setiausaha**  
Unit Data  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
(Ahli Tetap)
  - (ii) Encik Samsuri bin Haji Maslan  
**Ketua Penolong Setiausaha Teknikal**  
Seksyen Bekalan dan Perkhidmatan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
(Ahli Ganti)
- (3) Bagi perolehan **tidak melebihi RM100,000** adalah memadai bagi LTAT menggunakan borang Pesanan Rasmi dan ditandatangani oleh Pegawai yang diberi kuasa.
- (4) Bagi perolehan LTAT **melebihi RM100,000, tetapi tidak melebihi RM500,000** bagi setiap jenis item, projek atau kontrak, hendaklah ditimbang dan disetujui terima oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang keahlian adalah dilantik oleh Ketua Eksekutif.
- (5) Bagi tender bernilai **melebihi RM100 juta**, pertimbangan dan keputusan muktamad adalah dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Bagi tahun 2012, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali.

• **Jawatankuasa Temu Duga**

Jawatankuasa Temu Duga adalah terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Lembaga yang bertanggungjawab bagi menemu duga, melantik, dan mengesahkan jawatan pegawai-pegawai LTAT.

**Komposisi Jawatankuasa Temu Duga**

- (i) Bagi Gred 25 ke atas, Jawatankuasa Temu Duga adalah terdiri daripada ahli-ahli seperti yang berikut :

**Pengerusi**

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM  
**Timbalan Panglima Tentera Udara**

**Ahli**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi  
**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin bin Ali  
**Timbalan Panglima Tentera Laut**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
**Ketua Eksekutif**

Bagi tahun 2012, sebanyak satu (1) temu duga dijalankan bagi gred 25 ke atas.

## PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

- (ii) Lembaga menurunkan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk menemu duga, melantik, dan mengesahkan jawatan bagi Gred 23 dan ke bawah. Komposisi Jawatankuasa adalah seperti berikut;

### Untuk Gred 23:

- a) Ketua Eksekutif/Timbangan Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi
- b) Pengurus Besar Pelaburan
- c) Pengurus Besar (Operasi)
- d) Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan)

Bagi tahun 2012, sebanyak satu (1) temu duga dijalankan bagi gred 23 ke bawah.

### Untuk Gred 21 ke bawah:

- a) Ketua Eksekutif/ Timbalan Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi
- b) Pengurus Besar Pelaburan
- c) Pengurus Besar (Operasi)
- d) Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan)
- e) Pengurus Tenaga Manusia dan Pentadbiran

Bagi tahun 2012, sebanyak tujuh (7) temu duga telah diadakan bagi gred 21 ke bawah.

#### • Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa Tatatertib adalah bertanggungjawab untuk menimbang dan menentukan hukuman tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan LTAT yang telah melanggar syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

#### *Komposisi Jawatankuasa Tatatertib*

- (i) Bagi Pegawai Kumpulan A

- a) Dua (2) ahli Lembaga yang salah seorang daripadanya hendaklah menjadi Pengerusi, tidak termasuk Timbalan Pengerusi Lembaga dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.
- b) Ketua Eksekutif
- c) Pengurus Besar (Operasi) menjadi Setiausaha

- (ii) Bagi Pegawai Kumpulan B dan ke bawah

- a) Ketua Eksekutif hendaklah menjadi Pengerusi
- b) Timbalan Ketua Eksekutif
- c) Pengurus Besar (Operasi)
- d) Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan) menjadi Setiausaha

Bagi tahun 2012, tiada mesyuarat diadakan kerana tiada keperluan.

#### • Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga dan dianggotai oleh sekurang-kurangnya enam (6) orang Pegawai Gred 21 ke atas. Jawatankuasa tersebut adalah bertanggungjawab membantu Ketua Eksekutif untuk mengawasi, mengesan, dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) dan Peraturan Kewangan yang sedia ada. Jawatankuasa ini perlu menyediakan laporan suku tahunan untuk dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali.

#### • Jawatankuasa Skim Gaji Dan Perkhidmatan

Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Lembaga dengan tujuan untuk membuat kajian lanjut ke atas syor-syor tertentu berkenaan dengan skim perkhidmatan LTAT.

**Komposisi Jawatankuasa Skim Gaji dan Perkhidmatan**

Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah seperti berikut :

**Pengerusi**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

**Ahli**

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM  
**Timbalan Panglima Tentera Udara**

YBhg. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin bin Ali  
**Timbalan Panglima Tentera Laut**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
**Ketua Eksekutif**

Bagi tahun 2012, tiada mesyuarat diadakan kerana tiada keperluan.

• **Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk mewujudkan pentadbiran LTAT yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi dalam mempertingkatkan amalan nilai murni selaras dengan matlamat wawasan LTAT khususnya dan negara amnya. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan dengan perkara-perkara berikut :

- (i) Mengetahui, mengkaji serta memperakui pindaan kepada mana-mana undang-undang dan peraturan LTAT yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan, mempertingkatkan kawalan terhadap perlakuan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan terutamanya dalam pengurusan kewangan dan pelaburan;
- (ii) Mengetahui, mengkaji serta memperakui kepada pihak berkuasa berkenaan apa-apa perubahan dalam sistem dan prosedur kerja jabatan bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan, ketelusan serta akauntabiliti dalam perkhidmatan;
- (iii) Melaksanakan aktiviti penggalakan, penerapan serta penghayatan nilai-nilai murni dan etika bagi memperkukuhkan tahap integriti pegawai dan kakitangan LTAT;
- (iv) Menggubal dan memperkemas Kod Etika kerja sebagai panduan kepada pegawai dan kakitangan LTAT;
- (v) Memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang memberi perkhidmatan cemerlang, mereka yang mempamerkan dan menghayati nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti kerja dan sukarela serta mereka yang melaporkan penyelewengan dan salah laku dalam jabatan;
- (vi) Mengambil tindakan atau memperakui kepada pihak berkuasa tatatertib untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan yang didapati telah melanggar mana-mana peraturan di bawah Peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) 1996 dan memberi kerjasama atau melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebarang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa oleh mana-mana pegawai dan kakitangan;
- (vii) Mengawas dan mengatur langkah-langkah kawalan dalaman dalam pelaksanaan tugas-tugas penyeliaan oleh pegawai kanan bagi mencegah sebarang penyelewengan dan jenayah rasuah; dan
- (viii) Mengambil tindakan pemulihan selepas sesuatu kejadian pelanggaran tatatertib atau perlakuan jenayah termasuk rasuah melalui tindakan pembetulan seperti memperketatkan kawal selia disiplin, meminda prosedur dan peraturan, memastikan prinsip ketelusan jabatan diamalkan serta meningkatkan kecekapan jabatan dan unit.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan dan melaporkan status tindakan kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Kementerian Pertahanan. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

## PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

- ***Jawatankuasa Pengurusan Risiko***

Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Lembaga dengan tujuan untuk mengawasi pelaksanaan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko termasuk membangunkan Rangka Pengurusan Risiko, menyemak infrastruktur pengurusan risiko, menyediakan syor-syor berkaitan risiko ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan sedia ada dan baru dan melaporkan isu-isu berkaitan dengan risiko kepada Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua ketua jabatan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

- ***Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti***

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti ini ditubuhkan untuk membuat penambahbaikan atas keseluruhan sistem pengurusan kualiti bagi membolehkannya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada pencarum.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Timbalan Ketua Eksekutif selaku Wakil Pengurusan dan Pengerusi, Pengurus-Pengurus Kanan, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang dilantik oleh pengurusan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi membincang dan menilai semula sistem pengurusan wang caruman ahli dan memastikan LTAT memperoleh persijilan ISO 9001:2008. Bagi tahun 2012, mesyuarat MKSPK telah diadakan sebanyak dua (2) kali.

- ***Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat***

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat ditubuhkan dalam tahun 2009 bertujuan untuk membuat pemantauan dan penambahbaikan atas keseluruhan sistem pengurusan teknologi maklumat bagi membolehkannya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat kepada pegawai, kakitangan dan pencarum LTAT.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Timbalan Ketua Eksekutif selaku Wakil Pengurusan dan Pengerusi, Pengurus-Pengurus Kanan, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh pengurusan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun bagi membincang dan menilai semula sistem pengurusan teknologi maklumat di LTAT dan memastikan LTAT mengekalkan persijilan ISO/IEC 20000-1:2011. Bagi tahun 2012, mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak satu (1) kali.

## KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN PENGAUDITAN

### ***Laporan Kewangan***

LTAT sebagai sebuah badan berkanun adalah dikehendaki untuk mengemukakan akaunnya kepada Pejabat Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan setiap tahun. Akaun yang telah diaudit akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan. Lembaga juga perlu memastikan yang semua rekod perakaunan dilaporkan dengan tepat dan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai status LTAT setakat akhir tahun kewangan, berdasarkan piawaian perakaunan yang diguna pakai.

Sebagai mematuhi peruntukan di dalam Akta TAT 1973 (Akta 101), Lembaga Pengarah hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :

- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermula setiap tahun kewangan, menimbang dan meluluskan suatu anggaran perbelanjaan Lembaga (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya;
- Lembaga bertanggungjawab mengarahkan supaya penyata kewangan dan juga laporan kewangan LTAT lain disediakan menurut piawaian perakaunan yang bersesuaian dan diluluskan;
- Lembaga hendaklah memastikan kesemua laporan kewangan diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau seseorang juruaudit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan;

**KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN PENGAUDITAN (sambungan)**

- Selepas berakhir setiap tahun kewangan, setelah sahaja diaudit, Lembaga hendaklah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan audit. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan bagi tiap-tiap penyata dan pandangan itu dibentangkan di hadapan setiap satu Majlis Parlimen; dan
- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari bulan Jun setiap tahun, mengarahkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti LTAT dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandungi sebarang maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Menteri. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan setiap laporan itu dibentangkan di hadapan setiap satu Majlis Parlimen.

**PERKARA-PERKARA LAIN*****Perhubungan Dengan Juruaudit***

Lembaga Pengarah mewujudkan satu hubungan yang rasmi dan telus dengan Pejabat Ketua Audit Negara dan Juruaudit swasta bagi anak syarikat LTAT. Penemuan audit bagi LTAT diteliti oleh Ketua Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit akan dibentangkan secara rasmi dalam Mesyuarat Penutupan Audit dan pemantauan berterusan dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima.

***Komunikasi Dengan Pencarum***

Lembaga Pengarah mengiktiraf akan pentingnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan dengan prestasi dan perkara lain yang melibatkan kepentingan pencarum LTAT. Antara kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan pencarumnya berkenaan aktiviti dan prestasi kewangan LTAT adalah melalui Laporan Tahunan, Penyata Caruman Ahli, Hari Bersama Pelanggan, Kenyataan Akhbar, Laman Web, Taklimat, dan pengumuman melalui media.

**TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH MENGENAI LAPORAN KEWANGAN**

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan bersesuaian serta memberikan gambaran benar dan saksama berkenaan kedudukan Kewangan LTAT dan Kumpulan. Ini termasuk keputusan dan Penyata Aliran Tunai bagi LTAT dan Kumpulan bagi tahun Penyata Kewangannya. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan bahawa proses penyediaan penyata kewangan adalah berasaskan konsep usaha yang berterusan (going concern concept) berdasarkan jangkaan munasabah dan dengan sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi dalam jangka masa tertentu. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil langkah bagi memastikan keselamatan aset Kumpulan dan mengurangkan risiko operasi dan kewangan.

**KAWALAN DALAMAN**

Lembaga Pengarah telah mengambil tanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, dan mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman LTAT bagi mematuhi undang-undang, peraturan, dan garis panduan yang berkenaan. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman LTAT dibentangkan menerusi Penyata Kawalan Dalaman dalam Laporan Tahunan yang memberikan tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman LTAT.

## PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

## TARIKH MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

TARIKH	MASA
Mesyuarat 1/2012 – Isnin, 27 Februari 2012	9.30 Pagi
Mesyuarat 2/2012 – Rabu, 6 Jun 2012	9.30 Pagi
Mesyuarat 3/2012 – Jumaat, 17 Ogos 2012	9.30 Pagi
Mesyuarat 4/2012 – Jumaat, 30 November 2012	9.30 Pagi

## KEHADIRAN PADA MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH	KEHADIRAN 2012
<b>Pengerusi</b> YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)	4 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad <b>Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan</b>	3 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari <b>Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia</b> (mulai 1 Oktober 2012)	1 daripada 1 mesyuarat
YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin <b>Panglima Angkatan Tentera</b>	4 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi <b>Timbalan Panglima Tentera Darat</b>	3 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin bin Ali <b>Timbalan Panglima Tentera Laut</b>	3 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM <b>Timbalan Panglima Tentera Udara</b>	4 daripada 4 mesyuarat
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin <b>Ketua Eksekutif LTAT (Ex-Officio)</b>	4 daripada 4 mesyuarat

**TARIKH MESYUARAT PANEL PELABURAN**

TARIKH	MASA
Mesyuarat 1/2012 – Jumaat, 24 Februari 2012	3.00 Petang
Mesyuarat 2/2012 – Jumaat, 4 Mei 2012	9.30 Pagi
Mesyuarat 3/2012 – Isnin, 6 Ogos 2012	9.30 Pagi
Mesyuarat 4/2012 – Isnin, 26 November 2012	9.30 Pagi

**KEHADIRAN PADA MESYUARAT PANEL PELABURAN**

NAMA AHLI PANEL PELABURAN	KEHADIRAN 2012
<p><b>Pengerusi</b>                      YBhg. Jen. Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara)</p>	4 daripada 4 mesyuarat
<p>YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin  <i>Panglima Angkatan Tentera</i></p>	3 daripada 4 mesyuarat
<p>YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari  <i>Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia</i>                      (mulai 1 Oktober 2012)</p>	0 daripada 1 mesyuarat
<p>YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim</p>	4 daripada 4 mesyuarat
<p>YBhg. Datuk Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid</p>	3 daripada 4 mesyuarat

## PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

### TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah LTAT adalah bertanggungjawab terhadap pengekalan sistem kawalan dalaman LTAT yang sempurna dan berkesan. Walau bagaimanapun, disebabkan batasan yang terdapat dalam sebarang sistem kawalan dalaman, sistem kawalan dalaman LTAT telah diwujudkan untuk mengurus dan bukan untuk menghapus risiko kegagalan mencapai matlamat organisasi secara mutlak. Ianya hanya dapat memberikan jaminan keberkesanan organisasi yang munasabah dan bukan jaminan terhadap salah nyata atau kerugian ketara.

### CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Ciri-ciri utama kawalan dalaman LTAT adalah seperti berikut :

- Terma rujukan yang jelas menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan Panel Pelaburan;
- Struktur organisasi yang jelas menggariskan had kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat untuk memastikan akauntabiliti pengurusan risiko dan kawalan;
- Mesyuarat Lembaga, Jawatankuasa Kerja Pengurusan, dan Panel Pelaburan yang diadakan secara tetap untuk menilai prestasi dan mengenal pasti, membincang dan memutuskan perkara-perkara utama pengurusan risiko, pentadbiran, kewangan, dan pelaburan;
- Tanggungjawab Lembaga, Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan Panel Pelaburan yang berkaitan adalah dicatatkan dalam Penyata Urus Tadbir Korporat;
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan secara tetap untuk mengkaji, menilai, dan memberi pertimbangan terhadap laporan audit dalaman dan laporan pejabat Ketua Audit Negara tentang laporan kewangan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan susulan ke atas laporan tersebut;
- Mesyuarat Pengurusan yang diadakan oleh Ketua Eksekutif dengan Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Jabatan secara mingguan memberi penekanan kepada proses penilaian dan pengawasan terhadap pengurusan risiko, prestasi pendapatan, perkhidmatan pelanggan, kewangan, pentadbiran, pelaburan, dan sistem kualiti;
- Peraturan Kewangan menggariskan secara keseluruhan dasar dan prosedur bagi pengurusan hal ehwal kewangan dan perakaunan LTAT untuk rujukan pegawai dan kakitangan melaksanakan tanggungjawab harian dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian;
- Pelan Strategik LTAT bagi setiap tujuh tahun dan belanjawan tahunan disediakan oleh pengurusan dan dikaji semula oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga;
- Manual prosedur dan arahan kerja yang didokumentasikan menggariskan dengan jelas prosedur kawalan dalaman dalam melaksanakan tugas harian bagi aktiviti-aktiviti LTAT yang merupakan sebahagian daripada Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 dan ISO/IEC 20000-1:2011. Dokumen ini disemak, diaudit, dan dikemas kini dari semasa ke semasa;
- Sistem pembangunan dan penilaian program latihan pegawai dan kakitangan bertujuan memastikan kakitangan adalah kompeten dan mempunyai latihan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka;
- Sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan tadbir urus korporat di organisasi, LTAT telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat (Whistleblowing) bertujuan untuk meningkatkan pencegahan dan pengesanan kesalahan, rasuah, dan salah guna kuasa secara berkesan;
- Sistem komunikasi maklumat di mana laporan kewangan bulanan, laporan syarikat-syarikat pelaburan LTAT, Petunjuk Keberkesanan Prestasi dan sebarang laporan kelemahan dan perubahan profil risiko dilaporkan kepada Pengurusan, Jawatankuasa Kerja Pengurusan, Panel Pelaburan dan Lembaga;
- Polisi keselamatan teknologi maklumat menggariskan polisi dan prosedur yang penting bagi menjamin aset-aset teknologi maklumat dilindungi secukupnya dari segi kerahsiaan, keutuhan, dan ketersediaan maklumat, data, dan penggunaannya di LTAT; dan
- LTAT telah melaksanakan *Integrity pact* bagi mengukuhkan lagi usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan LTAT.

**FUNGSI JABATAN AUDIT DALAMAN**

Fungsi utama audit dalaman adalah untuk memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga bahawa sistem kawalan dalaman berfungsi dengan sempurna, berkesan, dan ketelusannya dikekalkan.

Fungsi audit dalaman adalah untuk menjalankan kajian semula ke atas sistem kawalan dalaman bagi aktiviti-aktiviti penting LTAT dan Kumpulannya berpandukan Pelan Tahunan Audit Dalaman yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kelulusan. Proses audit dalaman mengambil pendekatan berasaskan risiko dan, merangka pelan dan strategi audit berasaskan profil-profil risiko berkaitan dengan unit-unit perniagaan. Audit Dalaman juga berfungsi untuk mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar, polisi, prosedur, garis panduan serta undang-undang dan peraturan terpakai LTAT.

Semua laporan audit dalaman adalah dibentangkan untuk perbincangan Jawatankuasa Audit. Pengurusan adalah bertanggungjawab bagi memastikan tindakan pembetulan diambil atas kelemahan-kelemahan yang dilaporkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jawatankuasa Audit mempunyai akses penuh kepada kedua-dua juruaudit dalaman dan juruaudit daripada pejabat Ketua Audit Negara.

**PENGURUSAN RISIKO**

LTAT adalah komited untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko memainkan peranan utama dalam usaha untuk mewujudkan satu urus tadbir korporat yang terbaik di LTAT. Oleh itu, LTAT telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko bagi memastikan risiko diambil kira dalam semua proses membuat keputusan dan bagi membolehkan tindakan wajar diambil untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko setelah risiko tersebut dikenal pasti.

Sehubungan dengan hal itu, LTAT telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat tertinggi dan unit-unit pengurusan risiko di setiap jabatan. Satu jabatan Pengurusan Risiko juga ditubuhkan bertujuan menguruskan risiko secara lebih berkesan. Memandangkan kepada cabaran masa hadapan yang lebih getir, LTAT terus memperketatkan pemantauan ke atas situasi risiko bagi memastikan langkah-langkah pengurusan risiko yang sesuai dapat diambil.

**PEMANTAUAN DAN KAJIAN KECUKUPAN DAN KETELUSAN SISTEM KAWALAN DALAMAN**

Proses-proses pemantauan, pengkajian kecukupan, dan ketelusan sistem kawalan LTAT termasuklah :

- Pengamatan yang cermat dan tindakan susulan penambahbaikan yang berterusan oleh Ketua Eksekutif, Pegawai-pegawai Kanan, dan Ketua-ketua Jabatan dalam mesyuarat Pengurusan mingguan tentang keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko;
- Pengakuan tetap oleh Ketua Eksekutif dan Lembaga mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman setiap tahun di dalam laporan kewangan tahunan;
- Pemeriksaan berkala terhadap pematuhan prosedur kawalan dalaman dan pengkajian semula semua penemuan dan syor-syor audit dalaman tersebut oleh Jawatankuasa Audit dalam mesyuaratnya yang diadakan secara tetap;
- Pengesahan pematuhan piawaian sistem pengurusan kualiti melalui Sijil ISO 9001:2008 dan sistem pengurusan teknologi maklumat untuk pelanggan dalaman melalui Sijil ISO/IEC 20000-1:2011 daripada Lloyds Register Quality Assurance, juruaudit bertauliah oleh pihak Kerajaan; dan
- Pengesahan daripada Pejabat Ketua Audit Negara melalui Sijil Ketua Audit Negara terhadap Laporan Kewangan dan Laporan Pengurusan.

Pengurusan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan persekitaran kawalan dalaman LTAT.

**KESIMPULAN**

Bagi tahun 2012, tiada sebarang kerugian matan berlaku yang disebabkan oleh kelemahan kawalan dalaman LTAT dan Kumpulannya.

Sistem kawalan dalaman LTAT dan Kumpulannya meliputi pengurusan risiko serta kawalan kewangan, operasi, dan pematuhan kawalan. Manakala risiko yang boleh diinsuranskan, atau perlindungan insuransnya boleh dibeli serta risiko lain yang dihadapi oleh Kumpulan (kecuali syarikat-syarikat bersekutu) adalah dilaporkan dan diurus oleh Lembaga Pengarah yang berkenaan. Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan Kumpulan LTAT adalah baik dan mencukupi bagi memelihara pelaburan para pemegang saham, kepentingan pelanggan, dan aset-aset Kumpulan.

**AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH, PANEL PELABURAN,  
JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN,  
JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN LTAT**

**LEMBAGA PENGARAH**

**Duduk dari kiri**

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad

*(Timbalan Pengerusi)*

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)

*(Pengerusi)*

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin

*(Panglima Angkatan Tentera)*

**Berdiri dari kiri**

YBhg. Datuk Zakaria bin Sharif

*(Timbalan Ketua Eksekutif)*

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi

*(Timbalan Panglima Tentera Darat)*

YBhg. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin bin Ali

*(Timbalan Panglima Tentera Laut)*

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari

*(Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia)*

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM

*(Timbalan Panglima Tentera Udara)*

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin

*(Ketua Eksekutif)*



## LEMBAGA PENGARAH

### Pengerusi

---

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)  
 P.G.A.T., P.M.N., P.S.A.T., P.S.D., S.J.M.K., S.S.A.P., S.S.I.S., S.P.T.S., D.H.M.S., D.C.S.M., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., J.S.D., P.M.P., K.A.T., K.M.N., B.K.T., D.P.K.T (Brunei), OLH (France), OMRI (Italy), Yudha Dharma Utama (Indonesia), White Elephant, First Class Knight Grand Cross (Thailand), PLH (Philippines), NI(M) (Pakistan), LOM (USA), P.P.S., P.P.A., MSc EBM (Warwick), jssc, psc

### Timbalan Pengerusi

---

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
 S.S.A.P., P.G.D.K., J.S.M., A.M.P.  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

### Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia

---

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari  
 A.D.K., A.M.P., P.G.B.K.  
 (mulai 1 Oktober 2012)

### Ahli-ahli mewakili Pencarum

---

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin  
 P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., P.J.N., D.H.M.S., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.T.S., S.P.M.P., S.S.T.M., S.P.K.K., P.S.A.T., D.G.M.K., D.S.D.K., D.P.K.K., D.M.S.M., P.M.W., P.A.T., J.M.N., S.D.K., K.M.N., A.M.K., A.S.K., Legion of Honor (Phil), AMIM, MSc (NDU), mpat, lmt, psc  
**Panglima Angkatan Tentera**

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi  
 P.J.N., S.P.T.S., D.C.S.M., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.K., D.S.A.P., D.P.M.S., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., P.P.S., usawc, mpat, plsc (Canada), MA (Lancaster), MSS (USAWC)  
**Timbalan Panglima Tentera Darat**

YBhg. Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin bin Ali  
 P.J.N., S.I.M.P., S.P.T.S., P.S.A.T., D.I.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.A.T., J.S.M., S.D.K., K.A.T., K.M.N., B.C.K., P.P.T.(Sel), P.J.M., P.P.S., P.P.A., mpat, psc  
**Timbalan Panglima Tentera Laut**

YBhg. Lt Jen Dato' Sri Haji Roslan bin Saad TUDM  
 P.J.N., S.S.A.P., S.I.M.P., P.S.A.T., D.S.A.P., D.I.M.P., P.A.T., S.M.P., K.M.N., K.S.D., A.M.N., P.J.M., P.P.S., P.P.A., Dip, Mgt, Sc, MSc (Def), M Mgt (UNSW), mpat, psc, jt, TUDM  
**Timbalan Panglima Tentera Udara**

### Ahli yang dilantik oleh Menteri

---

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
 P.S.M., S.P.M.P., S.P.S.K., D.S.A.P., D.P.M.P., K.M.N., S.M.P., P.M.P., A.S.K., A.M.P., P.P.T., Chevalier de la Legion d'Honneur (France), Hon. LL.D (University of Nottingham-UK)  
**Ketua Eksekutif (Ex-Officio)**

## PANEL PELABURAN

### Duduk dari kiri

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin  
(Panglima Angkatan Tentera)

YBhg. Jen Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara)  
(Pengerusi Panel Pelaburan)

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)  
(Pengerusi LTAT)

### Berdiri dari kiri

YBhg. Datuk Zakaria bin Sharif  
(Timbalan Ketua Eksekutif)

YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari

(Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia)

YBhg. Datuk Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
(Ketua Eksekutif)



## PANEL PELABURAN

### Pengerusi

---

YBhg. Jen Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara)  
P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., D.A., D.H.M.S., P.N.B.S., J.M.N., P.P.C., jssc, psc.

### Ahli-ahli

---

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin  
P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., P.J.N., D.H.M.S., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.T.S., S.P.M.P., S.S.T.M., S.P.K.K., P.S.A.T., D.G.M.K., D.S.D.K.,  
D.P.K.K., D.M.S.M., P.M.W., P.A.T., J.M.N., S.D.K., K.M.N., A.M.K., A.S.K., Legion of Honor (Phil), AMIM, MSc (NDU), mpat,  
Imt, psc

### Panglima Angkatan Tentera

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari  
A.D.K., A.M.P., P.G.B.K.

**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia**  
(mulai 1 Oktober 2012)

YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim  
D.P.M.T., S.M.T.

YBhg. Datuk Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid  
P.J.N., K.M.N.

## JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN

### Pengerusi

---

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)  
P.G.A.T., P.M.N., P.S.A.T., P.S.D., S.J.M.K., S.S.A.P., S.S.I.S., S.P.T.S., D.H.M.S., D.C.S.M., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M.,  
J.S.D., P.M.P., K.A.T., K.M.N., B.K.T., D.P.K.T (Brunei), OLH (France), OMRI (Italy), Yudha Dharma Utama (Indonesia), White  
Elephant, First Class Knight Grand Cross (Thailand), PLH (Philippines), NI(M) (Pakistan), LOM (USA), P.P.S., P.P.A., MSc EBM  
(Warwick), jssc, psc

### Ahli-ahli

---

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
S.S.A.P., P.G.D.K., J.S.M., A.M.P.  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari  
A.D.K., A.M.P., P.G.B.K.

**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia**  
(mulai 1 Oktober 2012)

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi  
P.J.N., S.P.T.S., D.C.S.M., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.K., D.S.A.P., D.P.M.S., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., P.P.S.,  
usawc, mpat, plsc (Canada), MA (Lancaster), MSS (USAWC)  
**Timbalan Panglima Tentera Darat**

## JAWATANKUASA AUDIT

### Pengerusi

YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)  
P.G.A.T., P.M.N., P.S.A.T., P.S.D., S.J.M.K., S.S.A.P., S.S.I.S., S.P.T.S., D.H.M.S., D.C.S.M., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., J.S.D., P.M.P., K.A.T., K.M.N., B.K.T., D.P.K.T (Brunei), OLH (France), OMRI (Italy), Yudha Dharma Utama (Indonesia), White Elephant, First Class Knight Grand Cross (Thailand), PLH (Philippines), NI(M) (Pakistan), LOM (USA), P.P.S., P.P.A., MSc EBM (Warwick), jssc, psc

### Ahli-ahli

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad  
S.S.A.P., P.G.D.K., J.S.M., A.M.P.  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan**

YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari  
A.D.K., A.M.P., P.G.B.K.  
**Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia**  
(mulai 1 Oktober 2012)

YBhg. Lt Jen Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi  
P.J.N., S.P.T.S., D.C.S.M., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.K., D.S.A.P., D.P.M.S., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., P.P.S., usawc, mpat, plsc (Canada), MA (Lancaster), MSS (USAWC)  
**Timbalan Panglima Tentera Darat**

## PENGURUSAN

### Ketua Eksekutif

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin  
P.S.M., S.P.M.P., S.P.S.K., D.S.A.P., D.P.M.P., K.M.N., S.M.P., P.M.P., A.S.K., A.M.P., P.P.T., Chevalier de la Legion d'Honneur (France), Hon. LL.D (University of Nottingham-UK)

### Timbalan Ketua Eksekutif

YBhg. Datuk Zakaria bin Sharif  
D.M.S.M., K.M.N.

### Pengurus Besar (Operasi)

Puan Rathiyah binti Hassan  
A.M.N.

### Pengurus Besar (Kewangan)

Puan Ho Chai Suan  
A.M.N.

### Pengurus Besar Pelaburan (Pembangunan Pelaburan)

Tuan Haji Roslan bin Abu Talib

### Pengurus Besar Pelaburan (Pengurusan Aset)

Puan Hajah Saira Banu binti Chara Din

### Penolong Pengurus Besar Pelaburan (Pengurusan Aset)

Tuan Haji Dziyauddin bin Azizan  
A.M.N.

### Penolong Pengurus Besar Pelaburan (Pembangunan Pelaburan)

Tuan Haji Khairul Anwar bin Ismail

### Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan)

Tuan Haji Mohd Yunus bin Ahmad  
A.M.N.

### Penolong Pengurus Besar

**(Perancangan Strategik & Pelaksanaan Kualiti)**  
Encik Mohd Saubae bin Roslan  
A.M.N.

### Penolong Pengurus Besar (Kewangan)

Encik Musa bin Bachik

### Penolong Pengurus Besar (Pengurusan Risiko)

Encik Abdul Shukur bin Aziz

### Penolong Pengurus Besar

**(Hal Ehwal Korporat & Pelanggan)**  
Puan Hajah Sharifah Salmah binti Syed Ahmad

### Penolong Pengurus Besar

**(Prosesan & Teknologi Maklumat)**  
Puan Hajah Shariffah Azlina binti Dato' Syed Hussain

### Penolong Pengurus Besar (Audit Dalaman)

Puan Putri Rozita binti Abdul Rahman  
A.M.N.

### Pengurus Kewangan

Encik Mohamed Roslan Al-Husni bin Mohamed

### Pengurus Tenaga Manusia & Pentadbiran

Puan Hajah Noorlaily binti Ibrahim

### Pengurus Pelaburan (Pembangunan Pelaburan)

Encik Jasni bin Sami



**PERUTUSAN PENERUSI**



Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mencatatkan prestasi yang amat memberangsangkan bagi tahun kewangan 31 Disember 2012. Kejayaan ini dicapai pada tahun di mana LTAT meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-40 tahun. LTAT merupakan sebuah organisasi yang bukan sahaja dapat bertahan, malah telah berkembang maju dan mampu mengharungi segala cabaran sejak dari awal penubuhannya sehingga ke hari ini. Rekod pencapaian cemerlang LTAT mencerminkan kepimpinan dan pengurusan kewangan yang berwibawa dan disokong oleh tahap ketelusan yang tinggi dalam urusan perniagaannya.

Keadaan ekonomi antarabangsa lebih mencabar dalam tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 dengan pertumbuhan ekonomi dunia berada pada kadar 3.2% berbanding 3.9% tahun sebelumnya. Masalah fiskal Amerika Syarikat serta krisis Zon Euro yang berpanjangan memberi kesan kepada momentum pertumbuhan ekonomi negara maju. Meskipun begitu, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 5.6% berbanding 5.1% tahun sebelumnya. Pencapaian ekonomi Malaysia yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini mencerminkan pengurusan ekonomi yang cekap dan pragmatik dalam berhadapan dengan kejutan-kejutan luar yang besar.

Berdasarkan senario ekonomi semasa, saya dengan sukacitanya, bagi pihak Lembaga, membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang keempat puluh dan Penyata Kewangan Kumpulan LTAT yang ketiga puluh satu bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

### LAPORAN PRESTASI

Sejak penubuhannya lebih empat dekad yang lalu, LTAT telah dapat mengekalkan rekod prestasi kewangan yang amat membanggakan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, LTAT telah berjaya mencatat jumlah pendapatan sebanyak RM811.6 juta iaitu meningkat 2.0% berbanding RM795.8 juta pada tahun 2011 dan sekaligus merupakan rekod tertinggi keuntungan LTAT sejak ditubuhkan 40 tahun yang lalu.

Pendapatan dividen daripada pelaburan LTAT di dalam syarikat-syarikat pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga serta dividen saham keutamaan boleh tebus terkumpul merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan LTAT dengan jumlah sebanyak RM496.0 juta, walaupun turun sebanyak 4.5% berbanding RM519.5 juta bagi tahun 2011.

Pendapatan dari keuntungan penjualan saham pula adalah sebanyak RM119.4 juta, turun 15.1% berbanding RM140.6 juta bagi tahun 2011. LTAT telah menstrukturkan semula portfolio pelaburannya dengan melupuskan saham-saham yang tidak berpotensi yang melibatkan kerugian sebanyak RM54.0 juta.

Dalam tahun yang dilapor, LTAT memperoleh keuntungan daripada pelaburannya dalam bon Sukuk Al-Musyarakah dan Nota Jangka Pertengahan berjumlah RM49.6 juta, meningkat 8.1% berbanding RM45.9 juta tahun sebelumnya.

Dalam tahun yang dilapor, LTAT memperoleh keuntungan sebanyak RM46.4 juta dari pembangunan harta tanah milik LTAT berbanding hanya RM102,127 bagi tahun 2011.

Pendapatan daripada sewaan bangunan milik LTAT bagi tahun yang dilapor juga meningkat 5.4% kepada RM32.4 juta berbanding RM30.8 juta dalam tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan kenaikan kadar sewaan bagi Kompleks Perusahaan LTAT di Shah Alam, Selangor dan bilangan penyewa yang meningkat di Menara Surian di Petaling Jaya, Selangor.

Dalam tahun yang dilapor, sebanyak RM25.3 juta merupakan pendapatan yang diterima daripada deposit tetap dan deposit-deposit jangka pendek. Pendapatan dari sumber ini turun 16.5% berbanding RM30.3 juta bagi tahun 2011 disebabkan oleh keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang perbankan Islam yang berkurangan sebanyak RM3.1 juta kepada RM4.3 juta berbanding RM7.4 juta pada tahun 2011.

Bagi tahun 2012, pendapatan daripada pelaburan yang diuruskan oleh 8 pengurus portfolio meningkat 4.8% kepada RM24.2 juta berbanding RM23.1 juta bagi tahun 2011. Prestasi pasaran saham tempatan yang kukuh yang mencatat paras tertinggi 1,688.95 mata pada 31 Disember 2012 telah meningkatkan nilai pelaburan LTAT dengan pengurus-pengurus portfolio tersebut.

Pendapatan lain LTAT termasuk yuran perkhidmatan pengurusan, faedah bayaran balik pinjaman kakitangan dan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan harta tanah, menurun 20.8% kepada RM11.3 juta berbanding RM14.3 juta bagi tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan keuntungan nilai saksama daripada pelaburan harta tanah LTAT bagi tahun 2012 menurun kepada RM9.5 juta berbanding RM12.1 juta tahun sebelumnya.

## PERUTUSAN Pengerusi

### LAPORAN PRESTASI (sambungan)

Berdasarkan piawaian perakaunan Financial Reporting Standard (FRS) 139 di mana keuntungan nilai saksama sekuriti dipegang untuk urus niaga boleh direkodkan sebagai pendapatan dalam tahun yang dilaporkan, portfolio LTAT telah memperoleh keuntungan nilai saksama sekuriti dipegang untuk urus niaga berjumlah RM7.0 juta bagi tahun 2012.

Pencapaian LTAT yang terus cemerlang adalah hasil daripada strategi LTAT yang tepat dan berkesan melalui pelaburan di dalam pelbagai sektor dan industri untuk menjamin pulangan pelaburan yang tinggi di samping memastikan pertumbuhan baik pelaburan dalam jangka masa panjang. Portfolio pelaburan LTAT telah berjaya memberi pulangan yang baik kepada LTAT sama ada dalam bentuk dividen, faedah atau keuntungan modal (capital gains) bagi membolehkan LTAT mencatat keuntungan yang membanggakan bagi tahun 2012.

### DIVIDEN DAN BONUS

LTAT amat komited untuk memastikan dana yang diamanahkan diuruskan dengan baik dan teratur bagi memastikan pulangan yang maksimum kepada pencarum LTAT dalam bentuk dividen, bonus serta faedah-faedah lain.

Pencapaian keuntungan yang memberangsangkan membolehkan LTAT mengisytiharkan dividen dan bonus pada kadar 16.0% bagi tahun 2012 kepada pencarumnya, naik 1.0% berbanding 15.0% yang dibayar pada tahun 2011. Dividen dan bonus ini merangkumi dividen 7.0%, bonus 1.0% dan 8.0% bonus khas dalam bentuk unit-unit amanah saham yang diberi secara percuma kepada para pencarum yang aktif. Pemberian dividen dan bonus ini melibatkan pembayaran berjumlah RM759.3 juta, meningkat 11.6% berbanding RM680.4 juta tahun sebelumnya.

### PENGAGIHAN KEUNTUNGAN

Jumlah pendapatan yang boleh diagihkan bagi tahun 2012 ialah RM1,265.8 juta. Jumlah ini meliputi untung bersih bagi tahun berjumlah RM751.2 juta dan baki keuntungan terkumpul yang dinyatakan semula pada 1 Januari 2012 berjumlah RM514.6 juta. Pengagihan yang dibuat dalam tahun adalah seperti berikut :

	RM Juta	RM Juta
Baki Keuntungan Berkumpul Yang Dinyatakan Semula pada 1 Januari 2012		514.6
Untung Bersih bagi tahun		751.2
		<hr/>
<b>Jumlah Pendapatan Berkumpul</b>		<b>1,265.8</b>
<b>TOLAK:</b>		
<b>Agihan</b>		
Dividen pada kadar 7.0%	(497.2)	
Bonus pada kadar 1.0%	(65.2)	
Faedah Unit Amanah pada kadar 8.0%	(196.9)	
Skim Faedah Kematian & Hilang Upaya		
Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab	(13.0)	(777.3)
		<hr/>
<b>Baki Keuntungan Berkumpul selepas agihan pada 31 Disember 2012</b>		<b>488.5</b>
		<hr/>

### PELABURAN

#### *Pembelian Ekuiti*

Malaysia kini berada di peringkat transformasi yang paling kritikal dalam usahanya untuk mencapai Wawasan 2020. Inisiatif berterusan Kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), Bajet 2012 dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) mampu menggerakkan pembangunan negara ke tahap yang lebih maju, selaras dengan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dan ini memberikan kesan positif terhadap pasaran ekuiti tempatan. Dalam tahun yang dilapor, LTAT telah melabur di dalam beberapa buah syarikat baru dan membuat penambahan pelaburan di dalam syarikat-syarikat sedia ada dengan jumlah keseluruhan RM2.0 bilion, menurun berbanding RM2.2 bilion pada tahun 2011. Pelaburan ini meliputi pelaburan ekuiti sebanyak RM87.5 juta dalam syarikat subsidiari sedia ada, RM27.0 juta di dalam syarikat

### PELABURAN (sambungan)

subsidiari baru, RM1.7 bilion dalam syarikat-syarikat yang berpotensi di bawah portfolio sekuriti tersedia untuk dijual dan pembelian saham keutamaan boleh tebus terkumpul berjumlah RM44.2 juta. Selain daripada itu LTAT juga membuat pelaburan tambahan dengan 8 pengurus portfolio sedia ada berjumlah RM5.0 juta.

Pada 31 Disember 2012, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT adalah RM6.6 bilion, meningkat 1.7% berbanding RM6.5 bilion tahun sebelumnya. LTAT melabur sebanyak RM3.0 bilion dalam syarikat subsidiari, RM291.5 juta dalam syarikat bersekutu dan RM2.1 bilion dalam pelaburan-pelaburan lain yang merangkumi saham tersenarai di Bursa Malaysia, pelaburan di luar Malaysia, saham tidak disebut harga dan saham keutamaan boleh tebus terkumpul tidak disebut harga. Di samping itu, LTAT juga memiliki pelaburan dalam harta tanah berjumlah RM400.0 juta, Nota Jangka Pertengahan berjumlah RM271.0 juta, pelaburan di dalam perbadanan berjumlah RM88.0 juta dan pelaburan di dalam saham-saham tersenarai di Bursa Malaysia melalui 8 pengurus portfolio berjumlah RM208.4 juta.

### Operasi Pasaran Wang

Operasi pasaran wang LTAT melibatkan pengurusan wang lebih bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dan membiayai komitmen jangka panjang pelaburan dan bayaran pengeluaran wang caruman ahli. Bagi tahun 2012, baki deposit jangka panjang dan jangka pendek adalah berjumlah RM904.7 juta yang disimpan pada kadar 3.25% hingga 3.50% setahun. Sementara baki simpanan bil-bil dagangan konvensional dan Al-Wadiah berjumlah RM226.8 juta disimpan pada kadar 2.75% hingga 3.46% setahun.

Dalam tahun yang dilapor, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT di dalam deposit tetap, deposit jangka pendek dan pasaran wang adalah sebanyak RM1,131.5 juta berbanding RM771.5 juta bagi tahun 2011.



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abd Razak merasmikan majlis pelancaran Program Pengiktirafan Veteran 1 Malaysia (1MVRP) di SMK Clifford, Kuala Kangsar pada 15 Disember 2012.

Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abd Razak officially launched 1 Malaysia Veterans Recognition Program (1MVRP) at SMK Clifford, Kuala Kangsar on 15 December 2012.

## PERUTUSAN PENERUSI



YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan menyampaikan sumbangan LTAT kepada anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia di Majlis Penyerahan Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM.

YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Minister of Defence presenting LTAT's contribution to children of members of the Malaysian Armed Forces at the ATM Academic Excellence Award Ceremony.

### ASET

Pada 31 Disember 2012, jumlah aset LTAT ialah RM8.6 bilion, meningkat 8.9% berbanding RM7.9 bilion pada akhir tahun 2011. Komponen terbesar aset LTAT adalah Akaun Caruman Ahli yang meningkat 9.1% kepada RM7.8 bilion berbanding RM7.1 bilion tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, paras keuntungan terkumpul LTAT dalam tahun yang dilaporkan turun 5.0% kepada RM488.5 juta berbanding RM514.5 juta bagi tahun sebelumnya.

### PRESTASI KUMPULAN

Di peringkat Kumpulan, jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM1.7 bilion, turun 7.7% berbanding RM1.8 bilion bagi tahun sebelumnya. Jumlah aset Kumpulan pula meningkat 4.9% kepada RM72.7 bilion, berbanding RM69.3 bilion tahun sebelumnya.

### AKAUN CARUMAN AHLI

#### *Caruman Ahli*

Wang caruman ahli yang diterima dalam tahun 2012 berjumlah RM705.3 juta, meningkat sebanyak 14.0% berbanding RM618.8 juta bagi tahun 2011. Baki kumulatif wang caruman ahli setakat 31 Disember 2012 pula berjumlah RM7.8 bilion, meningkat 9.1% berbanding RM7.1 bilion pada 31 Disember 2011.

#### *Pengeluaran Caruman Tamat Perkhidmatan*

Dalam tahun 2012, LTAT telah membuat pembayaran pengeluaran caruman berjumlah RM600.7 juta kepada 4,975 penarum yang tamat perkhidmatan dengan angkatan tentera, turun 14.9% berbanding RM705.7 juta yang dibayar kepada 6,115 penarum dalam tahun 2011.

#### *Skim Pengeluaran Untuk Membeli Rumah*

Di bawah Skim Pengeluaran Untuk Membeli Rumah, kedua-dua penarum wajib dan sukarela dibenarkan mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya sahaja atau 10% dari harga harta tak alih yang mana lebih rendah, untuk membeli rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman. Dalam tahun yang dilaporkan, sebanyak RM15.7 juta telah dikeluarkan oleh 2,531 penarum bagi tujuan ini berbanding RM23.2 juta yang dikeluarkan oleh 4,034 penarum dalam tahun 2011.

**AKAUN CARUMAN AHLI (sambungan)*****Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya***

Tahun 2012 merupakan tahun kedua puluh enam LTAT membuat pembayaran di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya. Di bawah skim ini, faedah kematian dibayar kepada tanggungan pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, manakala faedah hilang upaya dibayar kepada pencarum yang diberhentikan daripada perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan. Dalam tahun yang dilaporkan, LTAT membuat bayaran sebanyak RM5.0 juta kepada 195 penerima di bawah skim ini, turun 25.2% berbanding RM6.7 juta kepada 267 penerima yang dibayar dalam tahun 2011. Daripada jumlah ini, RM3.5 juta dibayar kepada 137 waris pencarum di bawah Skim Faedah Kematian berbanding RM4.8 juta yang dibayar kepada 192 waris pencarum bagi tahun sebelumnya manakala RM1.5 juta pula dibayar kepada 58 pencarum di bawah Skim Faedah Hilang Upaya berbanding RM1.9 juta dibayar kepada 75 pencarum dalam tahun 2011.

**PRESTASI PERBADANAN LTAT*****Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)***

**PERNAMA**, sebuah perbadanan milik penuh LTAT, telah ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 23, Akta TAT 1973 (Akta 101) bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan, peruncitan, pendorongan, pengedaran, import dan eksport, sewa beli barangan dan juga memberi perkhidmatan pengurusan. Rangkaian kedai runcit PERNAMA menawarkan pelbagai barangan pengguna yang sebahagiannya bebas cukai, kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia dan keluarga mereka, bekas anggota ATM (Pesara Tentera), Angkatan Tentera Komanwel dan juga sukarelawan ATM (Askar Wataniah) yang menjalani latihan sekurang-kurangnya 72 jam dalam satu masa.

Bagi tahun 2012, PERNAMA mencatatkan sejarah baru dengan merekodkan hasil jualan berjumlah RM258.9 juta, meningkat 17.5% berbanding sebanyak RM220.3 juta bagi tahun 2011, disokong oleh penjualan yang baik pada produk barangan elektrik, barangan runcit dan peralatan rumah. Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2012 berjumlah RM22.5 juta, naik 28.6% berbanding RM17.5 juta bagi tahun 2011.

Aktiviti peruncitan PERNAMA pada tahun 2012 mencatatkan peningkatan sebanyak RM32.5 juta atau 31.1%, sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan jualan kredit skim KASUMA. Jualan tunai juga meningkat 11.5% dari RM88.4 juta dalam tahun 2011 kepada RM98.8 juta dalam tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan oleh keempat-empat stesen servis BHPetrol yang diuruskan PERNAMA berjumlah RM28.4 juta.

PERNAMA terus memberi khidmat sosial dan kebajikannya kepada anggota tentera dengan meneruskan program harga 'PRIHATIN'nya yang menawarkan barangan asas keperluan dapur di bawah harga pasaran khusus untuk warga tentera. Sebanyak RM5.0 juta telah dibelanjakan untuk subsidi harga 'PRIHATIN' sepanjang tahun 2012, meningkat RM1.7 juta berbanding RM3.3 juta tahun sebelumnya.

PERNAMA telah membayar dividen kasar sebanyak 46.2% atau RM30.0 juta untuk tahun 2012. Dalam tahun yang dilaporkan, LTAT telah membuat tambahan suntikan modal berjumlah RM15.0 juta menjadikan jumlah keseluruhan modal berbayar PERNAMA meningkat daripada RM50.0 juta kepada RM65.0 juta.

***Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)***

**PPHM**, sebuah lagi perbadanan milik penuh LTAT, telah ditubuhkan dengan objektif untuk mengambil bahagian aktif dalam bidang hartanah yang merangkumi kerja-kerja memajukan skim perumahan, mengurus projek-projek pembinaan dan mengambil bahagian dalam kontrak pembinaan dengan tujuan mendapatkan pulangan yang baik supaya dapat memberikan keuntungan kepada LTAT melalui pembayaran dividen yang tinggi.

PPHM telah mencatat keuntungan sebelum cukai dalam tahun 2012 sebanyak RM1.0 juta, meningkat sebanyak 61.5% berbanding RM629,300 pada tahun 2011. PPHM juga telah mencatatkan perolehan operasi berjumlah RM5.2 juta, meningkat 4.0% berbanding sebanyak RM5.0 juta pada tahun 2011. Bagi tahun 2012, perolehan PPHM diperoleh daripada projek pembinaan Kem Batalion Infantri, Batu Pahat, Johor, yuran pengurusan penyelenggaraan dan yuran pengurusan kerja-kerja menaik taraf bangunan-bangunan milik LTAT. Di antara projek-projek yang dijalankan oleh PPHM dalam tahun 2012 termasuk Projek Merekabentuk Dan Membina Rumah Keluarga Dan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Pegawai Dan Anggota Tentera Darat Di Kem Batalion Infantri, Batu Pahat, Johor dan pembangunan tanah seluas 57.98 ekar milik LTAT di Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Bagi tahun 2012, PPHM telah membayar 1.0% dividen berjumlah RM230,000 kepada LTAT.

## PERUTUSAN Pengerusi

### PRESTASI PERBADANAN LTAT (sambungan)

#### *Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)*

**PERHEBAT** adalah perbadanan milik penuh ketiga LTAT yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1994 untuk melaksanakan pelbagai program penggalakan pembangunan sosioekonomi bakal pesara dan bekas anggota angkatan tentera melalui latihan-latihan kemahiran teknikal dan bukan teknikal. Bagi tujuan ini, PERHEBAT menerima geran tahunan sebanyak RM32.0 juta setahun daripada Kerajaan.

Dalam tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukkan geran tambahan berjumlah RM50.0 juta kepada PERHEBAT bagi tujuan menyediakan program latihan khusus untuk veteran ATM yang tidak berpencen di bawah Program Pembangunan Sosial Ekonomi Veteran ATM (PPSEV) bagi mereka menceburi bidang perniagaan atau membantu mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam dan swasta. PERHEBAT telah menerima sebahagian peruntukan geran tambahan tersebut berjumlah RM20.0 juta untuk program PPSEV dan geran khas berjumlah RM2.2 juta untuk Program *National Blue Ocean Strategy 7* (NBOS7). Jumlah keseluruhan geran yang diterima oleh PERHEBAT bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM54.2 juta meningkat 69.3% berbanding RM32.0 juta tahun sebelumnya.

Dalam tahun yang dilapor, PERHEBAT telah berjaya melatih seramai 1,120 orang anggota ATM yang akan bersara berbanding 988 orang tahun sebelumnya, di 7 pusat latihannya iaitu Pusat Kejuruteraan Automotif, Pusat Binaan & Kejuruteraan, Pusat Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Pusat Media & ICT, Pusat Pembangunan Usahawan, Pusat Pelancongan & Perhotelan dan Pusat Pengurusan Perkhidmatan Makanan & Sajian.

Bagi Kursus Latihan Peralihan di kampus Induk PERHEBAT dan tajaan luar termasuk Kampus Wilayah Sarawak, PERHEBAT telah menaja seramai 3,773 personel berbanding 3,745 orang tahun sebelumnya.

Bagi kursus-kursus Pasca Latihan Peralihan pula, di sepanjang tahun 2012, PERHEBAT telah berjaya melatih seramai 291 personel bersara berbanding 283 orang pada tahun sebelumnya. Sehingga 31 Disember 2012, seramai 10,800 orang veteran ATM yang tidak berpencen telah mendaftar di bawah Program PPSEV. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,415 orang veteran telah mengikuti pelbagai jenis latihan di dalam bidang motivasi, keusahawanan, pengurusan dan kursus kemahiran manakala seramai 195 orang veteran telah ditawarkan pekerjaan di bawah program penempatan pekerjaan.



Menteri Besar Johor, YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman diberi taklimat semasa upacara Pecah Tanah Projek Rumah Mampu Milik Mutiara Rini di Johor pada 12 Jun 2012.

*Johor Menteri Besar, YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman being briefed during the Groundbreaking Ceremony of Mutiara Rini's Affordable Housing Projects at Mutiara Rini, Johor on 12 June 2012.*

## PERUTUSAN Pengerusi

### PRESTASI PERBADANAN LTAT (sambungan)

PERHEBAT juga telah berjaya mengendalikan program latihan penyesuaian selama 5 hari di bawah Program Pra Latihan Peralihan Bersepadu khusus untuk 4,253 personel bersara.

Secara keseluruhan, PERHEBAT telah berjaya melatih seramai 9,437 pelatih bagi tahun 2012 berbanding 9,822 pelatih bagi tahun 2011, di kompleks PERHEBAT dan di premis latihan di luar PERHEBAT.

### PENYAMPAIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN

Bagi tahun 2012, LTAT telah berjaya menyediakan pelbagai kemudahan dan faedah tambahan kepada pencarum-pencarumnya di samping memberikan pulangan yang tinggi kepada mereka. Di antara kemudahan dan faedah tambahan yang disediakan adalah seperti berikut :

#### *Kemudahan e-Kiosk*

Perkhidmatan e-Kiosk ini disediakan oleh LTAT untuk membantu pencarum-pencarum mendapatkan maklumat dengan lebih mudah dan lebih efisien secara 'on-line' seperti menyemak kedudukan caruman dan mencetak penyata caruman, menyemak status penamaan waris dan cap jari, dan menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman.

Kemudahan e-Kiosk juga telah dipertingkatkan dengan menyediakan kemudahan pautan ke laman web Perbadanan-perbadanan LTAT dan lain-lain organisasi bagi menyalurkan maklumat dan hebahan terkini seperti Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM), Yayasan Warisan Perajurit (YWP), Affin Fund Management Berhad, BH Petrol, Affin Bank Berhad dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Pesekutuan (PPZ MAIWP).

Sehingga tahun 2012, LTAT telah menyediakan 77 unit mesin e-Kiosk di seluruh negara untuk kemudahan pencarum-pencarumnya.



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Ketua Eksekutif LTAT menerima Anugerah 'The Brandlaureate Most Eminent Brand Icon Leadership 2012' daripada Asia Pacific Brands Foundation.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Chief Executive of LTAT, receiving 'The Brandlaureate Most Eminent Brand Icon Leadership Award 2012' from Asia Pacific Brands Foundation.

## PERUTUSAN PENERUSI

### PENYAMPAIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN (sambungan)

#### *Program Taklimat Dan Program Sehari Bersama Pelanggan*

Dalam tahun 2012, LTAT telah berjaya mengadakan 143 program Taklimat dan program Sehari Bersama Pelanggan berbanding dengan sasaran 120 program bagi memberi maklumat terkini mengenai kegiatan-kegiatan LTAT kepada anggota ATM di unit-unit tentera di seluruh Malaysia.

#### *Persijilan ISO 9001:2008*

LTAT juga telah berjaya mengekalkan persijilan ISO 9001:2008 pada tahun 2012 bagi keseluruhan aktivitinya di bawah skop Penyediaan Skim Kumpulan Wang Persaraan Untuk Anggota Angkatan Tentera Malaysia.

#### *Persijilan ISO/IEC 20000-1:2011*

Pada tahun 2012, LTAT telah berjaya memperbaharui persijilan serta beralih daripada versi ISO/IEC 20000-1:2005 kepada ISO/IEC 20000-1:2011 di bawah skop Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat untuk pelanggan-pelanggan dalaman LTAT.

#### *Pengurusan Risiko*

Dalam tahun 2012, peranan Jabatan Pengurusan Risiko terus dipertingkatkan dalam usaha untuk mewujudkan amalan urus tadbir korporat yang cemerlang di LTAT terutama dalam membuat semakan penilaian risiko pelaburan secara lebih terperinci bagi pelaburan-pelaburan yang akan diceburi dan portfolio pelaburan yang sedia ada selain membantu memantapkan lagi sistem pengurusan risiko di perbadanan-perbadanan LTAT serta memantau dengan rapi pelaksanaan dan pencapaian KPI di LTAT.

#### *Pemantauan Prestasi Syarikat Kumpulan LTAT*

LTAT menyokong program transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mensasarkan supaya GLC menunjukkan hasil yang nyata dan mapan. Sehubungan dengan itu, LTAT terus memantau dengan rapi pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah program ini oleh syarikat-syarikat kumpulannya seperti Boustead Holdings Berhad, Affin Holdings Berhad dan tiga buah Perbadanan milik penuh LTAT iaitu Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Perbadanan Perwira Harta Malaysia dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera.

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

LTAT terus komited untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan untuk kesejahteraan warga tentera terutama di dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah kediaman dan biasiswa kepada anak-anak warga tentera yang layak.

Kemudahan e-Kiosk mendapat sambutan menggalakkan dari pencarum LTAT yang dapat menyemak status akaun caruman mereka dengan lebih mudah.

*E-Kiosk facilities have received good response from LTAT's contributors who are able to easily check the status of their contribution account.*





Pelatih-pelatih PERHEBAT sedang menjalani latihan praktikal di Pusat Kejuruteraan Automotif, PERHEBAT.

PERHEBAT's trainees during practical training at the Automotive Engineering Centre, PERHEBAT.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (sambungan)

### Yayasan Warisan Perajurit

Dalam tahun 2012, Yayasan Warisan Perajurit (YWP) yang ditubuhkan dalam tahun 2000 oleh syarikat kumpulan LTAT yang diterajui oleh Boustead Holdings Berhad telah menawarkan biasiswa berjumlah RM5.1 juta kepada 5,348 orang anak anggota ATM yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan yang mendapat tawaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Selain daripada itu, YWP telah membuat bayaran bantuan sara hidup secara topping-up kepada 46 penerima bantuan berjumlah RM194,307 dan bantuan sara hidup sebanyak RM300 seorang sebulan kepada 33 orang penerima bantuan di kalangan ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM)/balu dengan jumlah bantuan sebanyak RM68,100. YWP juga turut membuat pembayaran di bawah program Biasiswa Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar Bumiputera dari kalangan anak-anak anggota ATM yang tidak berkemampuan kerana faktor kemiskinan terutamanya yang tinggal di luar bandar untuk menimba ilmu di peringkat tertinggi. Bagi tahun 2012, seramai 3 orang anak anggota ATM telah dikenal pasti untuk menerima bantuan di bawah projek MDAB ini dengan pembayaran berjumlah RM7,179.

LTAT melalui YWP telah melaksanakan kerjasama pintar dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi membina sebuah bangunan asrama untuk kemudahan para pelajar yang terletak di kampus UIAM, Gombak, Selangor. Pembinaan asrama ini melibatkan kos berjumlah RM5.0 juta dan dijangka akan menjana pendapatan berterusan untuk 'Tabung Dermasiswa Antarabangsa LTAT' bagi membantu membiayai pengajian pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan termasuk anak-anak anggota tentera.

Sehingga kini, YWP telah memberi sumbangan berbentuk biasiswa dan sumbangan lain kepada 52,849 orang penerima termasuk anggota ATM dan anak-anak mereka yang layak berjumlah sebanyak RM49.3 juta.

### Sumbangan Wang Bagi Pencapaian Cemerlang Di Dalam Peperiksaan PMR dan SPM

Dalam tahun 2012, LTAT telah membuat sumbangan wang sebanyak RM1.0 juta kepada 955 anak-anak anggota ATM yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sehingga 31 Disember 2012, LTAT telah menyumbang sebanyak RM5.9 juta kepada 7,657 anak-anak anggota ATM yang layak.

## PERUTUSAN Pengerusi

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (sambungan)

#### *Bantuan RM1,000 Seorang Kepada Bekas Tentera Yang Tidak Berpencen*

LTAT menyambut baik cadangan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak untuk memberi bantuan sebanyak RM1,000 seorang secara 'one-off' kepada 230,000 bekas tentera yang bersara awal yang telah berkhidmat kurang daripada 21 tahun serta tidak bertaraf pencen. Insentif tersebut diberi bertujuan untuk mengenang jasa bakti pahlawan negara dan melibatkan peruntukan berjumlah RM230.0 juta yang akan dikongsi bersama oleh Kerajaan dengan LTAT. Pembayaran bagi faedah ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tahun 2013 dan bahagian sumbangan LTAT adalah dianggarkan sebanyak RM115.0 juta.

#### *Sumbangan-Sumbangan Lain*

Dalam tahun 2012, LTAT telah membuat sumbangan sebanyak RM1.0 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sebagai sumbangan kepada Tabung Kempen Hari Pahlawan 2012 dan RM100,000 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera sebagai sumbangan bungkusan Hari Raya untuk warga tentera yang bertugas di perbatasan semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri.

LTAT dan syarikat kumpulannya juga telah menyumbang sebanyak RM257,050 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera dan RM163,166 lagi kepada badan-badan sukan dan kebajikan lain di bawah Kementerian Pertahanan bagi membiayai aktiviti-aktiviti tahunan badan-badan tersebut.

#### *Program Harga Prihatin PERNAMA*

Perbadanan-perbadanan milik LTAT juga turut melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka kepada warga tentera. Sebagai contoh, PERNAMA telah menyediakan skim subsidi bagi barangan ruji seperti beras, tepung, susu, kicap, mee segera, minyak masak dan minuman ringan dengan menjual barangan tersebut pada harga lebih rendah dari harga pasaran bertujuan membantu warga tentera menangani kenaikan harga barang dan kos hidup. Sehingga kini, sebanyak RM11.1 juta telah dibelanjakan untuk pemberian subsidi di bawah skim ini.

#### *Skim Rumah Mampu Milik*

Di bawah program perumahan mampu milik, LTAT menerusi perbadanan milik penuhnya, Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM), telah berjaya membina 828 rumah mampu milik di Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur untuk anggota tentera yang masih berkhidmat dan telah bersara. Di bawah projek ini, LTAT telah membina dan menawarkan sebanyak 500 unit rumah kos rendah berharga RM42,000 seunit, 192 unit rumah kos sederhana rendah berharga RM72,000 seunit dan 136 unit rumah kos sederhana berharga RM140,000 seunit kepada anggota tentera yang layak. LTAT juga



Pegawai-pegawai LTAT melawat projek perumahan yang sedang dibangunkan oleh dua syarikat bersekutu LTAT, Prima Prai Sdn. Bhd. dan Warisan Pinang Sdn. Bhd. di Prai, Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada aktiviti penyusulan pelaburan.

*LTAT's officers visiting a residential project being developed by two of LTAT's associate companies, Prima Prai Sdn. Bhd. and Warisan Pinang Sdn. Bhd. at Prai, Penang as part of LTAT's investment monitoring activities.*

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (sambungan)

telah memperuntukkan subsidi berjumlah RM43.3 juta untuk membiayai kos pembinaan rumah-rumah mampu milik ini. Setakat ini, sebanyak 1,650 rumah mampu milik telah dibina dan dijual kepada anggota tentera yang layak di Mutiara Rini (Johor), Mutiara Damansara (Selangor) dan Taman LTAT, Bukit Jalil (Kuala Lumpur).

Selain daripada itu, Boustead Holdings Berhad, sebuah syarikat kumpulan LTAT akan meneruskan pembangunan projek perumahannya di Mutiara Rini, Johor yang merangkumi pembangunan rumah berkembar 2 tingkat dan rumah teres 2 tingkat. Pembangunan projek ini dijangka akan dilaksanakan pada suku ketiga 2013. Kerajaan negeri Johor telah meluluskan peruntukan sebanyak 20% daripada 1,032 unit rumah yang dibina untuk ditawarkan kepada anggota-anggota angkatan tentera yang layak. Unit rumah yang akan diperuntukkan adalah sebanyak 144 unit rumah berkembar 2 tingkat daripada 724 unit yang dibina dan 61 unit rumah teres 2 tingkat daripada 308 unit yang dibina menjadikan keseluruhan yang akan ditawarkan kepada anggota tentera yang layak sebanyak 205 unit.

### Penambahbaikan Faedah Pencarum

Dalam tahun 2012, Lembaga Pengarah LTAT telah bersetuju untuk meminda peraturan pengeluaran caruman untuk membolehkan pencarum membuat pengeluaran untuk mengerjakan fardhu haji dan juga menambahbaik syarat-syarat pengeluaran caruman untuk membeli rumah. Pindaan-pindaan ini dijangka dapat disempurnakan pada akhir tahun 2013 setelah pewartaan peraturan berkaitan diluluskan.

### PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dalam tahun yang dilapor, LTAT telah berjaya mengatur pelbagai program latihan untuk kakitangannya termasuk di dalam bidang-bidang motivasi, kualiti, integriti dan produktiviti, kewangan dan pelaburan, kemahiran komputer, multimedia dan teknologi maklumat. Di samping itu, LTAT juga menawarkan insentif dalam bentuk biasiswa kepada kakitangan yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

### PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Dalam tahun 2012, pencapaian petunjuk prestasi utama LTAT adalah seperti berikut:

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2012	Pencapaian 2012
1. Kadar Dividen, Bonus & Bonus Khas kepada Pencarum	15.0%	16.0%
2. Pulangan Pelaburan	11.2%	10.8%
3. Indeks Kepuasan Pelanggan	90.0%	94.4%
4. Memproses Pengeluaran Caruman, Skim Faedah Kematian & Hilang Upaya dalam tempoh 24 jam	100%	100%
5. Memproses Pengeluaran Perumahan dalam tempoh 24 jam	100%	100%
6. Nisbah Kos kepada Pendapatan	Tidak melebihi 6.0%	5.4%
7. Laporan Kewangan dan Pengurusan	Sijil Audit Bersih	Sijil Audit Bersih

### PROSPEK DAN STRATEGI

Melangkah ke hadapan, Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan serta Pengurusan LTAT adalah komited untuk menawarkan faedah yang lebih baik dan perkhidmatan yang bermutu tinggi secara menyeluruh dan berterusan kepada pencarum LTAT. Bagi tujuan ini, Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan akan terus berusaha untuk mengenal pasti peluang pelaburan baru yang menguntungkan dan berdaya maju untuk meningkatkan aktiviti pelaburan LTAT. Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan juga akan terus mengenal pasti dan melaksanakan dasar dan strategi untuk mengendalikan dana wang caruman dengan penuh amanah dan berkesan bagi mendapatkan pulangan yang sebaik-baiknya melalui perancangan korporat dan penyusunan semula pelaburan LTAT dengan penuh teliti, cekap dan efisien.

Pertumbuhan mampan dan dinamik yang dikecapi LTAT adalah hasil daripada falsafah operasi yang pragmatik, kedudukan kewangan yang kukuh, perniagaan yang pelbagai dan semangat keusahawanan yang berwawasan. Sebagai sebuah organisasi pengurusan dana wang caruman, LTAT akan terus meningkatkan usahanya untuk mengenal pasti peluang-peluang pelaburan baru yang menguntungkan di samping memperkukuhkan lagi pelaburan sedia ada. LTAT dan syarikat kumpulannya akan terus berusaha untuk mencapai pertumbuhan yang meningkat di dalam semua aktivitinya.

LTAT dan syarikat kumpulannya terus komited untuk menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk terus memajukan negara, dengan mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. LTAT juga akan terus melaksanakan amalan urus tadbir korporat yang terbaik dan menguruskan dana wang caruman ahli serta aset yang dipertanggungjawabkan secara cekap dan berkesan bagi memperoleh pulangan yang tinggi serta menyampaikan faedah yang terbaik kepada pencarumnya.


## PERUTUSAN Pengerusi

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengalu-alukan pelantikan YBhg. Datuk Nozirah binti Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Malaysia sebagai ahli Lembaga Pengarah, ahli Panel Pelaburan, ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan ahli Jawatankuasa Audit mulai 1 Oktober 2012.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan, pihak Pengurusan serta pegawai dan kakitangan LTAT di atas dedikasi, daya usaha dan sumbangan mereka yang berterusan dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk mengurus wang caruman anggota ATM dengan cekap dan berkesan di samping melaksanakan dengan baik tanggungjawab sosial korporat LTAT melalui pelbagai sumbangan untuk membantu meningkatkan taraf hidup warga ATM.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan, Badan-badan Perniagaan dan orang perseorangan di atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera.



**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR (BERSARA)**  
Pengerusi



Pegawai dan kakitangan LTAT menghadiri Kursus *Legal Aspects In Shares Transactions & Clause* pada 15-16 Mei 2012.

*LTAT's staff attended the Legal Aspects In Shares Transactions & Clause Course on 15-16 May 2012.*

**STATISTIK  
PEMBAYARAN DIVIDEN & BONUS LTAT  
BAGI TAHUN 1973-2012**

TAHUN	DIVIDEN (%)	BONUS (%)	DIVIDEN + BONUS (%)	BONUS KHAS (%)	DIVIDEN + BONUS + BONUS KHAS (%)
1973	8.70	0.00	8.70	0.00	8.70
1974	7.00	0.00	7.00	0.00	7.00
1975	7.00	0.00	7.00	0.00	7.00
1976	7.00	0.00	7.00	0.00	7.00
1977	7.25	0.00	7.25	0.00	7.25
1978	7.25	0.00	7.25	0.00	7.25
1979	7.25	0.00	7.25	0.00	7.25
1980	8.00	0.00	8.00	0.00	8.00
1981	8.50	0.00	8.50	0.00	8.50
1982	8.50	0.50	9.00	0.00	9.00
1983	8.50	0.00	8.50	0.00	8.50
1984	8.75	0.00	8.75	0.00	8.75
1985	8.75	0.00	8.75	0.00	8.75
1986	8.00	0.00	8.00	0.00	8.00
1987	6.50	0.00	6.50	0.00	6.50
1988	6.50	0.00	6.50	0.00	6.50
1989	7.00	0.00	7.00	0.00	7.00
1990	7.00	0.50	7.50	0.00	7.50
1991	7.00	3.00	10.00	0.00	10.00
1992	7.00	4.00	11.00	0.00	11.00
1993	7.00	5.00	12.00	0.00	12.00
1994	7.00	6.00	13.00	0.00	13.00
1995	7.00	6.00	13.00	0.00	13.00
1996	7.00	6.25	13.25	5.00	18.25
1997	7.00	4.50	11.50	4.00	15.50
1998	7.00	3.50	10.50	3.00	13.50
1999	7.00	5.00	12.00	3.00	15.00
2000	7.00	3.00	10.00	3.00	13.00
2001	7.00	3.00	10.00	0.00	10.00
2002	7.00	3.00	10.00	0.00	10.00
2003	7.00	3.75	10.75	0.00	10.75
2004	7.00	3.75	10.75	5.00	15.75
2005	7.00	3.75	10.75	5.00	15.75
2006	7.00	3.00	10.00	5.00	15.00
2007	7.00	3.00	10.00	6.00	16.00
2008	7.00	3.00	10.00	6.00	16.00
2009	7.00	1.00	8.00	6.00	14.00
2010	7.00	1.00	8.00	6.00	14.00
2011	7.00	1.00	8.00	7.00	15.00
2012	7.00	1.00	8.00	8.00	16.00

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

**PROGRAM PEMBANGUNAN e-KIOSK  
PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN**

- Menyemak kedudukan caruman dan mencetak penyata caruman.
- Menyemak cap jari dan mengemaskini status penamaan waris.
- Menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman dan permohonan biasiswa YWP.
- Mencetak penyata amanah saham.

**KEMUDAHAN PAUTAN e-KIOSK**



LOKASI PENEMPATAN e-KIOSK LTAT

<p><b>PERLIS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Intan Arau</li> </ul>
<p><b>KEDAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Lapangan Terbang, Sg Petani</li> <li>• Kem Tok Jelai, Jitra</li> <li>• Kem Bukit Kayu Hitam, Jitra</li> <li>• PN 420, Kolej Tentera Udara Alor Setar</li> <li>• Kem Tanjong Gerak, Langkawi</li> </ul>
<p><b>PULAU PINANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Sg Ara, Bayan Lepas</li> <li>• Pangkalan Udara Butterworth</li> </ul>
<p><b>PERAK</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pangkalan Hulu, Kroh</li> <li>• Pangkalan TLDM, Lumut</li> <li>• Kem Sangro Circle, Taiping</li> <li>• TUDM Ipoh</li> <li>• Kompleks Mutiara Pernama, Jalan Hospital, Ipoh</li> <li>• Kem Tapah</li> <li>• Kem Syed Putra, Jalan Tambun, Ipoh</li> <li>• KD Malaya Lumut</li> <li>• Kem Grik</li> <li>• KD Pelandok, TLDM Lumut</li> </ul>
<p><b>KUALA LUMPUR &amp; SELANGOR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangunan LTAT</li> <li>• Bangunan KEMANTAH</li> <li>• Kem Sg Besi</li> <li>• Pangkalan TUDM Subang</li> <li>• Kem Sungai Buloh</li> <li>• Pangkalan TUDM Sungai Besi</li> <li>• Kem Batu Kentonmen</li> <li>• Kem Wardieburn</li> <li>• Unit Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kementah</li> <li>• TUDM Jugra, Banting</li> <li>• UPNM Sungai Besi</li> <li>• Desa Tun Hussein Onn Jalan Jelatek</li> <li>• Kem Paya Jaras, Sungai Buloh</li> <li>• Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju</li> </ul>
<p><b>NEGERI SEMBILAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• LATEDA Port Dickson</li> <li>• Kem Rasah, Seremban</li> <li>• Kem Syed Sirajuddin, Gemas</li> <li>• Kem Senawang, Seremban</li> <li>• Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA)</li> <li>• Kem Sikamat, Seremban</li> <li>• Kem Sunggala, Port Dickson</li> </ul>
<p><b>MELAKA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Terendak</li> <li>• Kem Sg Udang</li> </ul>
<p><b>JOHOR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Mahkota, Kluang</li> <li>• Kem Sri Iskandar, Mersing</li> <li>• Tanjung Pengelih</li> <li>• PULADA Ulu Tiram</li> <li>• Kem Tebrau, Johor Bharu</li> <li>• Kem Bt 3, Jalan Mersing, Kluang</li> <li>• Kem Majidee, Johor Bahru</li> </ul>
<p><b>TERENGGANU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Sri Pantai, Seberang Takir</li> <li>• Pangkalan Udara Gong Kedak, Jerteh</li> </ul>



**PAHANG**

- Kem Batu 10 Kuantan
- Markas 4 Briged, Kem Batu 3, Temerloh
- Rumah Keluarga TLDM, Tmn Samudera Balok Perdana, Kuantan
- Kem Ungku Nasaruddin, Kuala Lipis
- Kem Mentakab
- Kem Bentong
- Pangkalan TUDM Bt 10, Kuantan
- Skuadron 322, Bukit Ibam, Pahang

**SABAH & LABUAN**

- Kem Lok Kawi, K. Kinabalu
- Pangkalan TLDM Sepanggar, Kota Kinabalu
- Kem Sri Kinabatangan, Sandakan
- Kem Kabota, Tawau
- Pangkalan TUDM Labuan
- Kem TLDM Semporna
- Kem Paradise Kota Belud

**KELANTAN**

- Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu
- Kem Pangkalan Chepa
- Kem Batu Melintang, Jeli
- Kem Tanah Merah

**SARAWAK**

- Kem Penrissen, Kuching
- Kem Simanggang, Sri Aman
- Kem Miri
- Kem Semenggo, Bt 8 Jalan Penrissen, Kuching
- TUDM Kuching
- Kem Rascom, Batu 10 Sibul
- Kem Oya Batu 14 1/2, Sibul
- Kem Muara Tuang, Kuching

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

FAEDAH SKIM PENGELUARAN CARUMAN



PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN

- Apabila pencarum berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau yang telah mencapai umur 50 tahun. Bagi pencarum wajib yang bertaraf pencen, wang sumbangan kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP untuk bayaran pencen bulanan.

SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN


- Pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya atau 10% dari harga harta tak alih yang mana lebih rendah untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman di atasnya.



SKIM FAEDAH KEMATIAN & HILANG UPAYA

- Skim Faedah Kematian dibayar kepada tanggungan pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia, manakala Faedah Hilang Upaya dibayar kepada pencarum yang diberhentikan daripada perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan.

PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN




	2008	2009	2010	2011	2012
<b>BILANGAN PENGELUARAN</b>	4,609	5,198	5,983	6,115	4,975

**FAEDAH SKIM PENGELUARAN CARUMAN**





	2008	2009	2010	2011	2012
<b>BILANGAN PENGELUARAN</b>	2,984	4,059	4,297	4,034	2,531




	2008	2009	2010	2011	2012
<b>BILANGAN PENGELUARAN</b>	216	215	235	267	195

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

PROGRAM TAKLIMAT DAN PROGRAM SEHARI BERSAMA PELANGGAN



**KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN  
STATISTIK PENERIMAAN BORANG KEPUASAN PELANGGAN**



## LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

## OBJEKTIF

- Untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menawarkan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan kepada warga tentera terutamanya di dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah kediaman dan biasiswa.

## PENCAPAIAN

- Dalam tahun 2012, LTAT telah menyumbang lebih RM2.5 juta bagi tujuan CSR. Secara kumulatif pula, LTAT telah menyalurkan pelbagai sumbangan yang melibatkan pembayaran berjumlah RM15.4 juta.

## SUMBANGAN BAGI TAHUN 2012

Anugerah  
Kecemerlangan  
Akademik Anak-  
anak ATM sebanyak  
RM1,016,750

Sumbangan kepada  
Jabatan Hal Ehwal  
Veteran (JHEV) bagi  
Tabung Kempen Hari  
Pahlawan sebanyak  
RM1,000,000

Sumbangan bungkusan  
Hari Raya kepada Tabung  
Kebajikan Angkatan  
Tentera untuk warga  
tentera yang bertugas  
diperbatasan sebanyak  
RM100,000

Pemberian kepada  
Badan-Badan  
Sukan & Kebajikan  
KEMENTAH sebanyak  
RM420,217

LTAT melalui PERNAMA  
menawarkan 22 jenis  
barangan ruji yang dijual  
lebih rendah dari harga  
pasaran kepada anggota  
tentera di bawah program  
Harga Produk Prihatin

LTAT telah  
membelanjakan subsidi  
sebanyak RM43 juta di  
projek Taman LTAT, Bukit  
Jalil Kuala Lumpur yang  
melibatkan 828 unit  
perumahan

**SUMBANGAN MELALUI YAYASAN WARISAN PERAJURIT (YWP)**

<b>OBJEKTIF</b>	Melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat untuk anggota ATM dan bekas anggota ATM termasuk pemberian biasiswa kepada anak-anak anggota ATM yang layak.
<b>PENCAPAIAN</b>	Sehingga tahun 2012, YWP telah membuat pembiayaan berjumlah RM49,294,196 kepada 52,849 orang penerima dari kalangan anggota tentera yang masih berkhidmat dan telah bersara serta anak-anak anggota ATM.



## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT

## I. PENDAPATAN DAN JUMLAH PEMBAYARAN DIVIDEN (RM JUTA)

	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER				
	2012	2011	2010	2009	2008
1. JUMLAH PENDAPATAN (termasuk pendapatan-pendapatan lain)	811.6	795.8	751.5	519.8	631.3
2. PERBELANJAAN KENDALIAN	52.9	50.5	40.3	30.8	28.5
3. NISBAH KOS KEPADA PENDAPATAN (%)	5.4	5.0	4.6	4.6	4.5
4. UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN	751.2	732.6	694.9	460.9	525.9
5. JUMLAH DIVIDEN, BONUS DAN BONUS KHAS KEPADA AHLI (%)	16.0	15.0	14.0	14.0	16.0

## II. ASET, EKUITI &amp; LIABILITI (RM JUTA)

	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER				
	2012	2011	2010	2009	2008
1. JUMLAH ASET	8,623.8	7,916.8	7,574.0	7,518.4	7,168.4
• Aset Bukan Semasa	6,332.5	6,390.0	5,768.7	6,242.8	6,031.4
• Aset Semasa	2,291.3	1,526.8	1,805.3	1,275.6	1,137.0
2. JUMLAH EKUITI	8,338.9	7,702.8	7,378.8	7,355.6	7,011.0
• Akaun Caruman Ahli	7,767.2	7,117.8	6,714.9	6,315.0	5,851.5
• Kumpulan Wang Rizab	155.3	142.4	134.3	120.0	117.0
• Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual	(86.6)	(82.0)	52.5	-	-
• Rizab Penilaian Semula Aset	10.5	5.2	-	-	-
• Rizab Pertukaran Matawang Asing	4.0	4.8	-	-	-
• Keuntungan Berkumpul	488.5	514.6	477.1	920.6	1,042.5
3. JUMLAH LIABILITI	284.9	214.0	195.2	162.8	157.4
4. JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	8,623.8	7,916.8	7,574.0	7,518.4	7,168.4





## PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

## I. PENDAPATAN (RM JUTA)

	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER				
	2012	2011	2010	2009	2008
1. JUMLAH PENDAPATAN (Termasuk Pendapatan-Pendapatan lain)	13,971.5	12,241.1	9,346.5	8,145.6	10,193.8
2. UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	1,702.0	1,844.5	1,732.5	1,248.5	1,389.7
3. UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN	1,415.7	1,531.6	1,491.2	1,070.9	1,316.3


## II. ASET, EKUITI &amp; LIABILITI (RM JUTA)

	TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER				
	2012	2011	2010	2009	2008
1. JUMLAH ASET	72,698.2	69,329.5	59,321.9	52,050.7	48,677.2
• Aset Bukan Semasa	23,123.8	21,996.1	19,561.1	19,508.7	11,244.6
• Aset Semasa	49,574.4	47,333.4	39,760.8	32,542.0	37,432.7
2. JUMLAH EKUITI	15,363.1	14,240.3	13,311.5	12,572.9	11,322.2
• Akaun Caruman Ahli	7,767.2	7,117.8	6,714.9	6,315.0	5,851.5
• Rizab-Rizab	1,213.2	1,039.4	1,059.0	782.3	661.1
• Kumpulan Wang	6.7	7.5	8.5	10.0	10.0
• Keuntungan Berkumpul	2,465.8	2,398.1	2,217.4	2,429.2	2,395.8
• Kepentingan Bukan Mengawal	3,910.2	3,677.5	3,311.7	3,036.4	2,403.8
3. JUMLAH LIABILITI	57,335.1	55,089.2	46,010.4	39,477.8	37,355.0
4. JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	72,698.2	69,329.5	59,321.9	52,050.7	48,677.2



**PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN**

**JUMLAH PENDAPATAN**  
Tahun Berakhir 31 Disember



**ASET**  
Tahun Berakhir 31 Disember



## LAPORAN BANTUAN KERAJAAN

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1994 menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan untuk anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang akan dan telah bersara. Kerajaan telah memperuntukkan geran permulaan sebanyak RM30.0 juta dan geran tahunan RM32.0 juta untuk membiayai kos operasi dan program-program PERHEBAT. Bagi tahun 2012, kerajaan melalui Kementerian Pertahanan telah menyalurkan geran khas kepada PERHEBAT untuk melaksanakan Program Pembangunan Sosial Ekonomi Veteran ATM (PPSEV) dan Program *National Blue Ocean Strategy 7* (NBOS7) masing-masing berjumlah RM20.0 juta dan RM2.2 juta. Ini menjadikan keseluruhan geran yang diterima adalah sebanyak RM54.2 juta berbanding RM32.0 juta pada tahun lalu.



Pelatih-pelatih PERHEBAT sedang giat menjalani kursus asas pembinaan di Pusat Kejuruteraan Binaan, PERHEBAT.

*PERHEBAT's trainees undergoing basic construction course at the Building Engineering Centre, PERHEBAT.*



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA TABUNG ANGGARAN TENTERA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**


PUTRAJAYA  
29 MEI 2013



## PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH AKAUN INDUK

Kami, **Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)** dan **Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Lembaga Tabung Angkatan Tentera** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Lembaga Tabung Angkatan Tentera** pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI  
MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR  
(Bersara)**

**PENERUSI**

**TARIKH: 23 MEI 2013  
KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Lembaga,



**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
HAJI AHMAD**


**TIMBALAN PENERUSI**

**TARIKH: 23 MEI 2013  
KUALA LUMPUR**

## PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH AKAUN KUMPULAN

Kami, **Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor (Bersara)** dan **Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Lembaga Tabung Angkatan Tentera** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Lembaga Tabung Angkatan Tentera** pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



**LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI  
MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR  
(Bersara)**

**PENERUSI**

**TARIKH: 23 MEI 2013  
KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Lembaga,



**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
HAJI AHMAD**

**TIMBALAN PENERUSI**

**TARIKH: 23 MEI 2013  
KUALA LUMPUR**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**

Saya, **Tan Sri Dato' Seri Haji Lodin Wok Kamaruddin**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Lembaga Tabung Angkatan Tentera**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan  
sesungguhnya diakui  
oleh penama di atas di  
Kuala Lumpur  
pada 23 MEI 2013

)  
)  
)  
)



TAN SRI DATO' SERI HAJI LODIN WOK KAMARUDDIN

Di hadapan saya



No. 86, Tingkat Bawah  
Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

# 40 Tahun

1972-2012  
Laporan Tahunan 2012



## PENYATA KEWANGAN KUMPULAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### KANDUNGAN

Penyata Kedudukan Kewangan	54
Penyata Pendapatan Komprehensif	56
Penyata Perubahan Ekuiti	58
Penyata Aliran Tunai	61
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	64

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

Pada 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan			LTAT		
		31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>ASET</b>							
<b>Aset Bukan Semasa</b>							
Harta tanah, loji dan peralatan	3	4,267,204	3,994,800	2,662,785	94,697	91,421	85,187
Aset biologi	4	664,451	347,637	357,210	-	-	-
Pembangunan harta tanah	5	477,260	344,586	332,820	126,695	126,364	126,033
Pelaburan harta tanah	6	1,821,428	1,745,928	1,600,367	400,002	377,972	363,902
Sewa pajak tanah prabayaran	7	68,809	42,746	57,494	-	-	-
Prabayaran jangka panjang	8	157,278	143,267	136,115	-	-	-
Aset-aset tidak ketara	9	1,462,391	1,424,706	1,700,625	-	-	-
Syarikat-syarikat subsidiari	10	-	-	-	3,030,507	2,990,326	2,794,590
Syarikat-syarikat bersekutu	11	1,035,284	958,538	914,360	291,538	291,588	277,641
Pelaburan dalam entiti kawalan bersama	12	130,105	115,752	113,641	-	-	-
Sekuriti sedia untuk dijual	13	12,349,819	11,791,047	10,772,973	2,118,075	1,941,338	1,821,393
Sekuriti dipegang hingga matang	14	548,324	650,923	533,458	-	-	-
Aset cukai tertunda	15	59,062	64,941	79,239	-	-	-
Pinjaman dan akaun belum terima	16	82,400	371,254	300,021	271,000	571,000	300,000
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>23,123,815</b>	21,996,125	19,561,108	<b>6,332,514</b>	6,390,009	5,768,746
<b>Aset Semasa</b>							
Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan	17	88,922	54,068	75,146	46,020	41,898	40,606
Inventori	18	800,774	718,733	283,657	-	-	423
Hutang daripada pelanggan dalam kontrak	19	921,626	744,025	202,815	-	-	-
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	20	360,913	340,263	329,089	208,393	190,432	180,374
Pinjaman dan akaun belum terima	16	37,242,380	32,638,340	28,726,522	882,706	426,999	400,627
Aset derivatif	21	66,169	48,140	52,194	-	-	-
Perjanjian pembelian balik dengan institusi kewangan lain		20,057	-	-	-	-	-
Deposit	22	2,621,465	2,987,305	1,286,344	1,131,494	771,510	1,101,567
Wang tunai dan baki bank	23	7,446,235	9,751,812	8,671,969	22,633	96,002	81,684
Aset dipegang untuk jualan	24	5,814	50,685	91,721	-	-	-
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>49,574,355</b>	47,333,371	39,719,457	<b>2,291,246</b>	1,526,841	1,805,281
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>72,698,170</b>	69,329,496	59,280,565	<b>8,623,760</b>	7,916,850	7,574,027

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

		Kumpulan			LTAT		
	Nota	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>							
Akaun caruman ahli	25	7,767,246	7,117,800	6,714,935	7,767,246	7,117,800	6,714,935
Kumpulan wang	26	6,656	7,482	8,534	-	-	-
Rizab-rizab	27	1,213,233	1,039,428	1,058,947	83,190	70,442	186,815
Keuntungan terkumpul		2,465,777	2,398,047	2,228,298	488,476	514,558	477,079
		<b>11,452,912</b>	10,562,757	10,010,714	<b>8,338,912</b>	7,702,800	7,378,829
Kepentingan bukan mengawal		3,910,206	3,677,532	3,316,405	-	-	-
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>15,363,118</b>	14,240,289	13,327,119	<b>8,338,912</b>	7,702,800	7,378,829
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>							
Ganjaran persaraan	28	17,010	14,277	10,589	10,091	7,880	4,283
Pinjaman	29	3,654,592	1,828,920	1,077,973	-	-	-
Pemiutang	30	36,722	29,350	23,911	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda	15	90,832	132,611	162,855	-	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>3,799,156</b>	2,005,158	1,275,328	<b>10,091</b>	7,880	4,283
<b>Liabiliti Semasa</b>							
Peruntukan faedah unit amanah	31	196,912	157,725	126,546	196,912	157,725	126,546
Pinjaman	29	50,335,270	49,466,236	41,802,747	-	-	-
Hutang kepada pelanggan dalam kontrak	19	53,103	61,528	124,668	-	-	-
Pemiutang	30	2,796,640	3,216,600	2,517,477	77,845	48,445	64,369
Liabiliti derivatif	21	59,953	98,051	71,770	-	-	-
Cukai		94,018	79,109	34,910	-	-	-
Liabiliti dipegang untuk jualan	24	-	4,800	-	-	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>53,535,896</b>	53,084,049	44,678,118	<b>274,757</b>	206,170	190,915
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>57,335,052</b>	55,089,207	45,953,446	<b>284,848</b>	214,050	195,198
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>72,698,170</b>	69,329,496	59,280,565	<b>8,623,760</b>	7,916,850	7,574,027

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan		LTAT	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan	32	<b>13,402,399</b>	11,600,945	<b>793,976</b>	791,929
Pendapatan-pendapatan lain	33	<b>569,097</b>	640,214	<b>17,620</b>	3,885
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>13,971,496</b>	12,241,159	<b>811,596</b>	795,814
Perbelanjaan faedah - institusi bank		<b>(1,193,358)</b>	(1,086,948)	-	-
Pelarasan semula kerugian kerosakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	34	<b>9,052</b>	378	-	-
Kerugian kerosakan harta tanah, loji dan peralatan dan aset biologi		<b>(17,640)</b>	(14,635)	-	-
Perubahan inventori untuk barang siap dan kerja dalam pelaksanaan		<b>(60,456)</b>	2,544	-	-
Pembelian barang siap dan kerja dalam pelaksanaan		<b>(6,308,733)</b>	(5,365,726)	-	-
Bahan mentah dan barangan digunakan		<b>(1,870,365)</b>	(1,465,037)	-	-
Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV)		<b>(5,990)</b>	-	-	-
Perbelanjaan kakitangan		<b>(1,159,646)</b>	(958,136)	<b>(32,832)</b>	(32,730)
Perbelanjaan pengurusan		<b>(1,193,115)</b>	(1,140,170)	<b>(20,035)</b>	(17,810)
Susut nilai dan pelunasan		<b>(314,135)</b>	(230,174)	<b>(5,096)</b>	(4,449)
<b>Untung operasi</b>		<b>1,857,110</b>	1,983,255	<b>753,633</b>	740,825
Kos kewangan		<b>(259,797)</b>	(224,752)	-	-
Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat bersekutu		<b>102,888</b>	90,591	-	-
Bahagian keuntungan/(kerugian) entiti kawalan bersama		<b>1,820</b>	(4,597)	-	-
<b>Untung sebelum cukai dan zakat</b>	35	<b>1,702,021</b>	1,844,497	<b>753,633</b>	740,825
Cukai dan Zakat	36	<b>(286,335)</b>	(312,890)	<b>(2,400)</b>	(8,210)
<b>Untung bersih bagi tahun</b>		<b>1,415,686</b>	1,531,607	<b>751,233</b>	732,615

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF (Sambungan)**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan		LTAT	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Pendapatan Komprehensif Lain</b>					
Keuntungan/(Kerugian) bersih ke atas sekuriti sedia untuk dijual					
Keuntungan/(Kerugian) ke atas perubahan nilai saksama		<b>145,889</b>	27,066	<b>39,204</b>	(30,131)
Pindah ke untung atau rugi atas jualan		<b>(44,718)</b>	(105,187)	<b>(43,915)</b>	(104,359)
		<b>101,171</b>	(78,121)	<b>(4,711)</b>	(134,490)
Penilaian semula tanah dan bangunan		<b>5,298</b>	5,211	<b>5,298</b>	5,211
Pertukaran matawang asing		<b>(8,409)</b>	6,224	<b>(828)</b>	4,848
Cukai tertunda atas penilaian semula		<b>(1,246)</b>	(6,783)	-	-
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif Lain</b>		<b>96,814</b>	(73,469)	<b>(241)</b>	(124,431)
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif</b>		<b>1,512,500</b>	1,458,138	<b>750,992</b>	608,184
<b>Untung diagihkan kepada :</b>					
Kumpulan/LTAT		<b>917,173</b>	966,550	<b>751,233</b>	732,615
Kepentingan bukan mengawal		<b>498,513</b>	565,057	-	-
<b>Untung bersih bagi tahun</b>		<b>1,415,686</b>	1,531,607	<b>751,233</b>	732,615
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif diagihkan kepada:</b>					
Kumpulan/LTAT		<b>977,343</b>	871,355	<b>750,992</b>	608,184
Kepentingan bukan mengawal		<b>535,157</b>	586,783	-	-
<b>Jumlah Pendapatan Komprehensif</b>		<b>1,512,500</b>	1,458,138	<b>750,992</b>	608,184

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

Kumpulan	Nota	Akaun	Kumpulan	Rizab-Rizab (nota 27) RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Kepentingan		Jumlah Ekuiti RM'000
		Caruman Ahli RM'000	Wang (nota 26) RM'000			Bukan Mengawal RM'000	Jumlah RM'000	
<b>2012</b>								
Baki pada 1 Januari		7,117,800	7,482	1,039,428	2,398,047	10,562,757	3,677,532	14,240,289
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	60,170	917,173	977,343	535,157	1,512,500
Perubahan kepentingan pemilikan syarikat-syarikat subsidiari/sub-subsidiari tanpa perubahan kawalan		-	-	21,199	7,297	28,496	(5,047)	23,449
Pengasingan ke akaun dormant		(2,211)	-	-	-	(2,211)	-	(2,211)
Pelarasan caruman	37	355	-	-	(39)	316	-	316
Caruman diterima pada tahun		705,349	-	-	-	705,349	-	705,349
Pengeluaran caruman pada tahun		(600,714)	-	-	-	(600,714)	-	(600,714)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(15,709)	-	-	-	(15,709)	-	(15,709)
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran		497,153	-	-	(497,153)	-	-	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun		65,223	-	-	(65,223)	-	-	-
Geran diterima dalam tahun		-	590	-	-	590	-	590
Pelunasan kumpulan wang pembangunan aset tetap		-	(1,394)	-	-	(1,394)	-	(1,394)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	-	(4,999)	(4,999)	-	(4,999)
Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun		-	-	-	(196,912)	(196,912)	-	(196,912)
Pindah (ke)/dari keuntungan terkumpul		-	(22)	92,436	(92,414)	-	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	(297,436)	(297,436)
<b>Baki pada 31 Disember</b>		<b>7,767,246</b>	<b>6,656</b>	<b>1,213,233</b>	<b>2,465,777</b>	<b>11,452,912</b>	<b>3,910,206</b>	<b>15,363,118</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI (Sambungan)**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

Kumpulan	Nota	Akaun	Kumpulan		Keuntungan		Kepentingan	
		Caruman Ahli RM'000	Wang (nota 26) RM'000	Rizab-Rizab (nota 27) RM'000	Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Bukan Mengawal RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
2011								
Baki pada 1 Januari		6,714,935	8,534	1,058,947	2,228,298	10,010,714	3,316,405	13,327,119
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-	(95,195)	966,550	871,355	586,783	1,458,138
Perubahan kepentingan pemilikan syarikat-syarikat subsidiari/ sub-subsidiari tanpa perubahan kawalan		-	-	(411)	(33,938)	(34,349)	80,799	46,450
Muhibah timbul daripada pengambilalihan tambahan syarikat-syarikat sub-subsidiari		-	-	-	-	-	(61,907)	(61,907)
Pengasingan ke akaun dormant		(9,589)	-	-	-	(9,589)	-	(9,589)
Pelarasan caruman	37	-	-	-	-	-	-	-
Caruman diterima pada tahun		618,824	-	-	-	618,824	-	618,824
Pengeluaran caruman pada tahun		(705,711)	-	-	-	(705,711)	-	(705,711)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(23,327)	-	-	-	(23,327)	-	(23,327)
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran		462,612	-	-	(462,612)	-	-	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun		60,056	-	-	(60,056)	-	-	-
Geran diterima dalam tahun		-	772	-	-	772	-	772
Pelunasan kumpulan wang pembangunan aset tetap		-	(1,522)	-	-	(1,522)	-	(1,522)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	-	(6,685)	(6,685)	-	(6,685)
Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun		-	-	-	(157,725)	(157,725)	-	(157,725)
Pindah (ke)/dari keuntungan terkumpul		-	(302)	76,087	(75,785)	-	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari		-	-	-	-	-	(244,548)	(244,548)
Baki pada 31 Disember		7,117,800	7,482	1,039,428	2,398,047	10,562,757	3,677,532	14,240,289

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI (Sambungan)**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

LTAT	Nota	Akaun Caruman Ahli RM'000	Rizab-Rizab (Nota 27) RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>		<b>7,117,800</b>	<b>70,442</b>	<b>514,558</b>	<b>7,702,800</b>
Jumlah pendapatan komprehensif		-	(241)	751,233	750,992
Pengasingan ke akaun dormant		(2,211)	-	-	(2,211)
Pindah dari keuntungan terkumpul		-	12,989	(12,989)	-
Pelarasan caruman	37	355	-	(39)	316
Caruman diterima pada tahun		705,349	-	-	705,349
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran		497,153	-	(497,153)	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun		65,223	-	(65,223)	-
Pengeluaran caruman pada tahun		(600,714)	-	-	(600,714)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(15,709)	-	-	(15,709)
Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun		-	-	(196,912)	(196,912)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	(4,999)	(4,999)
<b>Baki pada 31 Disember</b>		<b>7,767,246</b>	<b>83,190</b>	<b>488,476</b>	<b>8,338,912</b>
<b>2011</b>					
Baki pada 1 Januari		6,714,935	186,815	477,079	7,378,829
Jumlah pendapatan komprehensif		-	(124,431)	732,615	608,184
Pengasingan ke akaun dormant		(9,589)	-	-	(9,589)
Pindah dari keuntungan terkumpul		-	8,058	(8,058)	-
Pelarasan caruman	37	-	-	-	-
Caruman diterima pada tahun		618,824	-	-	618,824
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran		462,612	-	(462,612)	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun		60,056	-	(60,056)	-
Pengeluaran caruman pada tahun		(705,711)	-	-	(705,711)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(23,327)	-	-	(23,327)
Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun		-	-	(157,725)	(157,725)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	(6,685)	(6,685)
<b>Baki pada 31 Disember</b>		<b>7,117,800</b>	<b>70,442</b>	<b>514,558</b>	<b>7,702,800</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

	Kumpulan		LTAT		
	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Operasi</b>					
Penerimaan tunai daripada pendapatan-pendapatan lain		480,024	483,759	-	569
Penerimaan tunai daripada pelanggan		11,531,834	11,047,992	5,785	12,683
Penerimaan sewaan lain		3,314	9,911	271	167
Bayaran tunai kepada kakitangan dan pembekal		(10,721,076)	(9,136,319)	(49,056)	(65,389)
Perolehan semula pinjaman yang telah dihapus kira		108,211	237,889	-	-
Pembayaran balik kumpulan wang skim pinjaman kakitangan		22	303	-	-
Pembayaran untuk Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV)		(3,108)	-	-	-
Penerimaan tunai daripada geran		31,410	31,228	32,000	32,000
Penerimaan tunai/(bayaran) deposit pembangunan harta tanah		41,603	(8,786)	50,628	(8,786)
Bayaran pinjaman sewa pajak		(59)	(152)	-	-
Penerimaan sewaan daripada syarikat-syarikat subsidiari		-	-	654	898
Bayaran geran kepada PERHEBAT		-	-	(32,000)	(32,000)
<b>(Penambahan)/Pengurangan dalam aset operasi :</b>					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		(3,815,549)	(4,054,864)	-	-
Sekuriti dipegang untuk urus niaga		(8,814)	5,634	-	-
Penghutang perdagangan		(53,512)	109,773	-	-
Aset-aset lain		(106,164)	(92,339)	-	-
<b>Penambahan/(Pengurangan) dalam liabiliti operasi :</b>					
Deposit daripada pelanggan		3,068,212	6,038,658	-	-
Deposit daripada bank-bank dan institusi kewangan lain		(2,278,838)	14,449	-	-
Perjanjian pembelian balik dengan institusi kewangan lain		(20,057)	-	-	-
Bil dan penerimaan harus bayar		70,341	(28,102)	-	-
Liabiliti-liabiliti lain		(66,964)	(47,357)	-	-
Obligasi rekursa atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad		(14,910)	139,568	-	-
Pemiutang perdagangan		56,782	(101,894)	-	-
Tunai (digunakan untuk)/janaan dari operasi		(1,697,298)	4,649,351	8,282	(59,858)
Bayaran faedah		(1,215,315)	(1,097,592)	-	-
Bayaran cukai pendapatan dan zakat		(325,716)	(279,553)	(1,154)	(2,042)
Bayaran faedah unit amanah		(157,724)	(126,546)	(157,724)	(126,546)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		(4,450)	(6,479)	(4,450)	(6,479)
Faedah persaraan		(1,555)	(693)	(184)	(144)
Tunai bersih (digunakan untuk)/dari aktiviti-aktiviti operasi		(3,402,058)	3,138,488	(155,230)	(195,069)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Kumpulan		LTAT		
	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pelaburan</b>					
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(893,550)	(1,018,028)	(559)	(4,575)
Penerimaan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan		108,893	15,124	-	60
Pembangunan harta tanah		(531,844)	(331)	(531,844)	(331)
Pelaburan harta tanah		(29,851)	(29,901)	(11,413)	(1,812)
Penerimaan daripada penjualan pelaburan harta tanah		42,070	189,221	-	-
Penerimaan sewaan daripada pelaburan harta tanah		28,652	20,446	29,381	23,280
Pembelian aset-aset tidak ketara		(58,807)	(1,986)	-	-
Pembelian saham syarikat-syarikat sub-subsidiari		(108,790)	(640,470)	(27,000)	-
Pelaburan tambahan di dalam syarikat-syarikat subsidiari		(195,987)	(13,161)	(87,487)	(137,786)
Penjualan sebahagian syarikat-syarikat subsidiari		305,678	97,524	137,795	19,373
Penebusan saham keutamaan boleh tebus syarikat-syarikat subsidiari		10,109	3,206	10,109	3,206
Pelaburan tambahan syarikat-syarikat bersekutu		-	(3,600)	-	(3,600)
Penjualan syarikat-syarikat bersekutu		-	4,929	-	-
Penerimaan pendapatan lain daripada syarikat-syarikat bersekutu		275	268	275	268
Pembelian saham entiti kawalan bersama		(11,217)	(7,132)	-	-
Pembelian sekuriti sedia untuk dijual		(1,815,198)	(2,400,681)	(1,712,409)	(1,761,148)
Pemulangan modal pelaburan di luar Malaysia		542	68	542	68
Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan		(1,452)	(1,292)	(1,452)	(1,292)
Penerimaan daripada jualan hartanah lelongan		21,611	118,687	-	-
Penjualan sekuriti sedia untuk dijual		1,666,808	1,472,200	1,653,582	1,410,404
Pelaburan tambahan sekuriti dipegang untuk urus niaga		(87,991)	(255,148)	(87,991)	(255,148)
Pemulangan kecairan oleh sekuriti dipegang untuk urus niaga		112,664	153,143	112,664	153,143
Penerimaan faedah		354,291	348,722	72,544	72,315
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		24,493	53,859	21,763	53,859
Dividen diterima daripada sekuriti sedia untuk dijual		165,759	138,156	59,442	66,520
Penerimaan daripada pelaburan di luar Malaysia		-	145	-	145
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul syarikat-syarikat bersekutu		-	1,195	-	1,195
Dividen diterima daripada saham keutamaan tidak boleh tebus terkumpul		997	750	997	750
Bayaran balik cukai kredit daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri		39,036	122,854	39,036	122,854
Pemulangan modal sekuriti sedia untuk dijual		509	-	509	-
Pembelian saham keutamaan boleh tebus terkumpul		(44,232)	-	(44,232)	-
Pemulangan modal Bon (Sukuk Al-Musyarakah)		300,000	-	300,000	-
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari		-	-	421,303	229,024
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul syarikat-syarikat subsidiari		-	-	1,200	2,989
<b>Tunai bersih (digunakan untuk)/dari aktiviti-aktiviti pelaburan</b>		<b>(596,532)</b>	<b>(1,631,233)</b>	<b>356,755</b>	<b>(6,239)</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)**  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Nota	Kumpulan		LTAT	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan</b>					
Penerimaan caruman ahli		705,772	619,061	705,772	619,061
Pengeluaran caruman ahli		(620,682)	(733,492)	(620,682)	(733,492)
Kumpulan wang pembangunan aset tetap		590	772	-	-
Penerimaan geran kerajaan bagi Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM tidak berpencen (PPSEV)		20,000	-	-	-
Penerimaan geran khas Kementerian Pertahanan untuk Program National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7)		2,173	-	-	-
(Pengurangan)/Penambahan bersih daripada pinjaman lain		(59,105)	1,582,098	-	-
Bayaran faedah		(298,162)	(209,563)	-	-
Terbitan saham kepada kepentingan bukan mengawal		-	10,492	-	-
Bayaran dividen kepada kepentingan bukan mengawal		(275,856)	(343,318)	-	-
Penerimaan daripada pinjaman jangka panjang		2,206,153	724,304	-	-
Bayaran balik pinjaman jangka panjang		(345,150)	(407,383)	-	-
Deposit dicagarkan		500,000	(500,000)	-	-
<b>Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti pembiayaan</b>		<b>1,835,733</b>	<b>742,971</b>	<b>85,090</b>	<b>(114,431)</b>
(Pengurangan)/penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(2,162,857)	2,250,226	286,615	(315,739)
Turun naik pertukaran mata wang		444	130	-	-
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari</b>		<b>12,178,368</b>	<b>9,928,012</b>	<b>867,512</b>	<b>1,183,251</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	38	<b>10,015,955</b>	<b>12,178,368</b>	<b>1,154,127</b>	<b>867,512</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian pelengkap penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman anggota-anggota Angkatan Tentera Lain-Lain Pangkat yang mencarum secara wajib dan Pegawai Angkatan Tentera dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pembangunan harta tanah (nota 5), pelaburan harta tanah (nota 6), sewa pajak tanah prabayaran (nota 7), syarikat-syarikat subsidiari (nota 10), syarikat-syarikat bersekutu (nota 11), sekuriti sedia untuk dijual (nota 13), sekuriti dipegang hingga matang (nota 14), sekuriti dipegang untuk urus niaga (nota 20), aset derivatif (nota 21) dan deposit (nota 22).

LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan atau yang telah bersara.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pengeluaran berdasarkan resolusi pengarah pada 23 Mei 2013.

### 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

#### 2.1 Asas penyediaan

##### (a) Pernyataan pematuhan

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengumumkan rangka kerja perakaunan baru yang diluluskan iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

Rangka kerja MFRS ini diterima pakai bagi entiti selain daripada entiti swasta bagi tahun kewangan mulai pada atau selepas 1 Januari 2012 dengan pengecualian kepada entiti-entiti yang berada di bawah skop *MFRS 141 : Agriculture (MFRS 141)* dan *IC Interpretation 15 : Agreements for Construction of Real Estate (IC 15)* termasuk syarikat induk, pelabur signifikan dan pengusaha niaga ( dikenali sebagai *transitioning entities*) untuk menerima pakai rangka kerja MFRS mulai 1 Januari 2013.

Pada 30 Jun 2012, MASB telah mengumumkan untuk membenarkan entiti dalam skop *Agriculture dan Real Estate (transitioning entities)* menanggung penerimaan pakai rangka kerja MFRS kepada tahun berikutnya. Dengan ini, rangka kerja MFRS menjadi mandatori kepada semua entiti bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.

LTAT yang berada di bawah skop *transitioning entities* memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan mulai pada 1 Januari 2014 dan dikehendaki menerima pakai rangka kerja MFRS di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan 31 Disember 2013, Kumpulan akan menyediakan penyata kewangan dengan mengguna pakai rangka kerja FRS.

Dalam pembentangan penyata kewangan MFRS, Kumpulan dikehendaki menyatakan semula penyata kewangan perbandingan bagi menunjukkan kesan menerima pakai rangka kerja MFRS.

Pelarasan semasa peralihan sekiranya perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki mula keuntungan terkumpul.

Walau bagaimanapun, empat (4) buah syarikat-syarikat subsidiari dan satu (1) buah perbadanan telah memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan mulai 1 Januari 2012. Pemilihan menerima pakai rangka kerja perakaunan yang berbeza dengan LTAT tidak memberi kesan yang signifikan kepada penyediaan penyata kewangan Kumpulan LTAT kerana syarikat-syarikat subsidiari tersebut tidak berada di bawah skop MFRS 141 dan IC 15. Syarikat-syarikat subsidiari dan Perbadanan tersebut adalah seperti berikut :

- i Affin Holdings Berhad
- ii Power Cables Sdn Bhd
- iii Boustead Reit Managers Sdn Bhd
- iv Irat Properties Sdn Bhd
- v Perwira Niaga Malaysia

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

### **2.1 Asas penyediaan (sambungan)**

#### **(a) Pernyataan pematuhan (sambungan)**

Kaedah perkiraan dan dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dalam penyata kewangan ini adalah tekal dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 kecuali penerimaan pakai MFRS/Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) pindaan yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan mulai 1 Januari 2012 seperti berikut :

1. MFRS /Pindaan FRS 7 - Pendedahan - Pindahan Aset Kewangan
2. MFRS/Pindaan FRS 112 - Cukai Tertunda - Pemungutan Aset-aset Pendasar
3. MFRS/Pindaan FRS 124 - Pendedahan Pihak Berkaitan

Penerimaan pakai MFRS/FRS pindaan tidak memberi impak ke atas kedudukan kewangan dan persembahan penyata kewangan.

#### **(b) Asas pengukuran**

Penyata kewangan Kumpulan dan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan di bawah.

#### **(c) Mata wang asing**

##### **(i) Mata wang fungsian dan pembentangan**

Penyata kewangan Kumpulan dan LTAT dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM '000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

##### **(ii) Urus niaga mata wang asing**

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke dalam mata wang fungsian dengan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga dijalankan.

#### **(d) Penggunaan pertimbangan dan anggaran**

Bagi mematuhi FRS, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada dasar-dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan andaian ini disemak semula atas dasar berterusan. Semakan semula terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh anggaran tersebut disemak semula dan dalam tempoh masa depan yang berkenaan.

Tiada pertimbangan kritikal dan ketidaktentuan ketara dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang memberi kesan ke atas pengiktirafan amaun-amaun di Penyata Kewangan kecuali yang dilaporkan dalam nota-nota seperti berikut :

- |         |   |
|---------|---|
| Nota 3  | Harta tanah, loji dan peralatan           |
| Nota 4  | Aset biologi                              |
| Nota 6  | Pelaburan harta tanah                     |
| Nota 13 | Sekuriti sedia untuk dijual               |
| Nota 14 | Sekuriti dipegang hingga matang           |
| Nota 17 | Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan |
| Nota 20 | Sekuriti dipegang untuk urus niaga        |
| Nota 21 | Aset dan Liabiliti derivatif              |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan

##### (a) Asas penyatuan

##### (i) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari ialah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal secara langsung atau tidak langsung dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh faedah daripada kegiatan-kegiatannya. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak untuk mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ubah akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa ke atas entiti lain.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat-syarikat subsidiari yang telah dihapuskan semasa penyatuan dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian kerosakan.

Penyata kewangan Kumpulan termasuk penyata kewangan LTAT dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun. Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari disediakan pada tarikh bersamaan dengan laporan LTAT.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh kawalan mula dikuat kuasakan sehingga tarikh kawalan sebenarnya tamat. Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan, urus niaga antara syarikat dalam Kumpulan, baki dan keuntungan atau kerugian yang belum direalisasikan dihapuskan sepenuhnya. Dasar perakaunan yang sama diguna pakai dalam penyata kewangan Kumpulan untuk transaksi-transaksi dan perkara-perkara yang sama. Kerugian yang dapat diterapkan kepada kepentingan bukan mengawal di dalam sesebuah syarikat subsidiari adalah diperuntukkan kepada kepentingan bukan mengawal walaupun hasil ini di dalam kepentingan bukan mengawal mengalami baki defisit.

Pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari diakaunkan mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan. Aset-aset boleh dikenal pasti diambil alih dan liabiliti-liabiliti dianggap diambil alih dalam penggabungan perniagaan adalah diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan nilai saksama ini dengan pertimbangan nilai saksama (termasuk nilai saksama pelaburan sedia ada) adalah muhibah atau diskaun atas pengambilalihan. Diskaun atas pengambilalihan mewakili muhibah negatif diiktiraf serta merta di dalam penyata pendapatan komprehensif. Kos-kos berkaitan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dicaj sebagai perbelanjaan pengurusan pada masa kos itu wujud dan perkhidmatan diterima.

Dalam penggabungan perniagaan secara berperingkat-peringkat kepentingan ekuiti yang dipegang sedia ada yang diambil alih diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang untung atau rugi yang timbul diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam sesebuah syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan mengawal dianggap sebagai urus niaga antara pemegang ekuiti dan dilaporkan dalam ekuiti.

Bagi setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan akan memilih untuk mengukur amaun kepentingan bukan mengawal sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian setara kepentingan bukan mengawal dan aset-aset bersih syarikat-syarikat subsidiari yang dapat dikenal pasti.

Polisi perakaunan muhibah ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 2.2 e (i).

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari disenaraikan di Nota 10.

##### (ii) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain yang mana Kumpulan boleh menggunakan pengaruh penting, tetapi bukan mengawal, umumnya disertakan dengan pemegangan saham di antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting ialah hak untuk menyertai dalam membuat keputusan-keputusan berkaitan polisi kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tiada kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan Kumpulan mengikut kaedah perakaunan ekuiti. Mengikut kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada kos campur perubahan selepas pengambilalihan di dalam pegangan Kumpulan ke atas aset bersih syarikat bersekutu, tolak pengagihan diterima dan tolak nilai kerugian kerosakan ke atas sesuatu pelaburan.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

### **2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

#### **(a) Asas penyatuan (sambungan)**

##### **(ii) Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)**

Penyata pendapatan komprehensif disatukan memaparkan bahagian keuntungan syarikat bersekutu selepas cukai. Bila terdapat perubahan dikenal pasti secara langsung di dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan akan mengiktiraf bahagiannya mengikut perubahan tersebut. Keuntungan atau kerugian belum direalisasi ke atas urus niaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan mengikut tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Bila kerugian ke atas bahagian Kumpulan melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak perlu mengiktiraf kerugian tambahan melainkan ke satu tahap Kumpulan menanggung obligasi konstruktif atau sah atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan syarikat bersekutu terkini adalah digunakan dalam kaedah perakaunan ekuiti. Bila tarikh penyata kewangan yang telah diaudit digunakan tidak selari dengan Kumpulan, keuntungan bahagian diambil kira dari penyata kewangan yang telah diaudit dan penyata kewangan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan. Pelarasan perlu dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu untuk memastikan ketekalan polisi perakaunan digunakan dalam Kumpulan.

Bagi LTAT, pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian kerosakan. Bagi syarikat bersekutu yang telah dilupuskan, perbezaan antara terimaan jualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan komprehensif.

Butir-butir syarikat-syarikat bersekutu disenaraikan di Nota 11.

#### **(b) Pelaburan dalam entiti kawalan bersama**

Entiti-entiti kawalan bersama adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain yang mana terdapatnya perkongsian kuasa yang telah dipersetujui secara kontraktual oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan operasi strategik berkaitan entiti tersebut memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kuasa.

Pelaburan di dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam penyata kewangan Kumpulan mengikut kaedah perakaunan ekuiti dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama termasuk muhibah yang boleh dikenal pasti semasa pembelian setelah ditolak sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

Apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian entiti kawalan bersama bersamaan atau melebihi kepentingannya di dalam entiti kawalan bersama tersebut, termasuk sebarang belum terima yang tidak dijamin, kepentingan Kumpulan akan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya akan dihentikan kecuali setakat obligasi undang-undang atau konstruktif yang ditanggung oleh Kumpulan atau pembayaran yang dibuat bagi pihak entiti kawalan bersama.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian entiti-entiti kawalan bersama selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan di dalam rizab diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul telah dilaraskan dengan amaun dibawa pelaburan.

#### **(c) Instrumen kewangan**

Instrumen kewangan adalah dikategorikan dan diukur dengan menggunakan dasar perakaunan seperti berikut :

##### **(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran**

Instrumen kewangan adalah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan apabila sahaja Kumpulan dan LTAT menjadi parti kepada peruntukan kontrak aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaan diiktirafkan pada nilai saksama campur kos transaksi kecuali aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi, yang diiktirafkan pada nilai saksama.

Pembelian dan penjualan pelaburan adalah diiktirafkan atau dinyahiktiraf pada tarikh urus niaga, tarikh Kumpulan dan LTAT membeli atau menjual aset tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)

##### (c) Instrumen kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori dan pengukuran

Instrumen Kewangan Kumpulan dan LTAT adalah dikategorikan seperti berikut :

##### Aset kewangan

##### (1) Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan pada pengiktirafan awal.

Keuntungan atau kerugian direalisasikan dan yang belum direalisasikan yang timbul daripada penjualan atau perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersebut adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh perubahan tertimbul

Aset kewangan lain yang dikelaskan di bawah kategori ini adalah diukur pada nilai saksama dengan untung atau rugi yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (2) Pinjaman dan akaun belum terima

Pinjaman dan akaun belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini termasuk tunai dan baki-baki dengan bank-bank, pinjaman dan pendahuluan.

Pendapatan faedah atas pinjaman dan akaun belum terima diiktiraf dalam "Pendapatan faedah" dalam penyata pendapatan komprehensif.

Pengiktirafan cara biasa pinjaman dan pendahuluan dicatatkan pada tarikh penyelesaian apabila semua keadaan di bawah kontrak pinjaman telah dipenuhi.

##### (3) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual dan tidak dikelaskan di dalam dua kategori sebelum ini.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak ada harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak dapat diukur dengan tepat adalah diukur pada kos tolak kerugian kerosakan.

Aset kewangan di bawah kategori sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktirafkan dalam pendapatan komprehensif lain.

##### (4) Sekuriti dipegang hingga matang

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau berjadual dan tarikh matang yang telah ditetapkan dan Kumpulan mempunyai tujuan dan keupayaan positif untuk memegangnya sehingga tarikh matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan-keuntungan atau kerugian-kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif bilamana sekuriti dinyahiktiraf atau ditolak dengan kerugian kerosakan dan melalui proses pelunasan.

Sekiranya, sebagai hasil daripada perubahan dalam niat atau keupayaan, ia tidak lagi sesuai untuk mengklasifikasikan pelaburan kewangan sebagai dipegang-hingga-matang, pelaburan tersebut diklasifikasi sebagai sedia-untuk-dijual dan diukur semula pada nilai saksama, dan perbezaan di antara amaun dibawanya dan nilai saksama akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk kerugian kerosakan dan perolehan dan kerugian pertukaran asing.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

**(c) Instrumen kewangan (sambungan)**

**(ii) Kategori dan pengukuran (sambungan)**

**Aset kewangan (sambungan)**

**(4) Sekuriti dipegang hingga matang (sambungan)**

Sebarang jualan atau pengklasifikasian semula jumlah pelaburan kewangan dipegang-hingga-matang yang ketara kematangan pada tahun kewangan semasa atau dua tahun kewangan yang sebelumnya akan mencemarkan keseluruhan kategori dan mengakibatkan pelaburan kewangan dipegang-hingga-matang yang selebihnya diklasifikasikan semula kepada sedia-untuk-dijual kecuali untuk jualan atau pengklasifikasian semula yang :

- (i) amat dekat dengan kematangan atau tarikh panggilan di mana perubahan kadar faedah pasaran adalah tidak signifikan atas nilai saksama aset kewangan.
- (ii) berlaku selepas Kumpulan dapat mengutip sebahagian nilai asal aset-aset kewangan.
- (iii) dianggap sebagai peristiwa terpencil yang di luar kawalan Kumpulan, tidak berulang dan tidak dapat dijangkakan oleh Kumpulan.

Semua aset kewangan kecuali sekuriti dipegang untuk urus niaga adalah tertakluk kepada penilaian kerugian kerosakan.

**Liabiliti kewangan**

Semua liabiliti kewangan adalah diukur pada kos kecuali liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi adalah diukur berikutnya pada nilai saksama.

**(iii) Nyah pengiktirafan**

Aset kewangan adalah dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima dana daripada aset kewangan tersebut telah lupus atau aset kewangan tersebut telah dipindah kepada parti yang lain tanpa memegang kawalan atau risiko dan pampasan hak milik telah dipindah sejumlah yang signifikan. Apabila aset kewangan telah dinyahiktirafkan keseluruhannya, perbezaan di antara amaun dibawa dengan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktirafkan terus ke ekuiti akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

**(iv) Penentuan nilai saksama**

Nilai saksama aset kewangan adalah berdasarkan pada harga penutup bagi saham disebut harga dalam pasaran aktif. Pelaburan yang tidak disebut harga yang tiada harga pasaran disebut harga dalam pasaran yang aktif atau kaedah penentuan nilai saksama, adalah dinyatakan pada kos.

**(v) Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan**

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam rangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran tersebut.

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktirafkan atau dinyahiktirafkan, di mana yang sesuai, dengan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada :

- (a) Pengiktirafan aset belum diterima dan liabiliti belum dibayar pada tarikh niaga, dan
- (b) Aset yang dijual, pengiktirafan untung atau rugi pelupusan dan pengiktirafan penerima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)****2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)****(d) Instrumen kewangan derivatif**

Instrumen kewangan derivatif pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya dinilai semula pada nilai saksamanya. Nilai saksama diperolehi daripada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran yang aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, serta teknik penilaian, termasuk model aliran tunai yang didiskaunkan dan model peletakan harga pilihan, yang mana sesuai. Semua derivatif dikelaskan sebagai aset apabila mempunyai nilai saksama yang positif manakala sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif.

Bukti terbaik nilai saksama derivatif yang direkod pada permulaan pengiktirafan ialah dengan menggunakan harga (nilai transaksi saksama semasa diberi atau diterima) melainkan nilai saksama instrumen dapat dibuktikan melalui perbandingan dengan transaksi dalam pasaran semasa yang dapat diperhatikan menggunakan instrumen yang sama (tanpa sebarang perubahan atau modifikasi) atau berdasarkan teknik penilaian di mana pembolehubah termasuk data tertinggal daripada pasaran yang dapat diperhatikan. Apabila terdapat bukti sedemikian Kumpulan akan mengiktirafkan keuntungan atau kerugian nilai saksama dengan segera.

**(e) Aset-Aset tidak ketara****(i) Muhibah**

Muhibah diukur pada kos ditolak sebarang kerugian kerosakan terkumpul. Muhibah tidak lagi dilunaskan sebaliknya, ia dikaji semula untuk ujian kerugian kerosakan secara tahunan atau lebih kerap lagi sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan kemungkinan ia dikurangkan nilai.

Untuk tujuan ujian penilaian kerugian kerosakan, muhibah adalah diperuntukkan ke atas unit janaan tunai syarikat subsidiari berkenaan. Sekiranya amaun boleh pulih unit janaan tunai didapati kurang daripada amaun dibawa termasuk muhibah, kerugian kerosakan amaun akan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Kerugian kerosakan atas muhibah yang telah diiktiraf tidak boleh dicatat semula pada tempoh akan datang.

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit penjaan tunai dan sebahagian daripada operasi unit penjaan tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan itu dimasukkan sebagai amaun dibawa untuk menentukan untung atau rugi pelupusan operasi itu. Muhibah yang dilupuskan diukur berdasarkan nilai saksama relatif dan lebihan bahagian unit penjaan tunai yang belum dilupuskan akan dipegang.

**(ii) Perisian komputer**

Lesen perisian komputer yang diperolehi telah dipermodalkan menggunakan asas kos yang ditanggung untuk memperoleh dan menggunakan perisian khusus tersebut. Kos-kos ini dilunaskan sepanjang usia guna anggarannya iaitu tiga hingga lima tahun dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul serta kerugian kerosakan terkumpul, jika ada.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ia ditanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan penghasilan produk perisian yang unik dan boleh dikenal pasti yang dikawal oleh Kumpulan, dan mempunyai kebarangkalian untuk menjana faedah ekonomi mengatasi kos menjangkaui satu tahun, akan diiktiraf sebagai aset-aset tidak ketara. Kos langsung termasuk kos pekerja pembangunan perisian serta sebahagian overhead berkaitan yang sesuai.

**(iii) Hak konsesi**

Sebuah sub-subsidiari Kumpulan telah diberikan konsesi yang berkaitan dengan penswastan makmal perubatan dan Stor Kementerian Kesihatan bagi pengagihan produk perubatan terpilih kepada hospital milik Kerajaan selama 11 tahun sejak 1998. Konsesi ini telah dilanjutkan lagi bagi tempoh 10 tahun bermula 1 Disember 2009. Hak untuk konsesi ini diambil alih merupakan sebahagian daripada penyatuan perniagaan dan pengiktirafan permulaan diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama hak konsesi dikira dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijana dari tarikh pengambilalihan sehingga tempoh hak konsesi berakhir pada 30 November 2012.

Nilai saksama konsesi dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang baki tempoh kontrak konsesi.

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)

#### (e) Aset-aset tidak ketara (sambungan)

##### (iv) Hak untuk membekal

Perbelanjaan yang dilakukan bagi memperolehi hak untuk membekal produk farmaseutikal adalah dipermodalkan dan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi 10 tahun. Hak ini mempunyai jangka hayat yang terbatas dan dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul.

Sekiranya terdapat tanda kerugian kerosakan, amaun dibawa hak untuk membekal produk farmaseutikal akan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada amaun yang boleh didapatkan semula selaras dengan dasar perakaunan di nota 2.2 I (ii).

#### (f) Harta tanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua butiran harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti sewajarnya, hanya apabila kemungkinan manfaat-manfaat ekonomi masa depan berkaitan dengan butiran tersebut akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke penyata pendapatan komprehensif apabila ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah, loji dan peralatan selain daripada tanah milik bebas dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

Penilaian semula ke atas harta tanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan akan dibuat pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan bagi mengenal pasti sama ada terdapat kerugian kerosakan atau sebaliknya. Kerugian kerosakan atau defisit daripada penilaian semula diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai saksama aset selepas ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Sebarang lebih daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset kecuai, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada defisit penilaian bagi aset yang sama yang telah dicaj ke untung atau rugi sebelumnya.

Sebarang defisit daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam untung atau rugi, kecuai, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada lebih penilaian bagi aset yang sama yang telah diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset sebelumnya.

Susut nilai terkumpul akan dihapuskan daripada nilai kasar dibawa dan dinyatakan pada nilai saksama. Lebih daripada penilaian semula sesuatu aset yang diambil kira di dalam rizab penilaian semula aset akan dipindahkan ke dalam keuntungan terkumpul sekiranya aset tersebut dilupus atau dijual.

Tanah milik bebas tidak mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan tidak disusut nilaikan. Tanah pegangan pajak jangka pendek dan jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilaikan memandangkan aset tersebut belum tersedia untuk diguna. Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah sama rata untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut :

Bangunan		
- milik bebas	1.25%	- 5.6%
- Pegangan pajak jangka pendek dan jangka panjang	1.25%	- 20%
Pesawat	6.7%	- 16.7%
Loji dan Peralatan Lain	6.0%	- 33.3%

Amaun dibawa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran sebelum ini dan jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam butiran harta tanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran harta tanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih jika ada, dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)****2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)****(g) Pembangunan harta tanah**

Pembangunan harta tanah merupakan tanah di mana tiada aktiviti dilaksanakan. Pembangunan harta tanah dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

Polisi bagi pengiktirafan pengukuran kerugian kerosakan adalah berdasarkan kepada nota 2.2 I (i). Pembangunan harta tanah meliputi tabungan tanah yang di dalam proses untuk dipersiapkan bagi dibangunkan telah disediakan untuk pembangunan tetapi tidak dijangka akan dibuka untuk jualan. Kos adalah termasuk tanah, bahan-bahan, tenaga kerja, yuran profesional, kos pinjaman dan lain-lain kos pembangunan dan overhead berkaitan.

**(h) Pelaburan harta tanah**

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi modal tambah nilai atau kedua-duanya. Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan diambil kira sebagai diduduki oleh pemilik dan bukan pelaburan harta tanah.

Kumpulan dan LTAT telah menerima pakai kaedah nilai saksama dalam mengukur pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah diukur pada permulaannya pada kosnya, termasuk kos urus niaga. Lanjutan daripada pengiktirafan permulaan, semua harta tanah diukur pada nilai saksama, dengan apa-apa perubahan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Apabila sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada pelaburan harta tanah berikutan perubahan dalam penggunaannya, apa-apa perbezaan dari tarikh pindahan antara amaun dibawa sesuatu harta tanah, loji dan peralatan berkenaan sejurus sebelum pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Sekiranya lebih nilai saksama menterbalikkan kerugian kerosakan yang diiktiraf sebelum ini, lebih tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Nilai saksama ini adalah berdasarkan nilai pasaran, iaitu jumlah anggaran yang harta tanah tersebut boleh ditukar pada tarikh penilaian antara pembeli yang sanggup membeli dan penjual yang sanggup menjual dalam urus niaga tulus. Nilai saksama pelaburan harta tanah ditentukan oleh penilai profesional bebas.

Pelaburan harta tanah dinyahiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik penggunaannya selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Apa-apa laba atau kerugian pada penamatan atau pelupusan sesuatu pelaburan harta tanah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Harta tanah dalam binaan adalah diklasifikasikan sebagai Pelaburan harta tanah. Jika nilai saksama harta tanah dalam pembinaan tidak dapat ditentukan dengan tepat, pelaburan harta tanah adalah diukur pada kos sehingga nilai saksama dapat ditentukan atau pembinaan selesai, yang mana yang awal.

**(i) Pajakan****(a) Pajakan kewangan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kepada Kumpulan. Pajakan kewangan adalah dipermodalkan di permulaan pajakan pada nilai kini aset pajakan atau, yang rendah, pada nilai kini pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung permulaan adalah ditambah kepada amaun dipermodalkan. Bayaran pajakan adalah diperuntukkan di antara caj kewangan dan pengurangan ke atas liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang malar bagi baki liabiliti. Caj kewangan dicaj ke untung atau rugi. Sewaan luar jangka dicaj ke perbelanjaan dalam tempoh ia ditanggung, jika ada.

Aset pajakan disusut nilai sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya. Walau bagaimanapun, jika terdapat ketidakpastian bahawa Kumpulan tidak akan memperolehi ganjaran pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut akan disusut nilai ke atas baki tempoh anggaran jangka hayat kegunaan dan tempoh pajakan.

**(b) Pajakan operasi**

Pajakan aset-aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi.

Bayaran pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam untung atau rugi atas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Faedah insentif agregat yang diperuntukkan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan sepanjang tempoh pajakan menggunakan asas kaedah garis lurus.

## **2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

### **2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

#### **(j) Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan**

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Hasil dan perbelanjaan daripada pembangunan harta tanah diiktiraf di penyata pendapatan komprehensif menggunakan kaedah peratusan siap, apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan sempurna. Kadar peratusan siap dikira menggunakan peratusan pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan yang telah ditanggung di atas kerja yang telah dijalankan setakat tarikh berkaitan terhadap jumlah anggaran pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan.

Apabila keputusan kewangan tidak dapat dianggarkan menggunakan dasar yang munasabah, hasil diiktiraf hanya setakat di mana kos yang dijangka dapat diperolehi semula dan kos atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka di atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung disepanjang tempoh kerosakan dibayar, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan serta merta.

Lebih atau kurang hasil yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif daripada bil kepada pembeli adalah dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang dagangan atau bil dalam pelaksanaan dalam pemiutang dagangan.

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset, di mana ianya diukur mengikut kos dan nilai bersih.

#### **(k) Kontrak pembinaan**

Apabila hasil pembinaan kontrak dapat dianggarkan secara munasabah, perolehan dan kos kontrak masing-masing akan diiktirafkan sebagai pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan peringkat kerja disiapkan. Peringkat penyediaan diukur dengan merujuk kepada jumlah kos kontrak yang dibelanjakan bagi pelaksanaan kerja bagi sesuatu tempoh dan dibahagikan dengan anggaran jumlah kos bagi keseluruhan kontrak.

Apabila hasil kontrak tidak dapat dianggarkan secara munasabah, perolehan kontrak yang diiktiraf hanya dihadkan kepada kos kontrak telah dibelanjakan dan ianya boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Apabila dianggarkan jumlah kos kontrak telah melebihi jumlah perolehan kontrak, kerugian yang dijangka hendaklah diiktiraf terus sebagai belanja.

Perolehan kontrak terdiri dari amaun permulaan yang dipersetujui di dalam kontrak dan kontrak kerja tambahan, tuntutan dan bayaran insentif yang dihadkan.

Apabila jumlah kos yang dikenakan dan keuntungan yang diiktirafkan (ditolak kerugian yang telah diiktiraf) telah melebihi tuntutan kemajuan, baki tersebut akan ditunjukkan sebagai amaun terhutang daripada pelanggan. Sekiranya tuntutan kemajuan melebihi kos yang dikenakan dicampur keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian yang telah diiktiraf), bakinya hendaklah ditunjukkan sebagai amaun terhutang kepada pelanggan.

#### **(l) Kerugian kerosakan**

##### **(i) Aset kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama ke untung atau rugi, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu) adalah dinilai pada setiap tarikh pengglaporan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk objektif kerugian kerosakan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang ada impak ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut.

Kerugian yang dijangkakan akibat daripada peristiwa masa hadapan, walau bagaimana berlaku, adalah tidak diiktirafkan.

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan dan berlanjutan adalah petunjuk objektif kerugian kerosakan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)****2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)****(l) Kerugian kerosakan (sambungan)****(i) Aset kewangan (sambungan)**

Kerugian kerosakan bagi pinjaman dan terimaan adalah diiktirafkan dalam untung atau rugi dan diukur dengan mengambilkira perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa (present value) anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dengan menggunakan akaun elaun.

Kerugian kerosakan aset kewangan sedia untuk dijual adalah diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan aset tersebut dengan nilai saksama semasa aset tersebut tolak kerugian kerosakan yang diiktirafkan terdahulu. Apabila penurunan nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual diiktirafkan dalam pendapatan komprehensif lain-lain, kerugian kumulatif dalam penyata pendapatan komprehensif lain-lain akan direklasifikasikan dari ekuiti dan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian kerosakan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan yang sama.

Kerugian kerosakan yang diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak dipelarasakan semula melalui penyata pendapatan komprehensif.

**(ii) Aset bukan kewangan**

Amaun dibawa untuk aset-aset dikaji pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan disediakan bagi menentukan sama ada terdapatnya tanda-tanda kerugian kerosakan.

Jika terdapat tanda-tanda kerugian kerosakan, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada nilai yang diperolehi semula. Kerugian kerosakan akan terus diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Pelarasakan semula kerugian kerosakan yang diiktiraf pada tahun-tahun terdahulu hanya direkod apabila terdapatnya tanda-tanda kerugian kerosakan aset-aset berkenaan tidak lagi wujud atau telah berkurang. Pelarasakan semula hanya diiktiraf setakat amaun dibawa bagi aset-aset berkenaan (ditolak susut nilai) yang telah dikenal pasti tiada kerugian kerosakan telah diiktiraf. Semua pelarasakan semula kerugian kerosakan akan dikreditkan ke penyata pendapatan komprehensif.

**(m) Inventori**

Inventori dan kerja dalam proses adalah dinilai mengikut kos dan nilai bersih yang boleh diperolehi, yang mana lebih rendah.

Kos meliputi kos bahan-bahan mentah langsung (dikira mengikut kaedah masuk dulu keluar dulu atau kaedah purata imbangan), buruh langsung, perbelanjaan langsung dan bahagian tertentu kos pasti pengeluaran. Untuk mendapatkan nilai bersih yang boleh diperolehi, peruntukan dibuat bagi semua barang usang dan kurang laris.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perniagaan biasa ditolak anggaran kos penyelesaian dan anggaran kos yang perlu untuk dijadikan jualan. Inventori harta siap terdiri daripada kos tanah dan kos pembangunan yang berkaitan.

**(n) Aset biologi**

Perbelanjaan bagi tanaman baru dan tanaman semula hasil tanaman yang berlainan yang dilakukan sehingga tanaman matang dipermodalkan manakala kos awal tanaman bagi kawasan yang ditanam semula dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif.

Susut nilai dan kos pinjaman luar yang berkaitan dengan pembangunan ladang baru adalah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos-kos tanaman belum matang yang dipermodalkan. Perbelanjaan tanaman semula yang dibelanjakan ke atas tanaman yang sama dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif di dalam tahun ianya dilakukan.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

**(o) Tunai dan kesetaraan tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank yang mudah alih tunai dan tertakluk kepada jumlah risiko tidak ketara semasa perubahan nilai. Ini juga termasuk overdraf bank yang merupakan sebahagian pengurusan daripada tunai Kumpulan.

**(p) Bil dan penerimaan belum bayar**

Bil dan penerimaan belum bayar bagi syarikat subsidiari di dalam sektor bank dan kewangan merupakan bil dan penerimaan yang didiskaun semula dan masih belum dijelaskan dipasaran.

**(q) Pinjaman dan Akaun belum terima**

Akaun belum terima adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak elaun hutang lapuk dan hutang ragu. Elaun khusus telah dibuat bagi hutang lapuk dan hutang ragu yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti sebagai hutang lapuk dan hutang ragu.

**(r) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos.

**(s) Cukai**

Cukai pendapatan dalam untung atau rugi meliputi cukai semasa dan tertunda.

Cukai semasa ialah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai untuk tahun dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, sehingga ke tahap kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai wujud yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai belum digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diperuntukkan bagi muhibah yang tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai dan pengiktirafan permulaan aset dan liabiliti yang pada masa urus niaga, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan dan tidak juga pada keuntungan boleh cukai.

**(t) Manfaat pekerja**

**(i) Manfaat jangka pendek**

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Pelan caruman tetap**

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT apabila urus niaga berlaku.

**(iii) Manfaat perubatan selepas persaraan**

Kumpulan dan LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan-kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan. Peruntukan ini diiktiraf secara akrual di dalam penyata pendapatan komprehensif tahun semasa sebagai perbelanjaan dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)

##### (t) Manfaat pekerja (sambungan)

##### (iii) Manfaat perubatan selepas persaraan (sambungan)

Pengiraan amaun tanggungan manfaat perubatan selepas persaraan adalah berdasarkan penilaian tahunan aktuari (dijalankan setiap tiga tahun) dengan menganggarkan amaun manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah aktuari Unjuran Kredit Unit. Keuntungan dan kerugian aktuari dikira sebagai pendapatan atau perbelanjaan sepanjang jangkaan purata baki tahun bekerja yang tinggal untuk kakitangan yang menyertai skim ini, apabila keuntungan atau kerugian aktuari terkumpul yang tidak dikira melebihi 10% berbanding dengan nilai kini obligasi manfaat dan nilai saksama pelan aset yang mana lebih tinggi.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah :

(a) Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 6% setahun; dan

(b) Kadar diskaun ialah pada 7% setahun.

Manakala pengiraan amaun tanggungan bagi bayaran 'award' cuti gantian kepada kakitangan yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh penyata kedudukan kewangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

##### (u) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan jualan barangan dan perkhidmatan diiktiraf berdasarkan kepada nilai inbois barangan dan perkhidmatan yang diedarkan pada tahun semasa.

Pendapatan dari jualan peralatan telekomunikasi pula diiktiraf setelah barangan dihantar. Pendapatan dari perkhidmatan pemasangan diiktiraf setelah kerja pemasangan selesai dan diterima.

Pendapatan daripada kontrak dan pembangunan harta tanah diiktiraf melalui kaedah peratusan siap. Peruntukan penuh dibuat ke atas kerugian yang dijangkakan.

Pendapatan faedah syarikat subsidiari di dalam sektor bank dan kewangan bagi sekuriti dipegang hingga matang dan pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum diterima, adalah diukur menggunakan kaedah faedah efektif ('EIR'), di mana kadar tersebut akan mendiskaun anggaran penerimaan aliran tunai melalui jangka hayat pinjaman, atau apabila perlu, tempoh yang lebih pendek kepada nilai dibawa bersih pinjaman tersebut.

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima dividen telah dapat dipastikan.

##### (v) Geran

Geran kerajaan yang diterima dibahagikan kepada empat kumpulan wang iaitu :

##### (i) Kumpulan wang mengurus

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai perbelanjaan operasi dan diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (ii) Kumpulan wang pembangunan aset tetap

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai pembelian harta tanah, loji dan peralatan adalah dikreditkan ke kumpulan wang pembangunan aset tetap dan dilunaskan dalam tempoh jangka hayat guna harta tanah, loji dan peralatan atau apabila harta tanah, loji dan peralatan dihapus kira.

##### (iii) Kumpulan wang skim pinjaman pembangunan usahawan

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai pinjaman oleh para usahawan adalah dikreditkan ke kumpulan wang skim pinjaman pembangunan usahawan.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

(v) **Geran (sambungan)**

(iv) **Kumpulan wang skim pinjaman kakitangan**

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai pinjaman oleh kakitangan adalah dikreditkan ke kumpulan wang pinjaman kakitangan.

(w) **Aset bukan semasa dipegang untuk jualan**

Aset-aset bukan semasa atau Kumpulan dilupuskan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan sekiranya amaun dibawa akan diperolehi melalui transaksi jualan dan bukannya melalui penggunaan yang berterusan. Aset-aset ini diukur pada terendah di antara amaun dibawa dengan nilai saksama ditolak kos jualan apabila jualan berkemungkinan besar akan berlaku dan aset atau kumpulan dilupuskan tersedia untuk jualan dengan serta merta di dalam keadaan semasa, hanya tertakluk kepada terma-terma biasa dan lazim.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN**

	Harta Tanah Milik Bebas Tanah RM'000	Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Panjang Tanah RM'000	Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Pendek Tanah RM'000	Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Pendek Bangunan RM'000	Pesawat RM'000	Loji & Peralatan Lain RM'000	Bangunan Dalam Binaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>								
<b>Kos/Penilaian</b>								
<b>Baki pada 1 Januari</b>	377,048	833,123	183,130	685,765	737,511	1,641,238	620,581	5,277,900
Penambahan	76,230	86,025	153,746	15,182	-	98,431	168,578	613,969
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	(9,011)	(8,231)	(5,988)	(59,551)	(26,207)	(138,611)	(2,506)	(260,098)
Pindah ke prabayaran jangka panjang (Nota 8)	-	-	-	-	-	-	(2,800)	(2,800)
Pindah dari sewa pajak tanah prabayaran (Nota 7)	-	-	9,367	-	-	-	-	9,367
Pindah ke aset-aset tidak ketara (Nota 9)	-	-	-	-	-	-	(429)	(429)
Penilaian semula	-	8	6,173	(883)	-	-	-	5,298
Aset dari subsidiari diambil alih	-	-	-	2,278	-	1,933	(863)	3,348
Reklasifikasi	4,113	129,702	40	1,392	-	131,945	(299,733)	-
Pelarasan pertukaran matawang	(55)	32	-	-	-	767	(18)	781
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	-	(3)	(673)	(732)	-	-	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>448,325</b>	<b>1,040,656</b>	<b>345,795</b>	<b>643,451</b>	<b>711,304</b>	<b>1,735,703</b>	<b>482,810</b>	<b>5,645,928</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
<b>Baki pada 1 Januari</b>	-	89,442	20,945	208,121	14,862	845,586	38,032	1,283,100
Penambahan	-	21,918	1,739	24,436	51,917	134,532	15,896	260,419
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	(6,192)	(1,403)	(50,804)	(328)	(127,601)	(817)	(191,438)
Pindah dari sewa pajak tanah prabayaran (Nota 7)	-	-	2,100	-	-	-	-	2,100
Aset dari subsidiari diambil alih	-	-	-	(1,373)	-	(3,354)	-	(4,727)
Reklasifikasi	-	(12)	-	-	-	18	(1)	-
Pelarasan pertukaran matawang	-	57	-	-	-	919	-	1,036
Kerugian kerosakan	140	-	-	-	-	-	21,340	21,480
Dipermodalkan di dalam kos kontrak	-	-	50	1,429	-	6,676	-	8,162
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	-	(3)	(673)	(732)	-	-	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>140</b>	<b>105,210</b>	<b>22,758</b>	<b>181,077</b>	<b>66,451</b>	<b>856,776</b>	<b>74,450</b>	<b>1,378,724</b>
<b>Amaun Dibawa</b>								
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>448,185</b>	<b>935,446</b>	<b>323,037</b>	<b>462,374</b>	<b>644,853</b>	<b>878,927</b>	<b>408,360</b>	<b>4,267,204</b>

3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Kumpulan	Harta Tanah Milik Bebas Tanah		Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Panjang Tanah		Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Pendek Tanah		Pesawat	Loji & Peralatan Lain	Bangunan Dalam Binaan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000				
2011										
Kos/Penilaian										
Baki pada 1 Januari	264,369	715,708	170,527	514,600	23,394	151,321	-	1,555,791	387,426	3,783,136
Penambahan	2,315	12,731	5,218	130,815	-	29,560	586,200	121,728	260,993	1,149,560
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	(2,438)	(1,614)	(3,610)	(3,952)	(3,186)	(981)	-	(145,001)	(4,821)	(165,603)
Pindah dari sewa pajak tanah prabayaran (Nota 7)	-	-	6,795	-	-	-	-	-	-	6,795
Pindah ke aset-aset tidak ketara (Nota 9)	-	-	-	217	-	-	-	(319)	(11,210)	(11,312)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	-	-	-	-	(25,876)	-	(19,530)	-	(45,406)
Penilaian semula	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5,211
Aset dari subsidiari diambil alih	78,639	101,237	5,401	(198)	-	-	151,311	104,541	76,331	557,693
Reklasifikasi	34,165	5,074	-	42,780	105	21,873	-	22,918	(87,226)	-
Pelarasan pertukaran matawang	(2)	(8)	-	(12)	-	440	-	1,110	(912)	616
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	-	(13)	(1,201)	(1,576)	-	-	-	-	-	(2,790)
Baki pada 31 Disember	377,048	833,123	183,130	685,765	20,313	179,191	737,511	1,641,238	620,581	5,277,900
Susut nilai terkumpul										
Baki pada 1 Januari	-	69,566	17,869	101,615	6,389	51,905	-	812,103	60,904	1,120,351
Penambahan	-	20,460	2,905	121,034	817	18,555	14,862	158,807	10,182	347,622
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	(564)	(629)	(13,024)	(1,234)	(846)	-	(125,296)	(36,620)	(178,213)
Pindah dari sewa pajak tanah prabayaran (Nota 7)	-	-	2,001	-	-	-	-	-	-	2,001
Pindah ke aset-aset tidak ketara (Nota 9)	-	-	-	-	-	-	-	(1,214)	-	(1,214)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	-	-	-	-	(9,602)	-	(8,247)	-	(17,849)
Reklasifikasi	-	-	-	(125)	-	(23)	-	148	-	-
Pelarasan pertukaran matawang	-	(7)	-	(12)	-	144	-	227	(174)	178
Kerugian kerosakan	-	-	-	-	-	-	-	5,450	3,740	9,190
Dipermodalikan di dalam kos kontrak	-	-	-	-	-	-	-	3,608	-	3,824
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	-	(13)	(1,201)	(1,576)	-	-	-	-	-	(2,790)
Baki pada 31 Disember	-	89,442	20,945	208,121	5,972	60,140	14,862	845,586	38,032	1,283,100
Amaun Dibawa										
Baki pada 31 Disember	377,048	743,681	162,185	477,644	14,341	119,051	722,649	795,652	582,549	3,994,800
Baki pada 1 Januari	264,369	646,142	152,658	412,985	17,005	99,416	-	743,688	326,522	2,662,785

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)**

LTAT	Harta Tanah Milik Bebas RM'000	Harta Tanah Sewa Pajak Jangka Panjang Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Loji & Peralatan Lain RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>					
<b>Kos/Penilaian</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>34,773</b>	<b>115,010</b>
Penambahan	-	-	3	3,184	3,187
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	(2,470)	(2,470)
Penilaian semula	8	6,173	(883)	-	5,298
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	(3)	(673)	(732)	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>130</b>	<b>50,000</b>	<b>34,000</b>	<b>35,487</b>	<b>119,617</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>23,589</b>	<b>23,589</b>
Penambahan	3	673	732	3,750	5,158
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	(2,419)	(2,419)
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	(3)	(673)	(732)	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>24,920</b>	<b>24,920</b>
<b>Amaun Dibawa</b>					
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>130</b>	<b>50,000</b>	<b>34,000</b>	<b>10,567</b>	<b>94,697</b>
<b>2011</b>					
<b>Kos/Penilaian</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>130</b>	<b>40,300</b>	<b>36,447</b>	<b>31,416</b>	<b>108,293</b>
Penambahan	-	-	939	4,701	5,640
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	(1,344)	(1,344)
Penilaian semula	8	5,401	(198)	-	5,211
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	(13)	(1,201)	(1,576)	-	(2,790)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>34,773</b>	<b>115,010</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>11</b>	<b>601</b>	<b>737</b>	<b>21,757</b>	<b>23,106</b>
Penambahan	2	600	839	3,073	4,514
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	(1,241)	(1,241)
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian semula	(13)	(1,201)	(1,576)	-	(2,790)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>23,589</b>	<b>23,589</b>
<b>Amaun Dibawa</b>					
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>11,184</b>	<b>91,421</b>
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>119</b>	<b>39,699</b>	<b>35,710</b>	<b>9,659</b>	<b>85,187</b>

**4. ASET BIOLOGI**

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Kos</b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>385,875</b>	439,169
Penambahan	<b>313,233</b>	2,933
Penjualan	(15)	(89)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	(57,193)
Pelarasan pertukaran matawang	-	1,055
	<b>699,093</b>	385,875
<b>Susut nilai dan kerugian kerosakan terkumpul</b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>38,238</b>	81,959
Susut nilai bagi tahun	-	1,302
Pelarasan semula kerugian kerosakan	(3,596)	5,445
Pelarasan pertukaran matawang	-	683
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	(51,151)
	<b>34,642</b>	38,238
<b>Nilai buku bersih</b>		
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>664,451</b>	347,637
Baki pada 1 Januari		357,210
<b>Kerugian kerosakan terkumpul</b>	<b>34,505</b>	71,368

Tambahan kepada aset biologi Kumpulan untuk tahun kewangan adalah termasuk kos faedah dipermodalkan berjumlah RM0.12 juta (2011 : RM0.2 juta).

**5. PEMBANGUNAN HARTA TANAH**

	Kumpulan		LTAT	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Baki pada 1 Januari</b>				
<b>Kos</b>				
Tanah milik bebas	<b>16,743</b>	16,266	-	-
Harta tanah pajakan jangka panjang	<b>135,472</b>	135,501	<b>126,364</b>	126,033
Kos pembangunan	<b>192,371</b>	181,053	-	-
	<b>344,586</b>	332,820	<b>126,364</b>	126,033
<b>Penambahan</b>				
Tanah milik bebas	<b>543,700</b>	450	<b>543,318</b>	-
Harta tanah pajakan jangka panjang	<b>111,715</b>	331	<b>331</b>	331
	<b>1,000,001</b>	333,601	<b>670,013</b>	126,364
Pindah ke pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan (Nota 17)				
Harta tanah pajakan jangka panjang	(196)	(362)	-	-
Kos pembangunan	(117,843)	(53,658)	-	-
	<b>881,962</b>	279,581	<b>670,013</b>	126,364
Penjualan harta tanah pegangan bebas dalam tahun	(543,318)	-	(543,318)	-
Kos pembangunan dalam tahun	<b>138,616</b>	65,005	-	-
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>477,260</b>	344,586	<b>126,695</b>	126,364
Faedah yang dipermodalkan	<b>4,102</b>	1,962	-	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 6. PELABURAN HARTA TANAH

	Pelaburan Harta Tanah Siap RM'000	Pelaburan Harta Tanah Dalam Binaan Pada Kos RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>			
<b>2012</b>			
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>1,745,554</b>	<b>374</b>	<b>1,745,928</b>
Keuntungan nilai saksama bersih (Nota 33)	77,248	-	77,248
Penambahan	12,639	-	12,639
Penambahan dari perbelanjaan berikutan	18,804	-	18,804
Pelarasan ke atas tambahan tahun terdahulu	(13,411)	-	(13,411)
Pelupusan	(19,780)	-	(19,780)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,821,054</b>	<b>374</b>	<b>1,821,428</b>
<b>2011</b>			
Baki pada 1 Januari	1,546,738	53,629	1,600,367
Keuntungan nilai saksama bersih (Nota 33)	120,486	-	120,486
Penambahan	1,337	-	1,337
Penambahan dari perbelanjaan berikutan	6,779	25,129	31,908
Pelarasan ke atas tambahan tahun terdahulu	(5,543)	(2,627)	(8,170)
Reklasifikasi	75,757	(75,757)	-
Baki pada 31 Disember	1,745,554	374	1,745,928
<b>LTAT</b>			
<b>2012</b>			
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>377,598</b>	<b>374</b>	<b>377,972</b>
Keuntungan nilai saksama bersih (Nota 33)	9,494	-	9,494
Penambahan	12,536	-	12,536
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>399,628</b>	<b>374</b>	<b>400,002</b>
<b>2011</b>			
Baki pada 1 Januari	363,528	374	363,902
Keuntungan nilai saksama bersih (Nota 33)	12,066	-	12,066
Penambahan	2,004	-	2,004
Baki pada 31 Disember	377,598	374	377,972

### 7. SEWA PAJAK TANAH PRABAYARAN

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Kos</b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>49,685</b>	64,615
Penambahan	26,860	-
Pindah ke harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	(9,367)	(6,795)
Pengambilalihan aset syarikat-syarikat subsidiari	7,169	3,022
Pelupusan	-	(5,633)
Pelarasan pertukaran matawang	-	203
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	(7,224)
Reklasifikasi	-	1,497
	<b>74,347</b>	49,685

7. SEWA PAJAK TANAH PRABAYARAN (sambungan)

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Pelunasan terkumpul</b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>6,939</b>	7,121
Pelunasan dalam tahun (Nota 35)	634	1,019
Pindah ke harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	(2,100)	(2,001)
Pelarasan pertukaran matawang	65	78
Pelupusan	-	(385)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 24)	-	(390)
Reklasifikasi	-	1,497
	<b>5,538</b>	6,939
<b>Nilai buku bersih</b>		
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>68,809</b>	42,746
Baki pada 1 Januari		57,494

Analisis seperti berikut :

	31 Disember 2012 RM'000	Kumpulan	
		31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Sewa pajak jangka panjang	65,756	41,115	50,011
Sewa pajak jangka pendek	3,053	1,631	7,483
	<b>68,809</b>	42,746	57,494

8. PRABAYARAN JANGKA PANJANG

	Kumpulan	
	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>143,267</b>	136,115
Penambahan	20,578	14,062
Pelunasan dalam tahun (Nota 35)	(9,367)	(6,910)
Pindah dari harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	2,800	-
	<b>157,278</b>	143,267

Terdiri daripada bayaran sewa terdahulu yang dibuat kepada operator-operator stesen servis dan pemilik-pemilik tanah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti stesen servis syarikat-syarikat subsidiari.

9. ASET-ASET TIDAK KETARA

Kumpulan	Muhibah RM'000	Perisian Komputer RM'000	Perbelanjaan Kapal Peronda Luar Pesisir RM'000	Hak Konsesi RM'000	Hak Untuk Membekal RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>						
<b>Kos</b>						
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>1,320,663</b>	133,409	-	75,000	12,108	1,541,180
Pindah dari harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	-	429	-	-	-	429
Penambahan	-	2,135	-	-	77,678	79,813
Pelupusan	-	(29)	-	-	-	(29)
	<b>1,320,663</b>	135,944	-	75,000	89,786	1,621,393

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**9. ASET-ASET TIDAK KETARA (sambungan)**

Kumpulan	Muhibah RM'000	Perisian Komputer RM'000	Perbelanjaan Kapal Peronda Luar Persisir RM'000	Hak Konsesi RM'000	Hak Untuk Membekal RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pelunasan dan kerugian kerosakan terkumpul</b>						
<b>Baki pada 1 Januari</b>	-	<b>109,613</b>	-	<b>6,490</b>	<b>371</b>	<b>116,474</b>
Pelunasan dalam tahun (Nota 35)	-	<b>9,268</b>	-	<b>8,678</b>	<b>24,602</b>	<b>42,548</b>
Pelarasan	-	-	-	-	9	9
Pelupusan	-	(29)	-	-	-	(29)
	-	<b>118,852</b>	-	<b>15,168</b>	<b>24,982</b>	<b>159,002</b>
<b>Amaun dibawa</b>						
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,320,663</b>	<b>17,092</b>	-	<b>59,832</b>	<b>64,804</b>	<b>1,462,391</b>
<b>2011</b>						
<b>Kos</b>						
Baki pada 1 Januari	1,223,158	121,240	455,341	-	-	1,799,739
Pengambilalihan pegangan dalam syarikat-syarikat sub-subsidiari	160,215	-	-	75,000	-	235,215
Pindah ke kepentingan bukan mengawal	(61,907)	-	-	-	-	(61,907)
Pindah dari harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	-	11,312	-	-	-	11,312
Penambahan	-	884	-	-	12,108	12,992
Penjualan syarikat-syarikat subsidiari	(803)	-	-	-	-	(803)
Pindah ke hutang daripada pelanggan dalam kontrak	-	-	(455,341)	-	-	(455,341)
Pelupusan	-	(27)	-	-	-	(27)
	<b>1,320,663</b>	<b>133,409</b>	-	<b>75,000</b>	<b>12,108</b>	<b>1,541,180</b>
<b>Pelunasan dan kerugian kerosakan terkumpul</b>						
Baki pada 1 Januari	-	99,114	-	-	-	99,114
Pelunasan dalam tahun (Nota 35)	-	10,438	-	6,490	371	17,299
Pelarasan	-	(1,128)	-	-	-	(1,128)
Pelupusan	-	(25)	-	-	-	(25)
Pindah dari harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	-	1,214	-	-	-	1,214
	-	<b>109,613</b>	-	<b>6,490</b>	<b>371</b>	<b>116,474</b>
<b>Amaun dibawa</b>						
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,320,663</b>	<b>23,796</b>	-	<b>68,510</b>	<b>11,737</b>	<b>1,424,706</b>
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>1,223,158</b>	<b>22,126</b>	<b>455,341</b>	-	-	<b>1,700,625</b>

9. ASET-ASET TIDAK KETARA (sambungan)

Muhibah

Amaun dibawa muhibah telah diagihkan kepada syarikat-syarikat subsidiari (berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari), yang mewakili unit-unit penjana tunai ("CGU") Kumpulan adalah seperti berikut :

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Unit-unit penjana tunai</b>		<b>Amaun dibawa</b>	
Perkhidmatan bank komersil	288,421	288,421	288,421
Industri berat	766,926	766,926	766,926
Harta tanah	14,163	14,163	14,163
Pharmaseutikal	98,308	98,308	-
Pengilangan dan penjualan barang	7,780	7,780	7,780
Perladangan	115,468	115,468	115,468
Lain-lain	29,597	29,597	30,400
	<b>1,320,663</b>	<b>1,320,663</b>	<b>1,223,158</b>

10. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	31 Disember 2012 RM'000	LTAT 31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Pada Kos</b>			
Saham disebut harga	2,643,157	2,565,111	2,409,888
Pelaburan dalam perbadanan	88,000	73,000	48,000
Saham tidak disebut harga	299,350	352,215	336,702
	<b>3,030,507</b>	<b>2,990,326</b>	<b>2,794,590</b>
<b>Pada Nilai Pasaran</b>			
Saham disebut harga	5,273,350	5,092,379	4,731,131
	<b>5,273,350</b>	<b>5,092,379</b>	<b>4,731,131</b>

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut :

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Milik Ekuiti		
		31 Disember 2012 %	31 Disember 2011 %	1 Januari 2011 %
<b>Disebut harga</b>				
Affin Holdings Berhad @	Pegangan pelaburan	48	48	48
Boustead Holdings Berhad	Pelaburan induk dan perladangan kelapa sawit	61	61	59
<b>Tidak disebut harga</b>				
Irat Properties Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	98	98	98
Perbadanan Perwira Harta Malaysia #	Pemaju harta tanah	100	100	100
Perwira Niaga Malaysia #	Penjualan barang-barang keperluan pengguna	100	100	100
Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera #	Melaksanakan program-program sosio-ekonomi melalui latihan teknikal dan bukan teknikal bagi bakal pesara dan bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia	100	100	100
Power Cables Malaysia Sdn Bhd	Mengilang dan menjual kabel elektrik	60	60	60
Boustead Reit Managers Sdn Bhd	Jualan dan pajakan semula estet perladangan sawit	62	62	62

@ Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal secara langsung atau tidak langsung dasar-dasar kewangan dan operasi.

# Akaun-akaun Perbadanan ini diaudit oleh Ketua Audit Negara.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 10. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (sambungan)

Butir-butir syarikat-syarikat sub-subsidiari adalah seperti berikut :

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Milik Ekuiti		
		31 Disember 2012 %	31 Disember 2011 %	1 Januari 2011 %
<b>Disebut harga</b>				
Boustead Heavy Industries Corporation Berhad *	Pegangan pelaburan	48	48	47
Boustead Properties Berhad *	Pegangan pelaburan dan pelaburan harta tanah	61	61	59
Pharmaniaga Berhad *	Pegangan pelaburan	47	52	-
UAC Berhad *	Pengilang barang simen gentian	40	40	39
<b>Tidak disebut harga</b>				
ABB Asset Management (M) Berhad +	Dorman	48	48	48
ABB IT & Services Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
ABB Nominee (Asing) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee saham	48	48	48
ABB Nominee (Tempatan) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee saham	48	48	48
ABB Trustee Berhad +	Perkhidmatan pengurusan amanah	48	48	48
ABB Venture Capital Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
Affin Bank Berhad +	Perkhidmatan bank komersial dan sewa beli	48	48	48
Affin Capital Sdn Bhd +	Pembubaran secara sukarela	48	48	48
Affin Factors Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
Affin Fund Management Sdn Bhd +	Pengurusan aset dan pengurusan unit amanah	48	48	48
Affin Futures Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
Affin Investment Bank Berhad +	Perkhidmatan bank pelaburan	48	48	48
Affin Islamic Bank Berhad +	Perkhidmatan bank islam	48	48	48
Affin Moneybrokers Sdn Bhd +	Broker kewangan	48	48	48
Affin Nominees (Asing) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee saham	48	48	48
Affin Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee saham	48	48	48
Affin Recoveries Berhad +	Dorman	48	48	48
Affin-ACF Capital Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
Affin-ACF Holdings Sdn Bhd +	Pegangan pelaburan	48	48	48
Affin-ACF Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
BSNCB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
BSNC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
BSN Merchant Nominees (Asing) Berhad +	Dorman	48	48	48
BSN Merchant Nominees (Tempatan) Berhad +	Dorman	48	48	48
Merchant Nominees (Asing) Sdn Bhd +	Pembubaran secara sukarela	48	48	48
Merchant Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Pembubaran secara sukarela	48	48	48
PAB Properties Sdn Bhd +	Perkhidmatan pengurusan harta tanah	48	48	48
PAB Property Development Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
PAB Property Management Services Sdn Bhd +	Dorman	48	48	48
AB Shipping Sdn Bhd *	Broker perkapalan	61	61	59
Astacanggih Sdn Bhd *	Pelaburan harta tanah	49	49	-
Bakti Wira Development Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	61	61	59
Bestari Marine Sdn Bhd *	Perunding dan kajian marin	61	61	59
BHIC Defence Technologies Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	48	48	47
BHIC Defence Techservices Sdn Bhd *	Penyelenggaraan dan servis barangan ketenteraan	48	48	47
BHIC Electronics and Technologies Sdn Bhd *	Penyelenggaraan dan servis peralatan dan senjata	48	48	47
BHIC Navaltech Sdn Bhd *	Penyelenggaraan, servis dan membekal alat ganti kapal	48	48	47
Bounty Crop Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	61	61	59
Boustead Advisory and Consultancy Services Sdn Bhd *	Pengurusan ladang	61	61	59
Boustead Balau Sdn Bhd *	Pemaju harta tanah	61	61	59
Boustead Buildings Materials Sdn Bhd *	Pengedar barangan binaan dan pengurusan projek	61	61	59

10. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (sambungan)

Butir-butir syarikat-syarikat sub-subsidiari adalah seperti berikut :

Nama syarikat	Aktiviti Utama	31 Disember 2012 %	Milik Ekuiti	
			31 Disember 2011 %	1 Januari 2011 %
<b>Tidak disebut harga</b>				
Boustead Construction Sdn Bhd *	Pengurusan projek	61	61	59
Boustead Credit Sdn Bhd *	Pembiayaan sewa beli & pajakan	61	61	59
Boustead Curve Sdn Bhd *	Pelaburan harta tanah	61	61	59
Boustead DCP Sdn Bhd *	Pengilangan penyejuk air	61	61	59
Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd *	Berhenti operasi	61	61	59
Boustead Eldred Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	61	61	59
Bagi mencapai misi LTAT, LTAT mengurus risiko yang timbul di dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah dengan komprehensif merangkumi risiko ekuiti/pelaburan, risiko operasi, risiko kecairan dan risiko kredit.

#### (i) Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti ekoran aktiviti daripada pemilihan ekuiti di dalam sesebuah entiti dan perubahan dalam keadaan pasaran.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat memberi kadar pulangan yang dijangkakan dan termasuk keadaan di mana kemungkinan kehilangan sebahagian atau semua pelaburan asal berlaku.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio dan kepelbagaian.

Analisis Sensitiviti Untuk Risiko Pelaburan Disebut Harga

Memandangkan pemboleh ubah risiko kekal malar, kesan ke atas amaun dibawa kedudukan ekuiti pada setiap tarikh pelaporan sekiranya terdapat perubahan dalam harga pasaran ekuiti diringkaskan seperti jadual berikut :

LTAT	Perubahan Dalam Harga Pasaran Ekuiti %	Sensitiviti Penilaian Semula RM'000
2012	+/- 2	36,088
2011	+/- 2	33,504

#### (ii) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko di mana LTAT tidak dapat memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan. LTAT adalah terdedah kepada risiko kecairan timbul dari tuntutan pelbagai pihak terlibat.

LTAT menyediakan aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi komitmen liabiliti apabila perlu dijelaskan.

Amaun dibawa bagi liabiliti kewangan LTAT berdasarkan tempoh matang adalah seperti di jadual berikut :

LTAT	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>2012</b>				
Pemiutang	77,845	66,256	10,988	601
2011				
Pemiutang	48,445	36,620	11,137	688

#### (iii) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan LTAT yang sensitif terhadap perubahan kadar faedah.

LTAT menguruskan risiko kadar faedah berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 42. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

#### LTAT (sambungan)

##### (iii) Risiko kadar faedah (sambungan)

Amaun dibawa bagi instrumen kewangan LTAT terdedah kepada risiko kadar faedah adalah seperti di jadual berikut :

LTAT	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000
<b>2012</b>		
Deposit	1,131,494	1,131,494
Wang tunai dan baki bank	22,633	22,633
<b>2011</b>		
Deposit	771,510	771,510
Wang tunai dan baki bank	96,002	96,002

Faedah ke atas instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai kadar tetap dan merupakan kenaikan sehingga tarikh matang. Instrumen-instrumen kewangan lain tidak tersenarai di dalam jadual di atas adalah instrumen tidak dikenakan faedah dan tidak termasuk dalam risiko kadar faedah.

#### Analisis Sensitiviti Risiko Kadar Faedah

Andaian ke atas pertambahan/pengurangan kadar faedah sebanyak lima puluh mata asas (50 'basis point') dalam kadar faedah, di mana pemboleh ubah lain adalah malar akan mengurangkan/menambah keuntungan LTAT selepas cukai berjumlah RM3.922 juta (2011:RM4.627 juta) kesan kenaikan/penurunan pendapatan faedah.

##### (iv) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko yang terjadi disebabkan kegagalan pihak yang mengurus niaga untuk memenuhi tanggungjawab yang dipersetujui dengan LTAT.

LTAT menguruskan risiko kredit berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan.

#### Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan

- (a) Boustead Holdings Berhad (BHB)
- (b) Power Cables Malaysia Sdn Bhd (PCMSB)
- (c) Irat Properties Sdn Bhd (IPSB)
- (d) Boustead Reit Managers Sdn Bhd (BRMSB)
- (e) Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)
- (f) Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- (g) Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan adalah terdedah kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko pertukaran mata wang. Objektif pengurusan risiko-risiko kewangan tersebut adalah untuk memastikan wujudnya penambahan nilai kepada pemegang-pemegang saham dengan meminimumkan kemungkinan kesan-kesan yang bertentangan dan menggugat prestasi kewangan syarikat.

##### (i) Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan diamalkan secara cermat dan berhati-hati dengan mengekalkan dana pembiayaan yang ada melalui kemudahan kredit komited yang mencukupi.

**42. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

**Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)**

**(i) Risiko kecairan dan aliran tunai (sambungan)**

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan berdasarkan aliran tunai tidak terdiskaun berkontrak adalah seperti di jadual berikut :

	<b>Amaun dibawa RM'000</b>	<b>Kurang dari 1 tahun RM'000</b>	<b>Antara 1-5 tahun RM'000</b>	<b>Melebihi 5 tahun RM'000</b>
<b>2012</b>				
Pemiutang	1,763,314	1,705,422	57,892	-
<b>2011</b>				
Pemiutang	2,224,690	2,119,518	94,365	10,807

**(ii) Risiko kadar faedah**

Operasi BHB, PCMSB dan BRMSB adalah dibiayai oleh aliran tunai dari operasi dan pinjaman-pinjaman di dalam Ringgit Malaysia. Polisi kepada risiko ini adalah untuk memperolehi profil kadar faedah yang wajar melalui penggabungan kemudahan perbankan yang berkadar tetap dan berubah.

	<b>Amaun dibawa RM'000</b>	<b>Kurang dari 1 tahun RM'000</b>
<b>2012</b>		
Deposit	213,542	213,542
Wang tunai dan Baki Bank	86,575	86,575
<b>2011</b>		
Deposit	838,114	838,114
Wang tunai dan Baki Bank	66,266	66,266

**(iii) Risiko kredit**

Pendedahan kepada risiko kredit dikawal dengan usaha melaburkan aset-aset tunai di dalam pelaburan yang terjamin dan menguntungkan. Risiko kredit juga dikawal dengan menetapkan had kredit, mendapatkan jaminan bank di mana sesuai dan memastikan bahawa jualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan yang hanya mempunyai sejarah kredit yang bersesuaian dan melaksanakan semakan berkala ke atas kedudukan kewangan pelanggan. BHB, PCMSB dan BRMSB beranggapan tiada kerugian risiko kredit yang matan yang dijangkakan terbit daripada kemungkinan kegagalan pelanggan menjelaskan hutang.

**(iv) Risiko pasaran**

Untuk pembelian produk utama, PCMSB menetapkan paras-paras harga tetap dan berubah yang wajar dan di mana sesuai, mendapatkan bekalan fizikal bagi mencapai paras-paras harga tersebut.

**(v) Risiko pertukaran matawang**

BHB adalah terdedah kepada risiko matawang disebabkan aktiviti-aktiviti operasi biasanya, luaran dan antara subsidiari BHB di mana matawang denominasi berbeza dengan matawang tempatan, Ringgit Malaysia (RM). Polisi BHB adalah untuk meminimumkan pendedahan operasi subsidiari-subsidiari/aktiviti-aktiviti luar negara kepada risiko transaksi dengan memadamkan hasil matawang tempatan ke atas perbelanjaan matawang tempatan. Matawang-matawang yang menyebabkan risiko ini adalah terutamanya Dolar AS, Euro dan Rupiah Indonesia. Pendedahan terhadap tukaran sentiasa dipastikan berada pada tahap yang boleh diterima.

PCMSB adalah terdedah kepada risiko pertukaran matawang. Bagi mengurangkan pendedahan risiko ini, PCMSB mengambil tindakan memasuki kontrak-kontrak pertukaran matawang asing hadapan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**42. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)****Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)****(h) Affin Holdings Berhad (AHB)**

AHB telah menetapkan objektif-objektif untuk mengurus risiko ke atas instrumen-instrumen kewangan. Rangkakerja pengurusan risiko dan polisi-polisi AHB adalah berpandukan kepada objektif-objektif khas untuk memastikan polisi-polisi pengurusan risiko adalah komprehensif dan mencukupi untuk mengurangkan pendedahan risiko-risiko utama dalam operasi. Penentuan objektif pengurusan risiko kewangan secara menyeluruh adalah konsisten dan sejajar dengan strategi untuk mewujudkan dan meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham dengan rangkakerja pengurusan risiko yang kukuh dan berhemat.

Dalam mencapai objektif untuk mendapat pulangan maksimum bagi pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah AHB bertanggungjawab untuk mengenal pasti elemen-elemen risiko dalam operasinya. Dengan pelbagai risiko yang dihadapi, terutamanya dalam operasi perbankan, penekanan diberikan kepada pentingnya pengurusan risiko yang mempunyai mekanisma yang jelas, komprehensif dengan strategi-strategi bagi mengenal pasti, mengawasi, mengurus dan mengawal faktor-faktor risiko yang relevan.

**(i) Risiko pasaran**

Risiko pasaran ialah risiko kerugian kepada kedudukan portfolio AHB yang timbul daripada pergerakan harga pasaran. Objektif pengurusan risiko pasaran AHB adalah memastikan risiko pasaran ini dikenal pasti, diukur, dikawal, diurus dan dilaporkan dengan sewajarnya.

Pendedahan AHB kepada risiko pasaran berpunca terutama daripada risiko kadar faedah dan risiko kadar pertukaran matawang. Risiko kadar faedah timbul daripada perbezaan masa antara tempoh matang atau penilaian semula aset, liabiliti dan derivatif. AHB juga terdedah kepada risiko asas di mana terdapat ketidaksepadanan antara perubahan harga lindung nilai dan perubahan harga aset yang dilindungi nilai. Risiko kadar pertukaran asing timbul bila kedudukan milikan dan kehendak pelanggan tidak dilindungi nilai.

**(ii) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah potensi kerugian kewangan akibat daripada kesilapan pelanggan atau pihak lain untuk menyelesaikan obligasi kewangan dan berkontrak AHB. Pendedahan kepada risiko kredit untuk AHB timbul daripada aktiviti pinjaman daripada subsidiari perbankan. Risiko kredit timbul daripada pinjaman korporat dan pinjaman pengguna, pendahuluan dan pembiayaan dan komitmen pinjaman timbul daripada aktiviti-aktiviti pinjaman, tetapi juga timbul daripada pemberian peningkatan kredit, seperti jaminan pinjaman, surat jaminan kredit dan penerimaan jurubank. AHB juga terdedah kepada risiko kredit lain yang timbul daripada pelaburan dalam sekuriti-sekuriti hutang dan pendedahan dagangan, termasuk portfolio aset dagangan bukan ekuiti, derivatif dan baki penyelesaian dengan pihak berkaitan dipasaran.

Pengurusan risiko kredit adalah dibawah polisi kredit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kelulusan pihak-pihak berkaitan adalah diberikan kepada Pengurusan Atasan dan Lembaga Ahli Pengurusan Pinjaman Kumpulan untuk melaksanakan polisi kredit dan memastikan piawaian pemberian kredit yang kukuh.

Pengurusan Risiko Kumpulan ('GRM') berfungsi dengan aliran laporan langsung kepada Lembaga Ahli Pengurusan Risiko ('BRMC') diadakan untuk memastikan aliran pematuhan piawaian risiko dan disiplin. Laporan Pengurusan Portfolio risiko adalah dihantar kerap kepada BRMC.

Garis Panduan pinjaman dan strategi kredit adalah diformulakan dan dimasukkan dalam Perancangan Kredit Tahunan. Perniagaan-perniagaan baru tertakluk dengan kriteria penerimaan risiko dan kriteria kelayakan pelanggan/piawaian-piawaian kukuh dinyatakan dalam Perancangan Kredit. Perancangan Kredit dikaji sekurang-kurangnya setahun sekali dan diluluskan oleh BRMC.

**(iii) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko kerugian akibat daripada gagal mendapatkan dana pada harga kos yang munasabah untuk menjana operasi-operasi AHB dan menanggung liabiliti apabila matang. Risiko kecairan timbul daripada aktiviti pendanaan AHB dan pengurusan aset-aset.

**42. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

**Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)**

**(h) Affin Holdings Berhad (AHB) (sambungan)**

**(iii) Risiko kecairan (sambungan)**

Untuk mengukur dan mengurus keperluan dana bersih, AHB menerimapakai Rangka Kerja Mudah Tunai Baru ('NLF') oleh BNM. NLF menyatakan bahawa syarat kecairan adalah berdasarkan kontrak dan perilaku aliran tunai aset, liabiliti dan komitmen luar jangkaan, dengan mengambilkira pertimbangan nilai tunai boleh direalisasikan oleh aset layak untuk dicairkan.

AHB menggunakan penunjuk risiko kecairan sebagai langkah berjaga-jaga utama terhadap sebarang perubahan struktur pengurusan risiko kecairan. Risiko ini diukur secara bulanan menggunakan penunjuk kualitatif dan kuantitatif dalaman dan luaran. AHB juga menjalankan ujian tekanan kecairan untuk menilai jika AHB menghadapi masalah dalam krisis untuk mendapatkan dana. Tambahan pula, AHB telah menetapkan Pelan Pendanaan Luarjangkaan untuk menghadapi krisis kecairan dan situasi kecemasan.

BRMC adalah dipertanggungjawabkan untuk menjaga polisi kecairan AHB walaupun pengurusan strategik kecairan telah didelegasikan kepada Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO). Walaubagaimanapun, BRMC dimaklumkan setiap masa mengenai situasi kecairan AHB.

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan AHB berdasarkan aliran tunai tidak terdiskaun berkontrak adalah seperti di jadual berikut :

<b>AHB</b>	<b>Amaun dibawa RM'000</b>	<b>Kurang dari 1 tahun RM'000</b>
<b>2012</b>		
<b>Pemiutang</b>	<b>992,203</b>	<b>992,203</b>
<b>2011</b>		
<b>Pemiutang</b>	<b>972,815</b>	<b>972,815</b>

**(iv) Risiko operasi**

Instrumen kewangan terdiri daripada aset-aset kewangan, liabiliti-liabiliti kewangan dan instrumen kewangan luar penyata kedudukan kewangan. Nilai saksama instrumen kewangan adalah amaun di mana amaun instrumen itu boleh ditukar atau diselesaikan di antara pihak yang berpengetahuan dan mahu berurusanniaga mengikut urusanniaga biasa. Maklumat yang dibentangkan mewakili anggaran nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Harga pasaran yang disebut harga, apabila boleh didapati, digunakan sebagai pengukur nilai saksama. Untuk instrumen kewangan tanpa harga pasaran yang disebut harga, nilai saksama adalah dianggarkan menggunakan nilai semasa bersih ataupun teknik penilaian lain. Teknik-teknik ini melibatkan darjah ketidakpastian bergantung kepada andaian-andaian dan penilaian-penilaian yang digunakan merujuk kepada ciri-ciri risiko instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa hadapan, kerugian dijangka masa hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan-perubahan dalam andaian akan memberi kesan yang ketara terhadap anggaran-anggaran dan nilai saksama yang dihasilkan.

Maklumat nilai saksama bagi aset dan liabiliti bukan kewangan tidak dimasukkan memandangkan maklumat tersebut tidak termasuk dalam skop FRS 132 yang mana memerlukan nilai saksama dibentangkan. Ini termasuk harta tanah dan peralatan, deposit berkanun di Bank Negara Malaysia, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, lain-lain aset, cukai diperolehi semula, cukai tertunda dan aset-aset tidak ketara.

**(v) Risiko kadar faedah**

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti AHB dikategorikan berdasarkan kontrak penilaian harga semula atau tempoh kematangan, yang mana lebih awal. Jurang di luar penyata kedudukan kewangan menunjukkan komitmen dan luar jangkaan yang sensitif terhadap kadar faedah.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**42. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(h) **Affin Holdings Berhad (AHB) (sambungan)**(v) **Risiko kadar faedah (sambungan)**

AHB	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000
<b>2012</b>			
Deposit	1,999,836	1,510,564	489,272
Wang tunai dan Baki Bank	7,359,658	7,359,658	-
<b>2011</b>			
Deposit	1,689,599	1,498,313	191,286
Wang tunai dan Baki Bank	9,685,542	9,685,542	-

**43. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN**

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen kewangan luar Penyata Kedudukan Kewangan. Nilai saksama ialah amaun yang aset kewangan boleh tukar atau liabiliti kewangan boleh selesaikan antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersetuju dalam urusan niaga tulus. Maklumat yang dibentangkan di dalam ini merupakan anggaran terbaik nilai saksama pada tarikh pelaporan.

Harga pasaran yang dapat dilihat dan disebut harga adalah digunakan sebagai pengukur nilai saksama. Jika harga-pasaran yang dapat dilihat dan disebut harga tidak tersedia, nilai saksama ditentukan menggunakan teknik penilaian, yang termasuk penggunaan model matematik, perbandingan dengan instrumen yang sama yang mana harga dapat dilihat pasaran wujud dan teknik penilaian lain. Dalam menentukan nilai saksama, andaian dibuat mengenai ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam andaian tersebut boleh memberi kesan yang besar ke atas anggaran ini dan nilai saksama yang dihasilkan.

Maklumat nilai saksama bagi aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan tidak dimasukkan memandangkan maklumat tersebut tidak termasuk dalam skop FRS 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan. Ini termasuk pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu, pelaburan harta tanah dan harta tanah, loji dan peralatan.

Anggaran nilai saksama instrumen kewangan adalah menghampiri amaun dibawa masing-masing seperti ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan kecuali daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan berikut :

Kumpulan	Nota	2012		2011	
		Amaun Dibawa RM'000	Nilai Saksama RM'000	Amaun Dibawa RM'000	Nilai Saksama RM'000
<b>Aset Kewangan</b>					
<b>Sekuriti Dipegang Hingga Matang</b>	14				
Sekuriti hutang swasta dan Stok pinjaman tidak bercagar boleh ditukar boleh ditebus		548,324	538,370	650,923	847,294
<b>Pinjaman dan Akaun Belum Terima</b>	16				
Semasa					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan		34,118,382	33,863,596	30,346,370	30,769,909
<b>Liabiliti Kewangan</b>					
<b>Pinjaman</b>	29				
Bukan Semasa					
Pinjaman bertempoh		972,343	972,227	669,645	669,527
<b>Pinjaman Semasa</b>	29				
Deposit dari pelanggan		46,247,404	42,870,695	38,621,685	38,541,103
<b>Pemiutang</b>	30				
Semasa					
Obligasi rekursa atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad		413,549	426,331	428,459	450,380

**43. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN (sambungan)**

**Pengukuran Nilai Saksama**

Jadual di bawah menunjukkan pergerakan nilai bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada nilai saksama dan dikelaskan mengikut tahap hierarki seperti berikut :

- a) Tahap 1 - harga pasaran disebut harga: harga-harga disebut harga (belum diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk instrumen yang serupa.
- b) Tahap 2 - teknik penilaian berdasarkan input dapat dilihat: input selain daripada harga-harga disebut harga termasuk dalam Tahap 1 yang dapat dilihat untuk instrumen, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga) adalah digunakan; dan
- c) Tahap 3 - teknik penilaian input penting yang tidak dapat dilihat : input yang digunakan adalah tidak berdasarkan data pasaran dapat dilihat dan input yang tidak dapat dilihat mempunyai kesan yang besar ke atas penilaian instrumen.

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>				
<b>Kumpulan</b>				
<b>Aset</b>				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	2,619,471	9,266,912	120,604	12,006,987
Sekuriti sedia untuk dijual				
- tidak disebut harga	-	-	342,832	342,832
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	195,321	165,592	-	360,913
Aset derivatif	-	66,169	-	66,169
	<b>2,814,792</b>	<b>9,498,673</b>	<b>463,436</b>	<b>12,776,901</b>
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti derivatif	-	59,953	-	59,953
<b>LTAT</b>				
<b>Aset</b>				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	1,775,243	-	-	1,775,243
Sekuriti sedia untuk dijual				
- tidak disebut harga	-	-	342,832	342,832
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	208,393	-	-	208,393
	<b>1,983,636</b>	<b>-</b>	<b>342,832</b>	<b>2,326,468</b>
<b>2011</b>				
<b>Kumpulan</b>				
<b>Aset</b>				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	2,378,370	8,980,703	120,916	11,479,989
Sekuriti sedia untuk dijual				
- tidak disebut harga	-	-	311,058	311,058
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	190,432	149,831	-	340,263
Aset derivatif	-	48,140	-	48,140
	<b>2,568,802</b>	<b>9,178,674</b>	<b>431,974</b>	<b>12,179,450</b>
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti derivatif	-	98,051	-	98,051

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**43. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN (sambungan)****Pengukuran Nilai Saksama (sambungan)**

	<b>Tahap 1</b> <b>RM'000</b>	<b>Tahap 2</b> <b>RM'000</b>	<b>Tahap 3</b> <b>RM'000</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM'000</b>
LTAT				
Aset				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	1,630,280	-	-	1,630,280
Sekuriti sedia untuk dijual				
- tidak disebut harga	-	-	311,058	311,058
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	190,432	-	-	190,432
	<b>1,820,712</b>	<b>-</b>	<b>311,058</b>	<b>2,131,770</b>

**44. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI**

Kumpulan sebagai Pemajak

Pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut :

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tidak melebihi 1 tahun	<b>140,907</b>	146,643
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	<b>323,124</b>	107,314
Melebihi 5 tahun	<b>141,585</b>	21,717
	<b>605,616</b>	275,674

Kumpulan sebagai Pemberi Pajak

Kumpulan telah memeterai pajakan harta tanah komersial bagi pelaburan harta tanah. Pajakan tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga enam tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewa apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut :

	<b>Kumpulan</b>		<b>LTAT</b>	
	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tidak melebihi 1 tahun	<b>121,774</b>	105,369	<b>25,261</b>	30,042
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	<b>146,066</b>	151,364	<b>67,074</b>	82,849
Melebihi 5 tahun	<b>2,371</b>	9,486	<b>2,371</b>	9,486
	<b>270,211</b>	266,219	<b>94,706</b>	122,377

**45. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN**

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut :

	Kumpulan/LTAT	
	2012	2011
	RM'000	RM'000
<b>a) Urus niaga dengan Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan</b>		
i) Pendapatan		
- Keuntungan bersih penjualan pembangunan harta tanah	7,698	-
- Faedah dari deposit tetap dan deposit-deposit lain	14,738	14,934
- Keuntungan dari Perbankan Islam	6	7
- Faedah dari pendahuluan kepada Perbadanan	1,108	36
- Faedah dari Nota Jangka Pertengahan	19,022	12,837
- Sewaan	580	892
- Dividen diterima (kasar)	383,665	356,827
- Keuntungan penjualan saham	20,559	8,411
	<b>447,376</b>	<b>393,944</b>
ii) Perbelanjaan		
- Yuran pengurusan ke atas penyelenggaraan bangunan	2,937	2,653
- Yuran pengurusan ke atas pengurusan portfolio	118	113
- Komisen atas jualan Taman LTAT Bukit Jalil	-	13
	<b>3,055</b>	<b>2,779</b>
<b>b) Urus niaga dengan Kerajaan Malaysia</b>		
<b>i) Kuarters Kerajaan Yang Baru di Plot C, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur</b>		
LTAT dengan rasminya telah menandatangani Surat Niat (LOI) pada 4 Disember 2012 untuk pembinaan Kuarters Kerajaan yang baru di Plot C2, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur pada harga jangkaan berjumlah RM220 juta.		
<b>ii) Tanah di Lot 11972 GRN 49282, Mukim Ampang, Kuala Lumpur</b>		
Pada 7 Januari 2011, LTAT telah pun membayar deposit 2% berjumlah RM7.877 juta. Perjanjian Jual Beli di antara LTAT dan pihak Kerajaan Malaysia sedang dimuktamadkan dan dijadualkan akan ditandatangani pada awal 2013.		
<b>iii) Perpindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur (1MDB-PUKL)</b>		
Panel Pelaburan 3/2011 di dalam mesyuaratnya pada 12 Ogos 2011 meluluskan cadangan LTAT untuk menyertai di dalam projek pemindahan Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur dari Sungai Besi ke lokasi-lokasi yang akan ditetapkan oleh pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Panel juga bersetuju melantik Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) sebagai kontraktor untuk projek berkenaan. LTAT telah menandatangani Surat Niat dengan pihak 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai pemaju pada 15 November 2011. Perjanjian 'Tripartite' di antara 1MDB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia dijangka akan ditandatangani pada awal 2013.		

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 46. PENDEDAHAN KEUNTUNGAN DIREALISASI DAN BELUM DIREALISASI

Pecahan keuntungan terkumpul pada tarikh pelaporan Kumpulan dan LTAT kepada keuntungan direalisasi dan belum direalisasi adalah seperti berikut :

	Kumpulan		LTAT	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Jumlah keuntungan terkumpul LTAT, Perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiari				
- direalisasi	4,147,576	3,888,838	410,652	453,210
- belum direalisasi	505,802	450,884	77,824	61,348
	4,653,378	4,339,722	488,476	514,558
Jumlah bahagian keuntungan terkumpul syarikat-syarikat bersekutu				
- direalisasi	776,421	695,644	-	-
- belum direalisasi	54,096	10,242	-	-
Jumlah bahagian kerugian terkumpul pelaburan dalam entiti kawalan bersama				
- direalisasi	(20,511)	(22,564)	-	-
	5,463,384	5,023,044	488,476	514,558
Pelarasan penyatuan	(2,997,607)	(2,624,997)	-	-
	2,465,777	2,398,047	488,476	514,558

### 47. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN

- (a) **Penerimaan Pakai Konsensus Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan ("FRSIC") 18 "Wang yang Dipegang dalam Amanah oleh Organisasi-organisasi Peserta Bursa Malaysia Securities Berhad".**

Konsensus Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan ("FRSIC") 18 "Wang yang Dipegang dalam Amanah oleh Organisasi-organisasi Peserta Bursa Malaysia Securities Berhad" menerangkan bahawa wang amanah pelanggan dengan liabiliti-liabiliti berkenaan sepatutnya tidak diiktirafkan sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan. Konsensus FRSIC 18 telah diaplikasikan untuk kali pertama dalam tahun semasa. Konsensus FRSIC 18 memerlukan aplikasi secara retrospektif.

Dalam usaha untuk mematuhi Konsensus FRSIC 18, Kumpulan telah menukarkan dasar perakaunan dalam pengiktirafan wang amanah pelanggan. Dahulu, wang amanah pelanggan diiktirafkan dan disifatkan dalam cara yang sama seperti tunai dan dana jangka pendek, sementara liabiliti-liabiliti berkenaan diiktirafkan dan disifatkan dalam cara yang sama seperti liabiliti-liabiliti lain. Bawah Konsensus FRSIC 18, wang amanah pelanggan dan liabiliti-liabiliti berkenaan tidak diiktirafkan.

Oleh sebab itu, tunai dan dana jangka pendek dan liabiliti-liabiliti lain telah dinyatakan semula masing-masing pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011. Pada 31 Disember 2012, wang amanah pelanggan dengan liabiliti-liabiliti berkenaan tidak diiktirafkan dalam penyata kedudukan kewangan.

- (b) **Pindaan FRS 112 - Cukai tertunda - Pemungutan aset-aset pendasar**

Di bawah Pindaan FRS 112, terdapat anggapan yang boleh disangkal bahawa cukai tertunda ke atas pelaburan harta tanah diukur menggunakan model nilai saksama dalam FRS 140 hendaklah ditentukan atas asas bahawa amaun dibawa akan dipungut semula melalui jualan. Sebelum ini, Kumpulan telah mengukur elemen cukai tertunda ke atas pelaburan harta tanah atas asas bahawa aset pendasar dipungut semula melalui penggunaan. Perubahan dalam anggapan yang boleh disangkal yang timbul daripada penerimaan pakai pindaan FRS 112 telah diselaraskan.

**47. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)**

**(b) Pindaan FRS 112 - Cukai tertunda - Pemungutan aset-aset pendasar (sambungan)**

Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan tersebut memberi kesan terhadap penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2011 seperti berikut :

Kumpulan	Seperti dinyatakan sebelumnya RM'000	Kesan Penerimaan Pakai FRSIC		Seperti dinyatakan semula RM'000
		Konsensus 18 RM'000	FRS 112 RM'000	
<b>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2011</b>				
<b>Aset</b>				
Wang tunai dan baki bank	9,806,578	(54,766)	-	9,751,812
<b>Ekuiti</b>				
Keuntungan terkumpul	2,384,963	-	13,084	2,398,047
Keperluan bukan Mengawal	3,671,926	-	5,606	3,677,532
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti Cukai Tertunda	151,301	-	(18,690)	132,611
Pemiutang	3,271,366	(54,766)	-	3,216,600

Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan tersebut memberi kesan terhadap penyata kedudukan kewangan Kumpulan pada 1 Januari 2011 seperti berikut :

Kumpulan	Seperti dinyatakan sebelumnya RM'000	Kesan Penerimaan Pakai FRSIC		Seperti dinyatakan semula RM'000
		Konsensus 18 RM'000	FRS 112 RM'000	
<b>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 1 Januari 2011</b>				
<b>Aset</b>				
Wang tunai dan baki bank	8,713,307	(41,338)	-	8,671,969
<b>Ekuiti</b>				
Keuntungan terkumpul	2,217,384	-	10,914	2,228,298
Keperluan bukan Mengawal	3,311,729	-	4,676	3,316,405
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti Cukai Tertunda	178,445	-	(15,590)	162,855
Pemiutang	2,558,815	(41,338)	-	2,517,477

Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan tersebut memberi kesan terhadap penyata pendapatan komprehensif Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 seperti berikut:

Kumpulan	Seperti yang dinyatakan sebelumnya RM'000	Kesan penerimaan pakai FRS 112 RM'000	Seperti yang dinyatakan semula RM'000
<b>Cukai dan Zakat</b>			
- Cukai	307,611	(3,100)	304,511

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**48. ANGKA PERBANDINGAN**

Persembahan dan klasifikasi item-item tertentu di dalam penyata kewangan ini telah diubah suai. Angka-angka perbandingan bagi item-item tersebut telah dikelaskan semula sejajar dengan tahun semasa.

Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan LTAT pada 31 Disember 2011 telah dinyatakan semula seperti berikut :

	Seperti yang dinyatakan sebelumnya RM'000	Pelarasan tahun lalu RM'000	Seperti yang dinyatakan semula RM'000
<b>Kumpulan</b>			
<b>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2011</b>			
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Sekuriti sedia untuk dijual	11,786,199	4,848	11,791,047
<b>Ekuiti</b>			
Rizab-rizab	1,034,580	4,848	1,039,428
<b>LTAT</b>			
<b>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2011</b>			
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Syarikat-syarikat subsidiari	2,957,650	32,676	2,990,326
Sekuriti sedia untuk dijual	1,936,490	4,848	1,941,338
<b>Aset Semasa</b>			
Sekuriti dipegang untuk urusan niaga	287,287	(96,855)	190,432
<b>Ekuiti</b>			
Rizab-rizab	65,594	4,848	70,442
Keuntungan terkumpul	578,737	(64,179)	514,558

# 40 Tahun

1972-2012  
Laporan Tahunan 2012



## LEMBAGA TABUNG ANGGARAN TENTERA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### KANDUNGAN

Penyata Kedudukan Kewangan	120
Penyata Pendapatan Komprehensif	121
Penyata Perubahan Ekuiti	122
Penyata Aliran Tunai	123
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	124

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
 Pada 31 Disember 2012

	Nota	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>ASET</b>				
<b>Aset Bukan Semasa</b>				
Harta tanah, loji dan peralatan	3	94,697	91,421	85,187
Pembangunan harta tanah	4	126,695	126,364	126,033
Pelaburan harta tanah	5	400,002	377,972	363,902
Syarikat-syarikat subsidiari	6	3,030,507	2,990,326	2,794,590
Syarikat-syarikat bersekutu	7	291,538	291,588	277,641
Sekuriti sedia untuk dijual	8	2,118,075	1,941,338	1,821,393
Pinjaman dan akaun belum terima	9	271,000	571,000	300,000
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>6,332,514</b>	6,390,009	5,768,746
<b>Aset Semasa</b>				
Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan Inventori	10	46,020	41,898	40,606
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	11	208,393	190,432	180,374
Pinjaman dan akaun belum terima	9	882,706	426,999	400,627
Deposit	12	1,131,494	771,510	1,101,567
Wang tunai dan baki bank		22,633	96,002	81,684
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>2,291,246</b>	1,526,841	1,805,281
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>8,623,760</b>	7,916,850	7,574,027
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Ekuiti</b>				
Akaun caruman ahli	13	7,767,246	7,117,800	6,714,935
Kumpulan wang rizab	14	155,345	142,356	134,298
Rizab sekuriti sedia untuk dijual		(86,684)	(81,973)	52,517
Rizab penilaian semula aset		10,509	5,211	-
Rizab pertukaran matawang asing		4,020	4,848	-
Keuntungan terkumpul		488,476	514,558	477,079
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>8,338,912</b>	7,702,800	7,378,829
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>				
Peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan	15	10,091	7,880	4,283
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>10,091</b>	7,880	4,283
<b>Liabiliti Semasa</b>				
Peruntukan faedah unit amanah	16	196,912	157,725	126,546
Pemiutang	17	77,845	48,445	64,369
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>274,757</b>	206,170	190,915
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>284,848</b>	214,050	195,198
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>8,623,760</b>	7,916,850	7,574,027

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan	18	793,976	791,929
Pendapatan-pendapatan lain	19	10,638	12,614
Keuntungan/(Kerugian) nilai saksama bersih sekuriti dipegang untuk urus niaga	20	6,982	(8,729)
<b>Jumlah pendapatan bagi tahun</b>		<b>811,596</b>	795,814
Perbelanjaan kakitangan	21	(32,832)	(32,730)
Perbelanjaan pengurusan	22	(20,035)	(17,810)
Susut nilai		(5,096)	(4,449)
<b>Untung sebelum cukai dan zakat</b>		<b>753,633</b>	740,825
Cukai dan zakat	23	(2,400)	(8,210)
<b>Untung bersih bagi tahun</b>		<b>751,233</b>	732,615
<b>Pendapatan komprehensif lain</b>			
Kerugian bersih ke atas sekuriti sedia untuk dijual			
Keuntungan/(Kerugian) ke atas perubahan nilai saksama		39,204	(30,131)
Pindah ke untung atau rugi atas jualan		(43,915)	(104,359)
		(4,711)	(134,490)
Penilaian semula tanah dan bangunan		5,298	5,211
Pertukaran matawang asing		(828)	4,848
		(241)	(124,431)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>		<b>750,992</b>	608,184

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Akaun Caruman Ahli	Kumpulan Wang Rizab	Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual	Rizab Penilaian Semula Aset	Rizab Pertukaran Matawang Asing	Keuntungan Terkumpul	Jumlah
Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>2012</b>							
Baki pada 1 Januari	7,117,800	142,356	(81,973)	5,211	4,848	514,558	7,702,800
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	(4,711)	5,298	(828)	751,233	750,992
Pengasingan ke Akaun Dormant	(2,211)	-	-	-	-	-	(2,211)
Pindah dari keuntungan terkumpul	-	12,989	-	-	-	(12,989)	-
Pelarasan caruman	24 355	-	-	-	-	(39)	316
Caruman diterima pada tahun	705,349	-	-	-	-	-	705,349
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran	497,153	-	-	-	-	(497,153)	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun	65,223	-	-	-	-	(65,223)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(600,714)	-	-	-	-	-	(600,714)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(15,709)	-	-	-	-	-	(15,709)
Faedah unit amanah pada kadar 8% pada tahun	-	-	-	-	-	(196,912)	(196,912)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	-	-	(4,999)	(4,999)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>7,767,246</b>	<b>155,345</b>	<b>(86,684)</b>	<b>10,509</b>	<b>4,020</b>	<b>488,476</b>	<b>8,338,912</b>
<b>2011</b>							
Baki pada 1 Januari	6,714,935	134,298	52,517	-	-	477,079	7,378,829
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	(134,490)	5,211	4,848	732,615	608,184
Pengasingan ke Akaun Dormant	(9,589)	-	-	-	-	-	(9,589)
Pindah dari keuntungan terkumpul	-	8,058	-	-	-	(8,058)	-
Pelarasan caruman	24 -	-	-	-	-	-	-
Caruman diterima pada tahun	618,824	-	-	-	-	-	618,824
Dividen pada kadar 7% pada tahun dan pada kadar 7% atas pengeluaran	462,612	-	-	-	-	(462,612)	-
Bonus pada kadar 1% pada tahun	60,056	-	-	-	-	(60,056)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(705,711)	-	-	-	-	-	(705,711)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(23,327)	-	-	-	-	-	(23,327)
Faedah unit amanah pada kadar 7% pada tahun	-	-	-	-	-	(157,725)	(157,725)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	-	-	(6,685)	(6,685)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>7,117,800</b>	<b>142,356</b>	<b>(81,973)</b>	<b>5,211</b>	<b>4,848</b>	<b>514,558</b>	<b>7,702,800</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

	Nota	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Operasi</b>			
Penerimaan tunai daripada geran		32,000	32,000
Penerimaan tunai daripada pendapatan-pendapatan lain		-	569
Penerimaan tunai daripada pelanggan		5,663	11,263
Penerimaan deposit sewaan dan jaminan		122	1,420
Penerimaan sewaan daripada syarikat-syarikat subsidiari		654	898
Penerimaan sewaan lain		271	167
Bayaran tunai kepada kakitangan		(30,295)	(28,730)
Bayaran tunai kepada pembekal		(18,761)	(19,659)
Penerimaan tunai/(bayaran) deposit pembangunan harta tanah		50,628	(8,786)
Pendahuluan kepada Perbadanan		-	(17,000)
Bayaran zakat		(1,154)	(2,042)
Tunai janaan dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi		39,128	(29,900)
Bayaran faedah unit amanah		(157,724)	(126,546)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		(4,450)	(6,479)
Bayaran geran kepada PERHEBAT		(32,000)	(32,000)
Bayaran manfaat perubatan selepas persaraan		(184)	(144)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi		(155,230)	(195,069)
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pelaburan</b>			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(559)	(4,575)
Penerimaan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan		-	60
Pembangunan harta tanah		(531,844)	(331)
Pelaburan harta tanah		(11,413)	(1,812)
Pembelian saham syarikat-syarikat subsidiari		(27,000)	-
Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat subsidiari		(87,487)	(137,786)
Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat bersekutu		-	(3,600)
Pembelian sekuriti sedia untuk dijual		(1,712,409)	(1,761,148)
Pemulangan modal sekuriti sedia untuk dijual		509	-
Pembelian saham keutamaan boleh tebus terkumpul		(44,232)	-
Penebusan saham keutamaan boleh tebus terkumpul syarikat-syarikat subsidiari		10,109	3,206
Pemulangan modal daripada pelaburan di luar Malaysia		542	68
Pelaburan tambahan sekuriti dipegang untuk urus niaga		(87,991)	(255,148)
Pemulangan kecairan diterima daripada sekuriti dipegang untuk urus niaga		112,664	153,143
Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan		(1,452)	(1,292)
Pemulangan modal bon (Sukuk Al-Musyarakah)		300,000	-
Penerimaan faedah		72,544	72,315
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari		421,303	229,024
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		21,763	53,859
Dividen diterima daripada sekuriti sedia untuk dijual		59,442	66,520
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul syarikat-syarikat subsidiari		1,200	2,989
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul syarikat-syarikat bersekutu		-	1,195
Dividen diterima daripada saham keutamaan tidak boleh tebus terkumpul		997	750
Penjualan sebahagian syarikat-syarikat subsidiari		137,795	19,373
Penjualan sekuriti sedia untuk dijual		1,653,411	1,410,404
Keuntungan daripada pelaburan di luar Malaysia		-	145
Pendapatan lain daripada syarikat-syarikat bersekutu		275	268
Pendapatan lain daripada sekuriti sedia untuk dijual		171	-
Penerimaan sewaan daripada pelaburan harta tanah		29,381	23,280
Bayaran balik kredit cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri		39,036	122,854
Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti pelaburan		356,755	(6,239)
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan</b>			
Penerimaan caruman ahli		705,772	619,061
Pengeluaran caruman ahli		(620,682)	(733,492)
Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti pembiayaan		85,090	(114,431)
<b>Penambahan/(pengurangan) dari bersih tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>286,615</b>	<b>(315,739)</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari</b>		<b>867,512</b>	<b>1,183,251</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	25	<b>1,154,127</b>	<b>867,512</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman anggota-anggota Angkatan Tentera Lain-Lain Pangkat yang mencarum secara wajib dan Pegawai Angkatan Tentera dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pembangunan harta tanah (nota 4), pelaburan harta tanah (nota 5), syarikat-syarikat subsidiari (nota 6), syarikat-syarikat bersekutu (nota 7), sekuriti sedia untuk dijual (nota 8), pinjaman dan akaun belum terima (nota 9), pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan (nota 10), sekuriti dipegang untuk urus niaga (nota 11) dan deposit (nota 12).

LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan atau yang telah bersara.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN****2.1 Asas penyediaan****(a) Pernyataan pematuhan**

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengumumkan rangka kerja perakaunan baru yang diluluskan iaitu Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

Rangka kerja MFRS ini diterima pakai bagi entiti selain daripada entiti swasta bagi tahun kewangan mulai pada atau selepas 1 Januari 2012 dengan pengecualian kepada entiti-entiti yang berada di bawah skop *MFRS 141 : Agriculture (MFRS 141)* dan *IC Interpretation 15 : Agreements for Construction of Real Estate (IC 15)* termasuk syarikat induk, pelabur signifikan dan pengusaha niaga (dikenali sebagai *transitioning entities*) untuk menerima pakai rangka kerja MFRS mulai 1 Januari 2013.

Pada 30 Jun 2012, MASB telah mengumumkan untuk membenarkan entiti dalam skop *Agriculture* dan *Real Estate (transitioning entities)* menanggung penerimaan pakai rangka kerja MFRS kepada tahun berikutnya. Dengan ini, rangka kerja MFRS menjadi mandatori kepada semua entiti bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.

LTAT yang berada di bawah skop *transitioning entities* memilih untuk menerima pakai rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan mulai pada 1 Januari 2014 dan dikehendaki menerima pakai rangka kerja MFRS di dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan 31 Disember 2013, LTAT akan menyediakan penyata kewangan dengan mengguna pakai rangka kerja FRS.

Dalam pembentangan penyata kewangan MFRS, LTAT dikehendaki menyatakan semula penyata kewangan perbandingan bagi menunjukkan kesan menerima pakai rangka kerja MFRS.

Pelarasan semasa peralihan sekiranya perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki mula keuntungan terkumpul.

Kaedah perkiraan dan dasar perakaunan yang diterima pakai oleh LTAT dalam penyata kewangan ini adalah tekal dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 kecuali penerimaan pakai Piawai Pelaporan Kewangan (FRS) pindaan yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan mulai 1 Januari 2012 seperti berikut:

1. Pindaan FRS 7 : Pendedahan - Pindahan Aset Kewangan
2. Pindaan FRS 112 : Cukai Tertunda - Pemungutan Aset-aset Pendasar
3. Pindaan FRS 124 : Pendedahan Pihak Berkaitan

Penerimaan pakai pindaan FRS tidak memberi impak ke atas kedudukan kewangan dan persembahan penyata kewangan.

**(b) Asas pengukuran**

Penyata Kewangan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan di bawah.

**(c) Mata wang asing****(i) Mata wang fungsian dan pembentangan**

Penyata Kewangan LTAT dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

**(ii) Urus niaga mata wang asing**

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke dalam mata wang fungsian dengan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga dijalankan.

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.1 Asas penyediaan (sambungan)

#### (d) Penggunaan pertimbangan dan anggaran

Bagi mematuhi FRS, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada dasar-dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan andaian ini disemak semula atas dasar berterusan. Semakan semula terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh anggaran tersebut disemak semula dan dalam tempoh masa depan yang berkenaan.

Tiada pertimbangan kritikal dan ketidakketentuan ketara dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan yang memberi kesan ke atas pengiktirafan amaun-amaun di penyata kewangan kecuali yang dilaporkan dalam nota-nota seperti berikut:

Nota 3	:	Harta tanah, loji dan peralatan
Nota 5	:	Pelaburan harta tanah
Nota 8	:	Sekuriti sedia untuk dijual
Nota 10	:	Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan
Nota 11	:	Sekuriti dipegang untuk urus niaga

### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan

#### (a) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari ialah syarikat-syarikat di mana LTAT mempunyai kuasa untuk mengawal secara langsung dan tidak langsung dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperolehi faedah daripada kegiatan-kegiatannya. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak untuk mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ubah akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada LTAT mempunyai kuasa ke atas entiti lain.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian kerosakan.

#### (b) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang bukan subsidiari, di mana LTAT mempunyai kepentingan jangka panjang di antara 20% sehingga 50% dan mempunyai pengaruh yang berkesan di dalam penentuan dasar kewangan dan kegiatan syarikat tersebut.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian kerosakan.

#### (c) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan adalah dikategori dan diukur dengan menggunakan dasar perakaunan seperti berikut:

##### (i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Instrumen kewangan adalah diiktirafkan pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan apabila sahaja LTAT menjadi parti kepada peruntukan kontrak aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaan diiktirafkan pada nilai saksama campur kos transaksi kecuali aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi, yang diiktirafkan pada nilai saksama.

Pembelian dan penjualan pelaburan adalah diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh urus niaga, tarikh LTAT membeli atau menjual aset tersebut.

##### (ii) Kategori dan pengukuran

Instrumen kewangan LTAT adalah dikategori dan diukur seperti berikut :

##### Aset kewangan

###### (1) Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan pada pengiktirafan awal.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)

##### (c) Instrumen kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori dan pengukuran (sambungan)

##### (1) Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi (sambungan)

Keuntungan atau kerugian direalisasikan dan yang belum direalisasikan yang timbul daripada penjualan atau perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersebut adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh perubahan tertimbul.

Aset kewangan lain yang dikelaskan di bawah kategori ini adalah diukur pada nilai saksama dengan untung atau rugi yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (2) Pinjaman dan akaun belum terima

Pinjaman dan akaun belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini termasuk tunai dan baki-baki dengan bank-bank, pinjaman dan pendahuluan.

Pendapatan faedah atas pinjaman dan akaun belum terima diiktiraf dalam "pendapatan faedah" dalam penyata pendapatan komprehensif.

Pengiktirafan cara biasa pinjaman dan pendahuluan dicatatkan pada tarikh penyelesaian apabila semua keadaan di bawah kontrak pinjaman telah dipenuhi.

##### (3) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual dan tidak dikelaskan di dalam mana-mana dua kategori sebelum ini.

Pelaburan tidak disebut harga di mana nilai saksama tidak dapat diukur dengan pasti adalah dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosakan.

Aset kewangan di bawah kategori sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama dan untung atau rugi daripada perubahan nilai saksama adalah diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif lain.

Semua aset kewangan kecuali sekuriti dipegang untuk urus niaga adalah tertakluk kepada penilaian kerugian kerosakan.

##### Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan adalah diukur pada kos kecuali liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi adalah diukur berikutnya pada nilai saksama. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (iii) Nyah pengiktirafan

Aset kewangan adalah dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima dana daripada aset kewangan tersebut telah lupus atau aset kewangan tersebut telah dipindah kepada parti yang lain tanpa memegang kawalan atau risiko dan pampasan hak milik telah dipindah sejumlah yang signifikan. Apabila aset kewangan telah dinyahiktirafkan keseluruhannya, perbezaan di antara amaun dibawa dengan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktirafkan terus ke ekuiti akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (iv) Penentuan nilai saksama

Nilai saksama aset kewangan adalah berdasarkan harga penutup bagi saham disebut harga dalam pasaran aktif. Pelaburan tidak disebut harga di mana nilai saksama tidak dapat diukur dengan pasti adalah dinyatakan pada kos.

##### (v) Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam rangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran tersebut.

## 2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

### 2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)

#### (c) Instrumen kewangan (sambungan)

##### (v) Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan (sambungan)

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktirafkan atau dinyahiktirafkan, di mana yang sesuai, dengan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada :

- (a) Pengiktirafan aset belum diterima dan liabiliti belum dibayar pada tarikh niaga dan
- (b) Aset yang dijual, pengiktirafan untung atau rugi, pelupusan dan pengiktirafan penerima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

#### (d) Harta tanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua butiran harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti sewajarnya, hanya apabila kemungkinan manfaat-manfaat ekonomi masa depan berkaitan dengan butiran tersebut akan masuk ke dalam LTAT dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke penyata pendapatan komprehensif apabila ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah, loji dan peralatan selain daripada tanah milik bebas dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

Penilaian semula ke atas harta tanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan akan dibuat pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan bagi mengenal pasti sama ada terdapat kerugian kerosakan atau sebaliknya. Kerugian kerosakan atau defisit daripada penilaian semula diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai saksama aset selepas ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Sebarang lebih daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset kecuali, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada defisit penilaian bagi aset yang sama yang telah dicaj ke untung atau rugi sebelumnya.

Sebarang defisit daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam untung atau rugi, kecuali, sekiranya ia merupakan pembalikan kepada lebih penilaian bagi aset yang sama yang telah diambil kira di dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula aset sebelumnya.

Susut nilai terkumpul akan dihapuskan daripada nilai kasar dibawa dan dinyatakan pada nilai saksama. Lebih daripada penilaian semula sesuatu aset yang diambil kira di dalam rizab penilaian semula aset akan dipindahkan ke dalam keuntungan terkumpul sekiranya aset tersebut dilupus atau dijual.

Tanah milik bebas tidak mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan tidak disusut nilaikan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilaikan memandangkan aset tersebut belum tersedia untuk diguna. Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah sama rata untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut :

Bangunan	
- Milik Bebas	2%
- Pegangan pajak jangka panjang	2% - 20%
Loji dan peralatan lain	20%

Amaun dibawa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran sebelum ini dan jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam butiran harta tanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran harta tanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih jika ada, dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)****2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)****(d) Harta tanah, loji dan peralatan dan susut nilai (sambungan)**

Susut nilai pada tahun hanya dikira bagi harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli sebelum 1 Julai. Susut nilai bagi belian selepas 30 Jun akan disusut nilai pada tahun berikutnya. Harta tanah, loji dan peralatan bernilai kurang RM1,000 seunit dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

**(e) Pembangunan harta tanah**

Pembangunan harta tanah merupakan tanah di mana tiada aktiviti dilaksanakan. Pembangunan harta tanah dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

**(f) Pelaburan harta tanah**

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi modal tambah nilai atau kedua-duanya. Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan diambil kira sebagai diduduki oleh pemilik dan bukan pelaburan harta tanah.

LTAT telah menerima pakai kaedah nilai saksama dalam mengukur pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah diukur pada permulaannya pada kos, termasuk kos urus niaga. Lanjutan daripada pengiktirafan permulaan, semua pelaburan harta tanah diukur pada nilai saksama, dengan apa-apa perubahan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Apabila sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada pelaburan harta tanah berikutan perubahan dalam penggunaannya, apa-apa perbezaan dari tarikh pindahan antara amaun dibawa sesuatu harta tanah, loji dan peralatan berkenaan sejurus sebelum pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Sekiranya lebih nilai saksama menterbalikkan kerugian kerosakan yang diiktiraf sebelum ini, lebih tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Nilai saksama ini adalah berdasarkan nilai pasaran, iaitu jumlah anggaran yang harta tanah tersebut boleh ditukar pada tarikh penilaian antara pembeli yang sanggup membeli dan penjual yang sanggup menjual dalam urus niaga tulus. Nilai saksama pelaburan harta tanah ditentukan oleh penilai profesional bebas.

Harta tanah dinyahiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik penggunaannya selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Sebarang untung atau rugi ke atas penamatan atau pelupusan pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun ia berlaku.

Pelaburan harta tanah dalam binaan adalah diklasifikasikan sebagai pelaburan harta tanah. Jika nilai saksama pelaburan harta tanah dalam pembinaan tidak dapat ditentukan dengan tepat, pelaburan harta tanah adalah diukur pada kos sehingga nilai saksama dapat ditentukan atau pembinaan selesai, yang mana yang awal.

**(g) Pajakan****Pajakan Kewangan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Harta tanah sewa pajak jangka panjang merupakan pajakan kewangan dan diklasifikasikan dalam hartanah, loji dan peralatan.

**(h) Kerugian kerosakan****(i) Aset kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai sekuriti dipegang untuk urus niaga, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu) adalah dinilai pada setiap tarikh penglaporan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk objektif kerugian kerosakan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang ada impak ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut.

Kerugian yang dijangkakan akibat daripada peristiwa masa hadapan, walau bagaimana berlaku, adalah tidak diiktirafkan.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

**(h) Kerugian kerosakan (sambungan)**

**(i) Aset kewangan (sambungan)**

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan atau berlanjutan adalah petunjuk objektif kerugian kerosakan.

Kerugian kerosakan bagi pinjaman dan akaun belum terima adalah diiktirafkan dalam untung atau rugi dan diukur dengan mengambil kira perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dengan menggunakan akaun elaun.

Kerugian kerosakan aset kewangan sekuriti sedia untuk dijual adalah diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan aset tersebut dengan nilai saksama semasa aset tersebut tolak kerugian kerosakan yang diiktiraf terdahulu. Apabila penurunan nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif lain kerugian kumulatif dalam penyata pendapatan komprehensif lain akan direklasifikasikan dari ekuiti dan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian kerosakan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan yang sama.

Kerugian kerosakan yang diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak dipelaras semula melalui penyata pendapatan komprehensif.

**(ii) Aset bukan kewangan**

Amaun dibawa untuk aset-aset dikaji pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan disediakan bagi menentukan sama ada terdapatnya tanda-tanda kerugian kerosakan.

Jika terdapat tanda-tanda kerugian kerosakan, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada nilai diperolehi semula. Kerugian kerosakan akan terus diiktirafkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Pelaras semula kerugian kerosakan yang diiktiraf pada tahun-tahun terdahulu hanya direkod apabila terdapat tanda-tanda kerugian kerosakan aset-aset berkenaan tidak lagi wujud atau telah berkurang. Pelaras semula hanya diiktiraf setakat amaun dibawa bagi aset-aset berkenaan (ditolak susut nilai) yang telah kenal pasti tiada kerugian kerosakan telah diiktiraf. Semua pelaras semula kerugian kerosakan akan dikreditkan ke penyata pendapatan komprehensif.

**(i) Pembangunan Harta Tanah Dalam Perlaksanaan**

Pembangunan Harta Tanah dalam perlaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Hasil dan perbelanjaan daripada pembangunan harta tanah diiktiraf di penyata pendapatan komprehensif menggunakan kaedah peratusan siap, apabila keputusan kewangan terhadap aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan sempurna. Kadar peratusan siap dikira menggunakan peratusan pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan yang telah ditanggung di atas kerja yang telah dijalankan setakat tarikh berkaitan terhadap jumlah anggaran pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan.

Apabila keputusan kewangan tidak dapat dianggarkan menggunakan dasar yang munasabah, hasil diiktiraf hanya setakat di mana kos yang dijangka dapat diperolehi semula dan kos atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka di atas projek pembangunan, termasuk kos yang akan ditanggung di sepanjang tempoh kerosakan dibayar, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan serta merta.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)****2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)****(i) Pembangunan Harta Tanah Dalam Pelaksanaan (sambungan)**

Lebih atau kurang hasil yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif daripada bil kepada pembeli adalah dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang atau bil dalam pelaksanaan dalam pemiutang.

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset, di mana ianya diukur mengikut kos dan nilai bersih.

**(j) Pinjaman dan akaun belum terima**

Akaun belum terima adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak elaun hutang lapuk dan hutang ragu. Elaun khusus dibuat bagi hutang lapuk dan hutang ragu yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti sebagai hutang lapuk dan hutang ragu.

**(k) Tunai dan kesetaraan tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank yang mudah alih tunai dan tertakluk kepada jumlah risiko tidak ketara semasa perubahan nilai.

**(l) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos.

**(m) Manfaat pekerja****(i) Manfaat jangka pendek**

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Pelan caruman tetap**

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT apabila urusan niaga berlaku.

**(iii) Manfaat perubatan selepas persaraan**

LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan-kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan. Peruntukan ini diiktiraf secara akruan di dalam penyata pendapatan komprehensif tahun semasa sebagai perbelanjaan dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan.

Pengiraan amaun tanggungan manfaat perubatan selepas persaraan adalah berdasarkan penilaian tahunan aktuari (dijalankan setiap tiga tahun) dengan menganggarkan amaun manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah aktuari Unjuran Kredit Unit. Keuntungan dan kerugian aktuari dikira sebagai pendapatan atau perbelanjaan sepanjang jangkaan purata baki tahun bekerja yang tinggal untuk kakitangan yang menyertai skim ini, apabila keuntungan atau kerugian aktuari terkumpul yang tidak dikira melebihi 10% berbanding dengan nilai kini obligasi manfaat dan nilai saksama pelan aset yang mana lebih tinggi.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah :

- (a) Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 6% setahun; dan
- (b) Kadar diskaun ialah pada 7% setahun.

**2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)**

**2.2 Ringkasan dasar-dasar utama perakaunan (sambungan)**

**(m) Manfaat pekerja (sambungan)**

**(iii) Manfaat perubahan selepas persaraan (sambungan)**

Manakala pengiraan amaun tanggungan bagi bayaran 'award' gantian cuti rehat kepada kakitangan yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh penyata kedudukan kewangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

**(n) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan diiktiraf atas asas akruan.

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dapat dipastikan.

Pendapatan daripada kontrak dan pembangunan harta tanah diiktiraf melalui kaedah peratusan siap. Peruntukan penuh dibuat ke atas kerugian yang dijangkakan.

Pemberian (geran) tahunan yang diterima daripada Kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 23 dan Seksyen 3 (1A) (1994-Seksyen 3A), Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101), adalah diiktiraf atas asas tunai.

**(o) Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan pendapatan atau perbelanjaan**

Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan terlebih dan terkurang dinyatakan sebelumnya bagi pendapatan atau perbelanjaan adalah dipelaraskan ke akaun-akaun berkenaan pada tahun semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN**

	Harta Tanah Milik Bebas RM'000	Harta Tanah Jangka Panjang Tanah RM'000	Sewa Pajak Bangunan RM'000	Loji Dan Peralatan Lain RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>					
<b>Kos/Penilaian</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>34,773</b>	<b>115,010</b>
Penambahan	-	-	3	3,183	3,186
Pelupusan	-	-	-	(2,360)	(2,360)
Pelarasan	-	-	-	(109)	(109)
Penilaian semula tanah dan bangunan	8	6,173	(883)	-	5,298
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian	(3)	(673)	(732)	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>130</b>	<b>50,000</b>	<b>34,000</b>	<b>35,487</b>	<b>119,617</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	-	-	-	23,589	23,589
Penambahan	3	673	732	3,750	5,158
Pelupusan	-	-	-	(2,356)	(2,356)
Pelarasan	-	-	-	(63)	(63)
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian	(3)	(673)	(732)	-	(1,408)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	-	-	-	24,920	24,920
<b>Amaun Dibawa</b>					
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>130</b>	<b>50,000</b>	<b>34,000</b>	<b>10,567</b>	<b>94,697</b>
<b>2011</b>					
<b>Kos/Penilaian</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>130</b>	<b>40,300</b>	<b>36,447</b>	<b>31,416</b>	<b>108,293</b>
Penambahan	-	-	939	4,701	5,640
Pelupusan	-	-	-	(1,205)	(1,205)
Pelarasan	-	-	-	(139)	(139)
Penilaian semula tanah dan bangunan	8	5,401	(198)	-	5,211
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian	(13)	(1,201)	(1,576)	-	(2,790)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>34,773</b>	<b>115,010</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>11</b>	<b>601</b>	<b>737</b>	<b>21,757</b>	<b>23,106</b>
Penambahan	2	600	839	3,073	4,514
Pelupusan	-	-	-	(1,175)	(1,175)
Pelarasan	-	-	-	(66)	(66)
Penghapusan susut nilai terkumpul ke atas penilaian	(13)	(1,201)	(1,576)	-	(2,790)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	-	-	-	23,589	23,589
<b>Amaun Dibawa</b>					
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>125</b>	<b>44,500</b>	<b>35,612</b>	<b>11,184</b>	<b>91,421</b>
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>119</b>	<b>39,699</b>	<b>35,710</b>	<b>9,659</b>	<b>85,187</b>

4. PEMBANGUNAN HARTA TANAH

	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Harta Tanah Pegangan Bebas</b>		
Pembelian dalam tahun	543,318	-
Penjualan dalam tahun	(543,318)	-
<b>Baki pada 31 Disember</b>	-	-
<b>Harta Tanah Pajakan Jangka Panjang</b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	126,364	126,033
Penambahan	331	331
<b>Baki pada 31 Disember</b>	126,695	126,364

5. PELABURAN HARTA TANAH

	2012 RM'000	2011 RM'000	
<b>Baki pada 1 Januari</b>	377,972	363,902	
Keuntungan nilai saksama bersih	9,494	12,066	
Penambahan	12,536	2,004	
<b>Baki pada 31 Disember</b>	400,002	377,972	
	<b>31 Disember 2012 RM'000</b>	<b>31 Disember 2011 RM'000</b>	<b>1 Januari 2011 RM'000</b>
<b>Pada nilai saksama</b>			
Tanah milik bebas	149,300	135,000	131,430
Bangunan milik bebas	235,098	229,998	220,249
Tanah sewa pajak jangka panjang	10,320	9,700	8,890
Bangunan sewa pajak jangka panjang	4,910	2,900	2,959
	399,628	377,598	363,528
<b>Pada kos</b>			
Pelaburan harta tanah dalam binaan	374	374	374
	374	374	374
	400,002	377,972	363,902

6. SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Pada kos</b>			
Saham disebut harga	2,643,157	2,565,111	2,409,888
Perbadanan	88,000	73,000	48,000
Saham tidak disebut harga	299,350	352,215	336,702
	3,030,507	2,990,326	2,794,590
<b>Pada nilai pasaran</b>			
Saham disebut harga	5,273,350	5,092,379	4,731,131

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**7. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU**

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Pada kos</b>			
Saham tidak disebut harga	291,538	291,588	277,641
	<b>291,538</b>	<b>291,588</b>	<b>277,641</b>

**8. SEKURITI SEDIA UNTUK DIJUAL**

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Pada nilai saksama</b>			
Saham disebut harga	1,775,243	1,630,280	1,272,990
<b>Pada kos</b>			
Saham tidak disebut harga	137,542	138,370	133,522
Saham keutamaan boleh tebus terkumpul tidak disebut harga			
- syarikat subsidiari	-	-	239,300
- syarikat bersekutu	110,027	110,027	110,027
- pelaburan lain-lain	81,389	48,318	51,184
Pelaburan di luar Malaysia	13,874	14,343	14,370
	<b>2,118,075</b>	<b>1,941,338</b>	<b>1,821,393</b>

**9. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA**

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Bukan semasa</b>			
Bon (Sukuk Al-Musyarakah)	-	300,000	300,000
Nota Jangka Pertengahan	271,000	271,000	-
	<b>271,000</b>	<b>571,000</b>	<b>300,000</b>
<b>Semasa</b>			
Akaun belum terima lain-lain	16,420	21,664	118
Amaun belum terima daripada penjualan pembangunan harta tanah	442,034	-	-
Cukai akan diperolehi dari Lembaga Hasil Dalam Negeri	92,792	97,274	204,343
Faedah terakru bagi deposit	573	2,434	1,435
Keuntungan terakru bagi deposit - Perbankan Islam	415	3,793	4,538
Dividen terakru	4,551	3,261	2,464
Pinjaman perumahan kakitangan	8,454	8,081	7,550
Pinjaman kenderaan kakitangan	760	746	824
Pinjaman komputer kakitangan	32	40	66
Pendahuluan kakitangan	31	19	20
Pelbagai prabayaran	120	1,140	1,105
Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	264,398	229,468	136,039
Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu	41,661	31,216	21,105
Bil terakru pembangunan harta tanah	-	398	8,338
Akaun kawalan pengurusan bangunan	453	3,196	-
Deposit pembelian harta tanah	8,520	19,683	11,097
Deposit dan jaminan	1,492	4,586	1,585
	<b>882,706</b>	<b>426,999</b>	<b>400,627</b>

**9. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA (sambungan)**

Akaun belum terima lain-lain, amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap kecuali pendahuluan sebanyak RM17.0 juta kepada PPHM untuk projek pemindahan Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur pada kadar 6.5% setahun.

Analisis pengumuran akaun belum terima lain-lain pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut :

	<b>31 Disember 2012 RM'000</b>	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Kurang daripada 1 tahun	16,250	21,612	61
1 hingga 3 tahun	165	-	-
Melebihi 3 tahun	5	52	57
	<b>16,420</b>	21,664	118

**10. PEMBANGUNAN HARTA TANAH DALAM PERLAKSANAAN**

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan adalah projek perumahan di Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur untuk ditawarkan kepada anggota - anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara sebagai melaksanakan tanggungjawab korporat LTAT kepada anggota ATM.

	<b>2012 RM'000</b>	2011 RM'000
Kos pembangunan Taman LTAT adalah seperti berikut :		
Tanah pada kos :		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>8,462</b>	8,462
Penjualan	(214)	-
	<b>8,248</b>	8,462
Kos pembangunan :		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>33,436</b>	32,144
Perbelanjaan tahun semasa	4,536	1,292
Penjualan	(200)	-
	<b>37,772</b>	33,436
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>46,020</b>	41,898
Baki pada 1 Januari		40,606

**11. SEKURITI DIPEGANG UNTUK URUS NIAGA**

	<b>31 Disember 2012 RM'000</b>	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Pada nilai saksama :</b>			
Dagangan Terus LTAT			
Saham Disebut Harga	29,140	44,913	54,755
Kecairan	31,441	14,648	12,231
	<b>60,581</b>	59,561	66,986
Pengurusan Portfolio			
Saham Disebut Harga	108,910	87,084	95,194
Kecairan	38,902	43,787	18,194
	<b>147,812</b>	130,871	113,388
	<b>208,393</b>	190,432	180,374

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 12. DEPOSIT

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Deposit tetap :			
- syarikat sub-subsidiari	1,000	1,200	1,200
Deposit jangka pendek dan pasaran wang :			
- syarikat sub-subsidiari	722,407	310,718	413,773
- institusi-institusi lain	77,668	391,659	403,867
	800,075	702,377	817,640
Deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam :			
- institusi-institusi lain	330,419	67,933	282,727
	1,131,494	771,510	1,101,567

### 13. AKAUN CARUMAN AHLI

Jumlah Akaun Caruman Ahli yang terkumpul setakat 31 Disember 2012 ialah RM7,767.2 juta (2011 : RM7,117.8 juta). Jumlah ini diperolehi setelah mengambil kira penerimaan caruman dalam tahun, dividen yang dikreditkan pada kadar 7% (2011 : 7%) setahun, dividen atas pengeluaran pada kadar 7% (2011 : 7%) setahun, bonus pada kadar 1% (2011 : 1%) setahun dan ditolak pengeluaran dan pengasingan ke Akaun Dormant dalam tahun.

### 14. KUMPULAN WANG RIZAB

Rizab ini dikendalikan mengikut Seksyen 11(2) Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101). Pergerakan akaun ini pada tahun adalah seperti berikut :

	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>142,356</b>	134,298
Pindah dari keuntungan terkumpul	12,989	8,058
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>155,345</b>	142,356

### 15. PERUNTUKAN MANFAAT PERUBATAN SELEPAS PERSARAAN

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
<b>Manfaat perubatan selepas persaraan</b>			
Nilai kini obligasi tidak berdana	17,739	15,946	6,277
Kerugian aktuari tidak diiktiraf	(7,648)	(8,066)	(1,994)
Liabiliti bersih	10,091	7,880	4,283
		2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Pergerakan liabiliti bersih dalam penyata kedudukan kewangan</b>			
Liabiliti bersih pada 1 Januari		7,880	4,283
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar		(233)	(155)
Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif		2,444	3,752
Liabiliti bersih pada 31 Disember		10,091	7,880

**16. PERUNTUKAN FAEDAH UNIT AMANAH**

	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Baki pada 1 Januari</b>	<b>157,725</b>	126,546
Peruntukan pada tahun	<b>196,912</b>	157,725
	<b>354,637</b>	284,271
Bayaran dalam tahun	<b>(157,725)</b>	(126,546)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>196,912</b>	157,725

**17. PEMIUTANG**

	31 Disember 2012 RM'000	31 Disember 2011 RM'000	1 Januari 2011 RM'000
Caruman ahli akan dibayar	<b>284</b>	226	91
Akaun Dormant	<b>11,756</b>	13,236	6,990
Cukai atas pendapatan sewaan	<b>6,326</b>	11,123	14,408
Ubah suai Bangunan LTAT	<b>255</b>	255	255
Pemiutang-pemiutang lain	<b>15,986</b>	9,313	16,910
Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	<b>37,926</b>	8,807	22,299
Deposit dari penyewa	<b>5,298</b>	5,475	3,253
Pelbagai deposit dan jaminan	<b>14</b>	10	163
	<b>77,845</b>	48,445	64,369

Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap.

Akaun Dormant diasingkan daripada Akaun Caruman Ahli di bawah Seksyen 4, Peraturan-Peraturan Tabung Angkatan Tentera (Pengendalian & Pembayaran Balik Caruman Bagi Akaun Dormant) 2009, Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

**18. PENDAPATAN**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan dari faedah-faedah		
- faedah dari deposit tetap	<b>36</b>	42
- faedah dari deposit jangka pendek dan pasaran wang	<b>20,934</b>	22,850
- keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam	<b>4,315</b>	7,404
	<b>25,285</b>	30,296
Pendapatan dari pelaburan sekuriti sedia untuk dijual		
- dividen saham disebut harga	<b>72,310</b>	74,167
- dividen saham tidak disebut harga	<b>9,171</b>	6,119
- dividen saham keutamaan boleh tebus tidak disebut harga	<b>13,393</b>	19,414
- keuntungan penjualan saham disebut harga	<b>56,012</b>	39,233
- keuntungan nilai saksama bersih dipindahkan dari rizab sekuriti sedia untuk dijual	<b>43,915</b>	104,359
- kerugian penebusan saham keutamaan boleh tebus terkumpul tidak disebut harga	<b>(146)</b>	-
- kerugian kerosakan saham disebut harga	<b>-</b>	(3,124)
- pendapatan lain	<b>450</b>	1,411
	<b>195,105</b>	241,579
Pendapatan dari pelaburan sekuriti dipegang untuk urus niaga		
- dividen saham disebut harga	<b>14,841</b>	5,695
- keuntungan penjualan saham disebut harga	<b>9,927</b>	18,677
- pendapatan deposit dan baki-baki lain	<b>1,595</b>	968
- perbelanjaan	<b>(2,125)</b>	(2,215)
	<b>24,238</b>	23,125

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
 Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**18. PENDAPATAN (sambungan)**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan dari pinjaman dan akaun belum terima		
- keuntungan dari bon Sukuk Al-Musyarakah	29,474	33,000
- faedah dari Nota Jangka Pertengahan	19,022	12,837
- faedah dari pendahuluan kepada Perbadanan	1,108	36
	49,604	45,873
Pendapatan dari pelaburan syarikat subsidiari		
- dividen saham disebut harga	290,295	303,225
- dividen saham tidak disebut harga	53,140	22,317
- dividen saham di dalam Perbadanan	30,230	25,230
- keuntungan penjualan saham disebut harga	73,568	-
- (kerugian)/keuntungan penjualan saham tidak disebut harga	(54,000)	94
	393,233	350,866
Pendapatan dari pelaburan syarikat bersekutu		
- dividen saham tidak disebut harga	27,445	69,041
- kerugian kerosakan saham tidak disebut harga	(51)	-
- pendapatan lain	275	262
	27,669	69,303
Pendapatan sewaan		
- sewaan harta tanah, loji dan peralatan		
- sewaan dari syarikat subsidiari	580	892
- sewaan-sewaan lain	243	167
- sewaan dari pelaburan harta tanah	31,617	29,726
	32,440	30,785
Keuntungan bersih penjualan pembangunan harta tanah	46,402	102
	793,976	791,929

**19. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Faedah pinjaman kenderaan kakitangan	26	30
Faedah pinjaman perumahan kakitangan	278	270
Faedah pinjaman komputer kakitangan	2	2
Keuntungan penjualan harta tanah, loji dan peralatan	-	32
Keuntungan nilai saksama bersih daripada pelaburan harta tanah	9,494	12,066
Pelbagai	838	214
	10,638	12,614

**20. KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) NILAI SAKSAMA BERSIH SEKURITI DIPEGANG UNTUK URUS NIAGA**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pengurusan Portfolio	7,588	1,254
Dagangan Terus LTAT	(606)	(9,983)
	6,982	(8,729)

**21. PERBELANJAAN KAKITANGAN**

	<b>2012</b>	2011
	<b>RM'000</b>	RM'000
Gaji dan elaun kakitangan	<b>(22,137)</b>	(21,705)
Faedah persaraan dan ganjaran	<b>(3,892)</b>	(3,672)
Bayaran saguhati tamat perkhidmatan	<b>(846)</b>	(1,005)
Perubatan kakitangan	<b>(2,758)</b>	(1,822)
Latihan kakitangan	<b>(374)</b>	(477)
Pemberian insentif dan kemudahan lain	<b>(381)</b>	(297)
Manfaat perubatan selepas persaraan	<b>(2,444)</b>	(3,752)
	<b>(32,832)</b>	(32,730)

**22. PERBELANJAAN PENGURUSAN**

	<b>2012</b>	2011
	<b>RM'000</b>	RM'000
Perjalanan dan pengangkutan jabatan	<b>(269)</b>	(305)
Perkhidmatan perhubungan	<b>(938)</b>	(893)
Utiliti	<b>(138)</b>	(105)
Perkhidmatan percetakan	<b>(193)</b>	(213)
Bekalan dan bahan-bahan pejabat	<b>(365)</b>	(428)
Penyenggaraan dan pembaikan	<b>(2,273)</b>	(2,296)
Kos penyenggaraan bangunan	<b>(10,581)</b>	(9,089)
Perkhidmatan ikhtisas dan pengurusan	<b>(1,570)</b>	(1,249)
Yuran audit	<b>(213)</b>	(203)
Bayaran dan emolumen pengarah-pengarah	<b>(458)</b>	(318)
Tanggungjawab korporat (CR)	<b>(2,167)</b>	(2,113)
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	<b>(870)</b>	(598)
	<b>(20,035)</b>	(17,810)

**23. CUKAI DAN ZAKAT**

	<b>2012</b>	2011
	<b>RM'000</b>	RM'000
Cukai	-	6,168
Zakat	<b>2,400</b>	2,042
	<b>2,400</b>	8,210

Di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 5) 1974, LTAT dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pelaburan-pelaburan selain daripada sewa, yang dibuat di bawah Seksyen 15 Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

Pada 16 April 2012, YB Menteri Kewangan selaras dengan Seksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah meluluskan pengecualian peringkat statutori ke atas pendapatan sewaan LTAT bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Zakat ialah zakat perniagaan yang dibayar bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Zakat dikira mengikut kaedah alternatif yang diluluskan oleh Lembaga LTAT iaitu pada kadar 2.5% dari baki tunai dan bank setakat 31 Disember 2011 (2011: RM 2.042 juta pada kadar 2.5% dari baki tunai dan bank setakat 31 Disember 2010).

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**24. PELARASAN CARUMAN**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Pengaktifan semula Akaun Dormant		
Caruman	316	-
Dividen dan bonus	39	-
	355	-
Pindah dari keuntungan terkumpul	(39)	-
	316	-

**25. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan kesetaraan tunai di dalam penyata aliran tunai adalah merupakan amaun di dalam penyata kedudukan kewangan seperti berikut :

	2012 RM'000	2011 RM'000
Wang tunai dan baki bank	22,633	96,002
Deposit (nota 12)	1,131,494	771,510
	1,154,127	867,512

**26. KOMITMEN**

	2012 RM'000	2011 RM'000
Perbelanjaan diluluskan dan dikontrakkan :		
Harta tanah	12,875	12,710
Pelaburan tambahan	1,432	16,504
Loji dan peralatan	2,830	-
Langganan saham	-	27,000
Perbelanjaan diluluskan dan tidak dikontrakkan :		
Harta tanah	363,615	903,652
Pelaburan tambahan	10,269	744,815
Langganan saham	103,000	-
	494,021	1,704,681

**27. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Polisi pengurusan risiko kewangan LTAT bertujuan untuk memaksimumkan pertambahan nilai untuk pencarum di samping meminimumkan potensi kesan buruk yang timbul akibat turun naik kadar faedah dan ketidaktentuan pasaran kewangan.

Bagi mencapai misi LTAT, LTAT mengurus risiko yang timbul di dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah dengan komprehensif merangkumi risiko ekuiti/pelaburan, risiko operasi, risiko kecairan dan risiko kredit.

**(i) Risiko ekuiti/pelaburan**

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti ekoran aktiviti daripada pemilikan ekuiti di dalam sesebuah entiti dan perubahan dalam keadaan pasaran.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat memberi kadar pulangan yang dijangkakan dan termasuk keadaan di mana kemungkinan kehilangan sebahagian atau semua pelaburan asal berlaku.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio dan kepelbagaian.

**27. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)**

**(i) Risiko ekuiti/pelaburan (sambungan)**

Analisis Sensitiviti Untuk Risiko Pelaburan Disebut Harga

Memandangkan pemboleh ubah risiko kekal malar, kesan ke atas amaun dibawa kedudukan ekuiti pada setiap tarikh pelaporan sekiranya terdapat perubahan dalam harga pasaran ekuiti diringkaskan seperti jadual berikut :

	Perubahan Dalam Harga Pasaran Ekuiti %	Sensitiviti Penilaian Semula RM'000
<b>2012</b>	<b>+/-2</b>	<b>36,088</b>
2011	+/-2	33,504

**(ii) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko di mana LTAT tidak dapat memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan. LTAT adalah terdedah kepada risiko kecairan timbul dari tuntutan pelbagai pihak terlibat.

LTAT menyediakan aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi komitmen liabiliti apabila perlu dijelaskan.

Amaun dibawa bagi liabiliti kewangan LTAT berdasarkan tempoh matang adalah seperti di jadual berikut :

	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>2012</b>				
<b>Pemiutang</b>	<b>77,845</b>	<b>66,256</b>	<b>10,988</b>	<b>601</b>
2011				
Pemiutang	48,445	36,620	11,137	688

**(iii) Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan LTAT yang sensitif terhadap kadar perubahan faedah.

LTAT menguruskan risiko kadar faedah berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan.

Amaun dibawa bagi instrumen kewangan LTAT terdedah kepada risiko kadar faedah adalah seperti di jadual berikut :

	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000
<b>2012</b>		
<b>Deposit</b>	<b>1,131,494</b>	<b>1,131,494</b>
<b>Wang tunai dan baki bank</b>	<b>22,633</b>	<b>22,633</b>
2011		
Deposit	771,510	771,510
Wang tunai dan baki bank	96,002	96,002

Faedah ke atas instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai kadar tetap dan merupakan kenaikan sehingga tarikh matang. Instrumen-instrumen kewangan lain tidak tersenarai di dalam jadual di atas adalah instrumen tidak dikenakan faedah dan tidak termasuk dalam risiko kadar faedah.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

**27. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)****(iii) Risiko kadar faedah (sambungan)**

Analisis Sensitiviti Risiko Kadar Faedah

Andaian ke atas pertambahan/pengurangan kadar faedah sebanyak lima puluh mata asas (50 'basis point') dalam kadar faedah, di mana pemboleh ubah lain adalah malar akan mengurang/menambah keuntungan LTAT selepas cukai berjumlah RM3.922 juta (2011: RM4.627 juta) kesan kenaikan/penurunan pendapatan faedah.

**(iv) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah risiko yang terjadi disebabkan kegagalan pihak yang mengurus niaga untuk memenuhi tanggungjawab yang dipersetujui dengan LTAT.

LTAT menguruskan risiko kreditnya berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan.

**28. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN**

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama ialah amaun yang aset kewangan boleh ditukar pada tarikh penilaian antara pembeli yang sanggup membeli dan penjual yang sanggup menjual dalam urus niaga tulus. Maklumat yang dibentangkan di dalam ini merupakan anggaran terbaik nilai saksama pada tarikh pelaporan.

Nilai saksama aset kewangan adalah berdasarkan harga penutup. Pelaburan yang tidak disebut harga atau tiada kaedah penentuan nilai saksama adalah dinyatakan pada kos.

Maklumat nilai saksama bagi aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan tidak dimasukkan memandangkan maklumat tersebut tidak termasuk dalam skop FRS 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan. Ini termasuk pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu, pelaburan harta tanah dan harta tanah, loji dan peralatan.

Anggaran nilai saksama instrumen kewangan adalah menghampiri amaun dibawa masing-masing seperti ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

Jadual di bawah membentangkan aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama dan dikelaskan mengikut tahap hierarki seperti berikut :

- Tahap 1 - disebut harga dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang sama.
- Tahap 2 - input selain dari disebut harga termasuk dalam Tahap 1 yang memperlihatkan aset dan liabiliti sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 - input untuk aset dan liabiliti yang tidak berdasarkan tinjauan data pasaran.

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
<b>2012</b>				
Sekuriti sedia untuk dijual - disebut harga	1,775,243	-	-	1,775,243
Sekuriti sedia untuk dijual - tidak disebut harga	-	-	342,832	342,832
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	208,393	-	-	208,393
	<b>1,983,636</b>	<b>-</b>	<b>342,832</b>	<b>2,326,468</b>

**28. NILAI SAKSAMA ASET DAN LIABILITI KEWANGAN (sambungan)**

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2011				
Sekuriti sedia untuk dijual - disebut harga	1,630,280	-	-	1,630,280
Sekuriti sedia untuk dijual - tidak disebut harga	-	-	311,058	311,058
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	190,432	-	-	190,432
	1,820,712	-	311,058	2,131,770

**29. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI**

LTAT sebagai Pemberi Pajak

LTAT telah memeterai pajakan harta tanah komersial bagi pelaburan harta tanah. Pajakan tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga enam tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewa apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut :

	2012 RM'000	2011 RM'000
Tidak melebihi 1 tahun	25,261	30,042
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	67,074	82,849
Melebihi 5 tahun	2,371	9,486
	94,706	122,377

**30. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN**

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut :

	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>a) Urus niaga dengan Syarikat-syarikat Subsidiari/Perbadanan</b>		
<b>i) Pendapatan</b>		
Keuntungan bersih penjualan pembangunan harta tanah	7,698	-
Faedah daripada deposit tetap dan deposit jangka pendek	14,738	14,934
Keuntungan dari deposit jangka pendek dan pasaran wang Perbankan Islam	6	7
Faedah dari Nota Jangka Pertengahan	19,022	12,837
Faedah dari pendahuluan kepada Perbadanan	1,108	36
Sewaan	580	892
Dividen diterima (kasar)	383,665	356,827
Keuntungan penjualan saham	20,559	8,411
	447,376	393,944
<b>ii) Perbelanjaan</b>		
Yuran pengurusan bangunan	2,937	2,654
Yuran pengurusan ke atas pengurusan portfolio	118	113
Komisen atas jualan projek perumahan Taman LTAT, Bukit Jalil	-	13
	3,055	2,780

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

### 30. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (sambungan)

#### b) Urus niaga dengan Kerajaan Malaysia

##### i) Kuarters Kerajaan Yang Baru di Plot C, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur

LTAT dengan rasminya telah menandatangani Surat Niat (LOI) pada 4 Disember 2012 untuk pembinaan Kuarters Kerajaan yang baru di Plot C2, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur pada harga jangkaan berjumlah RM220 juta.

##### ii) Tanah di Lot 11972 GRN 49282, Mukim Ampang, Kuala Lumpur

Pada 7 Januari 2011, LTAT telah pun membayar deposit 2% berjumlah RM7.877 juta. Perjanjian Jual Beli di antara LTAT dan pihak Kerajaan Malaysia sedang dimuktamadkan dan dijangka akan ditandatangani pada awal 2013.

##### iii) Perpindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur (1MDB-PUKL)

Panel Pelaburan 3/2011 di dalam mesyuaratnya pada 12 Ogos 2011 meluluskan cadangan LTAT untuk menyertai di dalam projek pemindahan Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur dari Sungai Besi ke lokasi-lokasi yang akan ditetapkan oleh pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Panel juga bersetuju melantik Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) sebagai kontraktor untuk projek berkenaan. LTAT telah menandatangani Surat Niat dengan pihak 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai pemaju pada 15 November 2011. Perjanjian 'Tripartite' di antara 1MDB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia dijangka akan ditandatangani pada awal 2013.

### 31. PENDEDAHAN KEUNTUNGAN DIREALISASI DAN BELUM DIREALISASI

Pecahan keuntungan terkumpul pada tarikh pelaporan kepada keuntungan direalisasi dan belum direalisasi adalah seperti berikut :

	2012 RM'000	2011 RM'000
Jumlah keuntungan terkumpul		
- Direalisasi	410,652	453,210
- Belum direalisasi	77,824	61,348
	<b>488,476</b>	<b>514,558</b>

### 32. ANGKA PERBANDINGAN

Persembahan dan klasifikasi item-item tertentu di dalam penyata kewangan ini telah diubah suai. Angka-angka perbandingan bagi item-item tersebut telah dikelaskan semula sejajar dengan tahun semasa.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011 telah dinyatakan semula seperti berikut :

	Seperti Dinyatakan Sebelumnya RM'000	Pelarasan Tahun Lalu RM'000	Seperti Dinyatakan Semula RM'000
<b>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2011</b>			
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Syarikat-syarikat subsidiari	2,957,650	32,676	2,990,326
Sekuriti sedia untuk dijual	1,936,490	4,848	1,941,338
<b>Aset Semasa</b>			
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	287,287	(96,855)	190,432
<b>Ekuiti</b>			
Rizab pertukaran matawang asing	-	4,848	4,848
Keuntungan terkumpul	578,737	(64,179)	514,558



## CERTIFICATE OF APPROVAL

This is to certify that the Quality Management System of:

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Kuala Lumpur  
Malaysia**

has been approved by Lloyd's Register Quality Assurance  
to the following Quality Management System Standards:

**ISO 9001:2008  
EN ISO 9001:2008  
BS EN ISO 9001:2008  
MS ISO 9001:2008**

The Quality Management System is applicable to:

**Provision of superannuation fund scheme for members  
of the Malaysian armed forces.**

Approval  
Certificate No: KLR 0403648

Original Approval: 05 April 2002

Current Certificate: 05 April 2011

Certificate Expiry: 04 April 2014

Issued by: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd  
for and on behalf of Lloyd's Register Quality Assurance Ltd.



This document is subject to the provision on the reverse  
Suite 21-04, Level 21, Menara Tan & Tan, 207 Jin Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia. Registered Number 111008-K  
This approval is carried out in accordance with the LRQA assessment and certification procedures and monitored by LRQA.  
The use of the UKAS Accreditation Mark indicates Accreditation in respect of those activities covered by the Accreditation Certificate Number 001  
Mark Number 18



### CERTIFICATE OF APPROVAL

This is to certify that the IT Service Management System of:

**Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Jalan Bukit Bintang  
50748 Kuala Lumpur  
Malaysia**

has been approved by Lloyd's Register Quality Assurance  
to the following IT Service Management Standards:

**ISO/IEC 20000-1:2011**

The IT Service Management System is applicable to:

**The IT service management system that supports the  
provision of IT services to LTAT's internal customers.**

Approval  
Certificate No: KLR 6006667

Original Approval: 16 October 2009

Current Certificate: 16 October 2012

Certificate Expiry: 15 October 2015

Issued by: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd  
for and on behalf of Lloyd's Register Quality Assurance Ltd.



This document is subject to the provision on the reverse  
Suite 21-04, Level 21, Menara Tan & Tan, 207 Jln Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia, Registered Number 111008-K  
For and on behalf of 71 Fenchurch Street, London EC3M 4BS, United Kingdom  
This approval is carried out in accordance with the LRQA assessment and certification procedures and monitored by LRQA.  
The use of the itSMF Mark indicates recognition in respect of the itSMF IT Service Management Scheme.  
Mark 10/06/11



*40 Years*  
1972-2012  
Annual Report 2012



LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

# Annual Report and Financial Statement 2012

## Contents

### CORPORATE INFORMATION

### FINANCIAL STATEMENT

